

**KEPERCAYAAN TERHADAP CERITA ASAL USUL  
DALAM MASYARAKAT KAMPUNG GAJAH: SATU  
KAJIAN NARATIF LISAN**

**NUR ERIYANA BINTI HASSAN**

**C18A0280**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KELANTAN

**2022**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul Dalam  
Masyarakat Kampung Gajah : Satu Kajian Naratif Lisan**

**Nur Erieyana Binti Hassan**

**C18A0280**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**2022**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



NUR ERIEYANA BINTI HASSAN

DR. NOR DIANA BINTI AB  
JABAAR

Tarikh: 20 FEBRUARI 2022

Tarikh: 20 FEBRUARI 2022

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah: Satu Kajian Naratif Lisan” telah disediakan oleh **(NUR ERIEYANA BINTI HASSAN)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian **(Kesusasteraan Warisan)**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

\_\_\_\_\_  
(Dr. Nordiana Binti Ab Jabaar)

Tarikh :

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis dan versi asal-usul perkampungan lama di dalam daerah kecil Kampung Gajah, Perak dengan turun kajian lapangan dan temu ramah bersama beberapa orang kampung sebagai responden kajian. Di samping itu, kajian ini juga akan menganalisis berkenaan dengan kepercayaan dan pemikiran penduduk kampung di dalam daerah kecil Kampung Gajah ini mengenai cerita asal-usul penempatan tersebut dengan mengaplikasikan Teori Sastera Budaya dan dalam kajian ini juga, pengkaji akan menghuraikan impak cerita asal usul terhadap penduduk di dalam daerah kecil Kampung Gajah ini. Hasil daripada kajian, dapat dilihat bahawa kepercayaan masyarakat kampung tentang cerita asal usul adalah dengan membawa cerita asal ini sebagai naratif lisan yang diterima secara turun-temurun. Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan ini dapat memberi penerokaan yang baharu terdapat pengkaji yang ingin mengetahui kewujudan perkampungan lama atau perkampungan terpencil dengan sejarah lama yang kian terpusus ditelan zaman. Namun, dengan maklumat yang diperolehi, daripada hasil kajian ini, dapat membantu pengkaji baharu dalam mempengaruhi minat terhadap naratif lisan. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat dijadikan sebagai satu panduan dan rujukan pengkaji lain untuk penambahbaik kajian yang akan datang.

## ABSTRACT

This study was conducted to identify the type and version of the origin of the old village in the sub-district of Kampung Gajah, Perak by conducting a field study and interviewing several villagers as respondents. In addition, this study will analyze the beliefs and thoughts of the villagers in the sub-district of Kampung Gajah on the story of the origin of the settlement by applying the Theory of Cultural Literature and in this study, the researcher will describe the impact of the origin story on the people in this small district of Kampung Gajah. As a result of the study, it can be seen that the belief of the village community about the origin story is by bringing this original story as an oral narrative that is accepted from generation to generation. In addition, based on this study can provide a new exploration, there are researchers who want to know the existence of old villages or remote villages with old history that is becoming extinct with time. However, with the information obtained, from the results of study, can help new researchers in influencing interest in oral narrative. In addition, it is hoped that this study can be used as a guide and reference for other researchers to improve future studies.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah saya menyiapkan laporan projek penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian (kesusasteraan warisan) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dilakukan telah berjaya di atasi. Semua permasalahan ini, menjadikan saya seorang insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi diucapkan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Nordiana binti Ab Jabar selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada Penduduk Kampung di Daerah Kecil Kampung Gajah yang telah memebrikan kerjasama dan bantuan untuk mendapatkan maklumat kajian sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat saya sayangi Hassan bin Pandak Ismail (Ayahanda), Maimunah binti Abdul Hamid (Bonda), dan adik beradik yang saya sayangi tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Disamping itu, terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang tidak henti menyumbangkan idea yang bernas dalam membantu semasa menjalankan kajian ini.

Selain itu, sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua terlibat di Jabatan Warisan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sepanjang pengajian saya di sini.

Sekian, Terima Kasih.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



## SENARAI RAJAH

BIL.	SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
1.	Rajah 1.1 : Peta Negeri Perak	11
2.	Rajah 1.2 : Peta Kawasan Kampung Gajah	12
3.	Rajah 2.1 : Konsep Pendekatan Kajian Budaya	41
4	Rajah 2.2 : Kearangka Konseptual	53
5.	Jadual 4.1 : Demografi responden ditemubual	56 - 57
6.	Rajah 4.1 : Peta kawasan Kampung Gajah	59
7.	Rajah 4.2 : Peta kawasan Kampung Selat Pulau	62
8.	Rajah 4.3 : Peta kawasan Kampung Kepala Pulau	64
9.	Rajah 4.4 : Peta kawasan Kampung Kota	65
10.	Rajah 4.5 : Gambar Bentuk Kubu	67
11.	Rajah 4.6 : Peta kawasan Kampung Geronggong	68
12.	Rajah 4.7 : Peta Kawasan Kampung Pasir Salak	70
13.	Rajah 4.8 : Pintu masuk Kompleks Sejarah Pasir Salak	73
14.	Rajah 4.9 : Peta kawasan Kampung Biak	77
15.	Rajah 4.10 : Pokok daum ketum/daun biak	78
16.	Rajah 4.11 : Peta kawasan Kampung Bandar Tua	79
17.	Rajah 4.12 : Gambar Madarasah Tertua	82
18.	Rajah 4.13 : Peta kawasan Kampung Pasir Garam	83
19.	Rajah 4.14 : Peta Kawasan Pulau Tiga	85
20.	Rajah 4.15 : Keratan Akhbar Quran Tertua	86

MALAYSIA

KELANTAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Abstrak	I - II
Penghargaan	III
Senarai Rajah	V
<b>BAB1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1 - 3
1.2 Latar Belakang Kajian	3 - 5
1.3 Permasalahan Kajian	5 - 6
1.4 Persoalan Kajian	6 - 7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7 - 8
1.7 Definisi Konsep	8 - 10
1.8 Batasan Kajian	10 - 13
1.9 Penutup	13 - 14
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	15 - 16
2.2 Kajian Lepas Mengenai Kepercayaan	16 - 23
2.3 Kajian Lepas Mengenai Cerita Asal Usul	23 - 28
2.4 Kajian Lepas Mengenai Kampung Gajah	28 - 29
2.5 Kajian Lepas Mengenai Naratif Lisan	29 - 35
2.6 Kajian Lepas Mengenai Teori Sastera Budaya	35 - 37
2.7 Penutup	37
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pendahuluan	38

3.2	Reka Bentuk Kajian	39 - 40
3.2.1	Reka Bentuk Kualitatif	40 - 45
3.2.2	Penerapan Teori	45 - 51
3.2.3	Kerangka Konseptual	53
3.3	Penutup	54
<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>		
4.1	Pendahuluan	55
4.2	Analisis Demografi Responden	56 - 57
4.3	Jenis Dan Versi Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah	57 - 58
4.3.1	Cerita Asal Usul Kampung Gajah	59 - 62
4.3.2	Cerita Asal Usul Kampung Selat Pulau	62 - 63
4.3.3	Cerita Asal Usul Kampung Kepala Pulau	63 - 65
4.3.4	Cerita Asal Usul Kampung Kota	65 - 68
4.3.5	Cerita Asal Usul Kampung Geronggong	68 - 70
4.3.6	Cerita Asal Usul Pasir Salak	70 - 77
4.3.7	Cerita Asal Usul Kampung Biak	77 - 79
4.3.8	Cerita Asal Usul Kampung Bandar Tua	79 - 82
4.3.9	Cerita Asal Usul Kampung Pasir Garam	82 - 84
4.3.10	Cerita Asal Usul Kampung Pulau Tiga	84 - 88
4.4	Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Kg. Gajah Mengenai Cerita Asal Usul dengan Menggunakan Pendekatan Kajian Budaya	88 - 89
4.4.1	Sebagai Sebuah Cerita Turun Temurun.	90 - 99
4.4.2	Perlambangan Sesuatu Budaya Dan Bangsa	100 - 101

4.3.3	Kebijaksanaan Masyarakat Melayu Terdahulu	102 - 106
4.5	Impak Yang Mempengaruhi Masyarakat Kampung Gajah Mengenai Cerita Asal Usul	106
4.5.1	Impak Kepada Individu	106 - 107
4.5.2	Impak Kepada Masyarakat Setempat	107 - 108
4.5.3	Impak Kepada Sektor Pendidikan	108
4.5.4	Impak Kepada Sektor Perlancongan	108 - 109
4.5.5	Impak Kepada Badan Berkenaan	109
4.5	Penutup	110
 <b>BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pendahuluan	111
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	111 - 112
5.2.1	Dapatan Analisis Objektif 1	112
5.2.2	Dapatan Analisis Objektif 2	113 - 114
5.2.3	Dapatan Analisis Objektif 3	114 - 115
5.3	Rumusan	115 - 117
5.4	Cadangan	117 - 118
5.4.1	Menilai Cerita Asal Usul Masyarakat Melayu Dalam Sudut Pandangan Yang Berbeza	118 - 119
5.4.2	Menggalakan Golongan Muda Meminati dan Menghayati Segala nilai Warisan yang ada dalam Cerita Asal Usul Masyarakat Melayu Melalui Melalui Institusi Pendidikan	119
5.4.3	Peranan Media Massa	1189 - 120

5.5	Penutup	120 - 121
	<b>RUJUKAN</b>	122 - 125
	<b>LAMPIRAN</b>	126 - 137



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Definisi 'sastera' berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu *Castra* dan sering disebut *shastra* yang membawa maksud sebagai kitab suci. Walaubagaimanapun, perkataan *susastra* pula memberi erti kepada definisi sastera iaitu sebagai seni sastera atau seni bahasa dan secara umumnya dimaksudkan sebagai persuratan. Kesusasteraan pula diberikan maksud sebagai segala penghasilan sastera yang disampaikan atau dinikmati, baik melalui pembacaan atau penulisan mahupun melalui lisan dan pendengaran (Harun Mat Piah: 2006). Makna kata yang tersurat dalam perkataan kesusasteraan, menurut Harun Mat Piah (2000) perkataan kesusasteraan sama maksud dengan bahasa Inggeris yang berkembang daripada kata Latin iaitu *Literature* yang berasal daripada kata *litera* dan memberi erti abjad atau kata (*letter*). Bagi definisi kesusasteraan menurut Ali Ahmad (1997) kesusasteraan sering dihubungkan dengan karya-karya yang ditulis, iaitu hasil daripada perbadanan satu-satu masyarakat. Beliau juga berkata bahawa kesusasteraan mempunyai perasaan, emosi, intuisi, nilai-nilai kehalusan dan jenis unsur jiwa dalam keindahan.

Medium pengantar utama dalam bidang sastera adalah bahasa dan sastera juga merupakan satu bidang seni kreatif walaupun kebanyakan penggunaan di dalamnya adalah bahasa. Merujuk kepada sejarah perkembangan sastera di Tanah Melayu telah melalui zaman evolusi dan perkembangan dari segi konsep dan maknanya ia membawa maksud cerita, peristiwa, fikiran dalam bentuk imaginatif

fiksi yang merangkumi lisan pada awalan sejarah dan diterusi ke bentuk penulisan yang disampaikan bagi tujuan pengucapan kepada masyarakat. Tujuan utama dalam konsep pengucapan yang disampaikan adalah bertujuan untuk pengajaran, pengetahuan dan juga hiburan semata-mata kepada masyarakat di Tanah Melayu ketika itu.

Sejarah perkembangan sastera bermula daripada sastera lisan. Pengertian lisan mengikut definisi daripada Professor Jan Vansina, lisan adalah sumber-sumber sejarah yang dikatakan berbentuk istimewa. Keistimewaan lisan ini adalah kerana ianya dari sumber yang asalnya tidak bertulis dan dicipta sesuai dengan kaedah penyampaiannya iaitu secara bertutur, dan diturunkan (diwarisi) dari generasi ke generasi (Aznam Haron:2005). Menurut Kamus Kesusasteraan (2015), sastera lisan dapat dikatakan sebagai bentuk karya sastera yang telah muncul dalam masyarakat pratulisan, dicipta dan disampaikan secara lisan. Walau bagaimanapun, sastera lisan merupakan elemen penting dalam pembentukan sastera di Tanah Melayu sebelum kedatangan pengaruh Hindu dengan membawa sistem *Askara* di Tanah Melayu iaitu pembentukan sistem tulisan. Di samping itu, cerita asal usul merupakan salah satu jenis sastera lisan yang tertua di dalam sastera lisan. Namun begitu cerita asal usul ia berkonsepkan sebagai sastera lisan yang berunsurkan sejarah penubuhan sesuatu tempat atau kawasan itu. Oleh itu, setiap cerita asal usul ini mempunyai kisah di sebalik penubuhan atau asal usul kewujudan tempat itu dan ianya sangat unik dan menarik untuk diketahui oleh masyarakat.

Walaupun, cerita asal usul ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi untuk diketahui dan diwarisi secara turun-temurun oleh seseorang individu atau sekumpulan masyarakat yang mempunyai hubungan rapat dengan cerita atau kisah yang diaturkan (Haji Abdul Karim Bin Haji Abdul Rahman : 2016). Selain

itu, ia juga merupakan hasil sastra yang dimiliki bersama atau dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu yang dituturkan dan disebarakan dari satu generasi ke satu generasi dengan medium penceritaan iaitu seorang pencerita yang akan menceritakan peristiwa tersebut dan digelar sebagai tukang cerita atau Penglipur Lara.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Setelah kelahiran kesusasteraan berlaku dalam segenap pelusuk kehidupan masyarakat Melayu, masyarakat Melayu telah dibangunkan dengan pemikiran yang mampu mencerminkan sikap serta kebudayaan mengikut zamannya. Cerita asal usul merupakan sastra rakyat yang dituturkan dan disampaikan secara lisan yang menjadi milik masyarakat bersama. Sastra lisan atau sastra rakyat merupakan genre kesusasteraan yang terawal dalam membangunkan pemikiran masyarakat Melayu. Dalam sastra lisan telah dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut cerita. Dalam kajian yang dilakukan ini, cerita asal usul merupakan topik utama dalam analisis yang dilakukan oleh pengkaji. Cerita asal usul merupakan sejenis sastra lisan yang tertua berbanding dengan sastra lisan yang lain. Cerita asal usul ini lazimnya sederhana panjangnya dan setiap ceritanya bertemakan dengan asal usul nama sesuatu tempat, sesuatu benda, kejadian dan sebagainya lagi. Namun, kebiasaan cerita asal usul ini berkait rapat dengan kehidupan manusia dan watak-watak yang ditonjolkan terdiri daripada watak manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Kewujudan cerita asal usul dalam sastra lisan ini tidak dinafikan kewujudan ceritanya daripada nenek moyang yang bermukim di sesuatu tempat atau daerah dan menjadikan ia sebagai ilham daripada sesuatu peristiwa ajaib yang berlaku di



hadapan pancaindera mereka. Oleh kerana peristiwa yang berlaku tersebut adalah istimewa bagi mereka, namun mereka menamakan tempat tersebut atas peristiwa yang berlaku di hadapan mereka. Merujuk kenyataan daripada Darmabakti (1986) menyatakan bahawa cerita asal usul ini merupakan cerita yang tertua sekali dalam sastera lisan dan semestinya mempunyai unsur dongeng yang muncul dalam galur penceritaan. Namun begitu, tidak dinafikan lagi apabila kadang-kala cerita asal usul ini mempunyai jalan dan peristiwa cerita yang tidak masuk dek akal untuk difikirkan oleh segenap masyarakat terutamanya masyarakat zaman yang dipengaruhi teknologi moden kini. Walaubagaimanapun, masyarakat Melayu menjadikan cerita asal usul ini sebagai pegangan dalam budaya kehidupan dan warisan turun temurun nenek moyang terdahulu.

Kajian ini akan dilakukandi kawasan Kampung Gajah, Perak. Kampung Gajah yang terletak di daerah Perak Tengah merupakan kawasan yang mempunyai sejarah yang mengemparkan Tanah Melayu ketika kedatangan British dahulu dengan kejadian pembunuhan JWW Birch. Selain itu, Kampung Gajah juga dikatakan sebagai kawasan yang mempunyai warisan sastera lisan yang unik antaranya asal usul kejadian pembentukkan Kampung Gajah, kewujudan kampung-kampung lama di tepian Sungai Perak dan banyak lagi namun ia kurang untuk diketahui oleh masyarakat terutamanya masyarakat disekitar kawasan tersebut. Namun dengan adanya peluang ini, pengkaji cuba merungkai dan menjalankan kajian mengenai asal usul kejadian Kampung Gajah dengan menggunakan kajian naratif lisan.

Dalam kajian yang dilakukan ini, teori yang digunakan adalah teori sastera budaya. Menurut Chris Weedon (2001), kajian mengenai teori budaya adalah hasil daripada minat sesetengah masyarakat mengenai hubungan antara budaya dan kuasa serta cenderung terhadap hal-hal mengenai politik, ideologi, sosial dan

faktor-faktor sejarah yang mempunyai hubungan dengan budaya dan kuasa. Menurut beliau lagi, teori sastera budaya ini semakin kukuh di Britain dengan berfokuskan kesusasteraan sebagai bahan kajian yang memberi tujuan utama kepada budaya dan ketamadunan sesuatu bangsa. Disamping itu, berdasarkan kenyataan daripada Chris Barker (2000) dalam buku beliau yang berjudul “Cultural Studies: Theory And Practical” telah menggariskan tiga kaedah atau prinsip dalam teori sastera budaya ini dengan penelitian yang boleh dilakukan ialah pendekatan etnologi, pendekatan tekstual dan kajian resepsi. Dalam kajian yang ingin dilakukan ini akan melihat beberapa kaedah berdasarkan teori tersebut sebagai kajian mengenai budaya dalam cerita asal-usul ini.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Sastera rakyat atau sastera lisan merupakan sebahagian daripada kekayaan sejarah dan budaya yang dimiliki setiap bangsa. Sastera lisan di Malaysia tidak terkecuali daripada keunikan hasil sastera lisan yang dimiliki dari turun-temurun. Keunikan sastera lisan ini dapat diertikan sebagai ekspresi sesuatu masyarakat melalui tutur bahasa yang berhubung secara langsung dengan pelbagai aspek atau elemen budaya dan susun nilai sosial masyarakat. Walaubagaimanapun, setiap sastera lisan merupakan antara medium terpenting masyarakat Melayu terdahulu menyebarkan maklumat kepada masyarakat Melayu yang lain. Masyarakat Melayu terdahulu menjadikan hiburan yang diperoleh sebahagiannya melalui cerita-cerita yang disampaikan oleh tukang cerita sebagai rujukan penting dalam penubuhan tradisi masyarakat. Namun, selepas peralihan dari zaman ke zaman, masyarakat semakin memandang rendah mengenai sastera lisan ini dan semakin

tidak mempercayai kewujudan sesuatu berdasarkan penceritaan orang dulu-dulu dalam sastera lisan.

Menurut penelitian yang telah dibuat oleh pengkaji, pengkaji telah meneliti bahawa terdapat beberapa isu yang ingin dibangkitkan oleh pengkaji iaitu terdapat kebanyakan masyarakat menganggap sastera rakyat atau sastera lisan ini hanyalah sebagai cerita yang mengandungi unsur mitos yang berlebihan sehingga menganggap ianya tidak relevan lagi untuk dipercayai pada masa kini. Antara faktor yang menunjang ke arah ini, apabila masyarakat kini dikelilingi dengan arus teknologi yang canggih serba moden sehingga membawa mereka menjurus kepada ideologi moden. Mereka menganggap bahawa sastera lisan ini hanyalah cerita semata-mata sahaja dan tidak wujud perkara yang sebenar terjadi. Kepercayaan mereka terhadap sastera lisan ini sangat tipis terutama jika bukti tidak dapat dinyatakan di hadapan mereka.

Dalam menjalankan kajian ini juga, pengkaji telah meneliti kurangnya masyarakat kini tentang pengetahuan terhadap cerita-cerita atau kisah-kisah mengenai sastera lisan terutama dalam cerita asal usul sesuatu tempat. Mereka hanya mengetahui nama tempat itu sahaja malah mereka kurang dalam mengetahui sejarah dan asal-usul tempat tersebut. Dengan adanya kajian yang dilakukan ini, ia mampu memberi serba sedikit pengetahuan tentang sastera lisan yang kini kurang dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat kini.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini telah menggambarkan beberapa persoalan-persoalan mengenai kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji dan jelas mengenai kepercayaan masyarakat terhadap cerita asal usul dengan menggunakan kajian naratif lisan di Negeri Perak.

Namun persoalan yang dinyatakan ini adalah berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan oleh pengkaji sendiri. Berikut merupakan persoalan-persoalan kajian yang dinyatakan oleh pengkaji :

- a. Berapakah jenis atau versi cerita asal usul yang didapati dalam kejadian pembentukan nama tempat di Kampung Gajah, Perak.
- b. Adakah cerita asal usul pembentukan Kampung Gajah ini masih relevan dalam kehidupan seharian masyarakat.
- c. Apakah impak atau kesan yang didapati oleh masyarakat setempat dan luar dalam mengenal asal usul sesuatu tempat tersebut.

### **1.5 Objektif Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa objektif kajian yang digunakan sebagai panduan menjayakan kajian ini. Objektif kajian memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju penyelidikan mengikut arah tujuannya.

Berikut merupakan objektif kajian bagi kajian yang dijalankan ini iaitu :

- a. Mengenalpasti jenis dan versi cerita asal-usul dalam masyarakat Kampung Gajah.
- b. Menganalisis kepercayaan dan pemikiran penduduk Kampung Gajah mengenai cerita asal usul tempat tersebut.
- c. Menghuraikan impak cerita asal-usul terhadap penduduk di Kampung Gajah.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang bidang kesusasteraan terutamanya dalam kesusasteraan klasik. Namun begitu, sastera lisan kini telah terpinggir dan semakin dilupakan apabila generasi tua yang membangunkan sastera lisan meninggal dunia dan tidak ada generasi yang mewarisinya. Kajian ini diharapkan agar dapat memberikan semangat dalam mengenali lebih mendalam tentang kepentingan sastera rakyat atau sastera lisan terutamanya kalangan pelajar bidang kesusasteraan. Di samping itu, dengan kajian yang dilakukan ini mampu meningkatkan tahap kefahaman mengenai sastera lisan yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

Seterusnya, hasil kajian ini juga akan memberikan impak yang sangat besar dalam memikir dan menilai tentang kepentingan dunia sastera klasik dalam menentukan kedudukan masyarakat akan datang. Selain itu, dengan menjalankan kajian ini, pengkaji juga dapat memperluaskan lagi mengenai tentang cerita-cerita rakyat di serata tempat untuk menunjukkan keunikan yang ada dalam sastera rakyat atau sastera lisan ini.

## **1.7 Definisi Konsep**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, definisi konsep mengenai kajian adalah :

### **1.7.1 Kepercayaan**

Kepercayaan tidak lari dengan kehidupan masyarakat Melayu Tradisi ketika dahulu. Kepercayaan dapat didefinisikan kepada satu konotasi makna sebagai sesuatu yang dipercayai. Namun begitu, kepercayaan memainkan peranan

penting dalam sesebuah hubungan antara manusia dengan penciptanya, manusia dengan sesuatu perkara dan lain-lain lagi.

Merujuk kepada Mayer, Davis dan Schoorman (1995), kepercayaan merupakan kesediaan seseorang untuk menjadi rentatan terhadap tindakan pihak lain berdasarkan harapan bahawa yang lain akan melakukan tindakan tertentu yang penting untuk terus terlepas dari kemampuan untuk memantau atau maengimbangkan pihak lain. Seterusnya, kepercayaan juga boleh dikatakan sebagai tindak balas mengenai sesebuah harapan, asumsi atau keyakinan seseorang tentang kemungkinan bahawa tindakan seseorang di masa yang akan datang memberikan manfaat, kebaikan dan tidak merosakkan sesebuah kepentingan.

Berdasarkan Lewicky dan Wiethoff (2000), mendefiniskan kepercayaan sebagai keyakinan individu dengan kemauan untuk bertindak atas dasar kata-kata, tindakan dan keputusan orang lain. Berdasarkan definisi konsep kepercayaan daripada tokoh tersebut dapat disimpulkan bahwa kepercayaan adalah suatu harapan yang positif, asumsi atau keyakinan kognitif seseorang.

### **1.7.2 Cerita Asal Usul**

Merujuk kepada kamus dewan, asal usul merupakan salah silah terhadap sesuatu atau lebih jelas ia merujuk kepada peringkat awal atau permulaan. Cerita asal usul merupakan cerita yang tertua berbanding cerita lain yang terdapat dalam sastera lisan (Darmabakti : 1986). Cerita asal usul ini telah dijadikan sebagai pegangan masyarakat Melayu kerana cerita ini sebahagiannya daripada warisan turun temurun daripada nenek moyang terdahulu. Contoh cerita yang dapat menjelaskan tentang cerita asal usul yang

wujud dalam masyarakat adalah cerita pembukaan Kota Melaka. Cerita bermula apabila Parameswara yang berehat di bawah pokok Melaka telah melihat satu kejadian yang agak aneh iaitu beliau melihat seekor pelanduk telah menendang seekor anjing pemburu nya. Jadinya dengan kejadian yang berlaku di hadapan pancainderanya, terus beliau menakan kawasan tersebut sebagai Melaka. Tuntasnya, unsur-unsur mitos, kejadian luar biasa serta kepercayaan masyarakat setempat yang mewarnai tradisi lisan yang disampaikan dari generasi ke generasi.


### **1.7.3 Naratif Lisan**

Menurut Prince (2003), naratif bermaksud penceritaan satu atau lebih peristiwa yang benar atau tidak benar oleh satu, dua atau beberapa pencerita kepada satu, dua atau beberapa penerima cerita. Bagi Fludernik (2009) pula menyifatkan naratif sebagai satu kata hubung atau wacana terhadap cerita yang boleh dipersembahkan melalui pelbagai bentuk media. Hal ini adalah kerana, konsep sesebuah cerita dapat disampaikan kepada khalayak melalui pelbagai kaedah komunikasi termasuk kaedah lisan. Definisi secara menyeluruh menyifatkan naratif sebagai satu representasi dunia dalam bentuk linguistik atau medium visual untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej. Secara tradisinya proses naratif atau penceritaan boleh difahamkan melalui tiga fasa mudah iaitu permulaan, pertengahan dan pengakhiran.

Namun begitu, naratif lisan merupakan karya-karya naratif dalam kesusasteraan Melayu tradisional yang menjadi milik masyarakat kerana bentuk dan penyampaiannya melalui lisan dari mulut ke mulut. Naratif lisan terbahagi kepada tiga iaitu mitos, legenda dan cerita rakyat.

## 1.8 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih Negeri Perak sebagai tempat kajian untuk dijalankan. Perak merupakan salah satu negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai khazanah warisan dari turun-temurun terutamanya mengenai sastera lisan dan tidak lari daripada sejarah asal-usul negeri Perak. Merujuk kepada sejarah awal mengenai asal usul Negeri Perak, terdapat beberapa versi yang menunjukkan sejarah mengenai asal usul nama Negeri Perak tersebut. Terdapat versi menyatakan bahawa asal usul nama Negeri Perak diambil bersempena dengan nama Bendahara Tun Perak dari Melaka dan terdapat juga versi yang menyatakan bahawa nama Negeri Perak diambil dari ‘kilatan ikan dalam air’ yang berkilau seperti warna perak. Justeru dari pengenalan asal usul nama Negeri Perak tersebut telah membayangkan tentang kekayaan khazanah yang terkandung dalam negeri tersebut.



Rajah 1.1 : Peta Negeri Perak



Rajah 1 diatas menunjukkan peta bagi Negeri Perak mengikut daerah yang dibahagikan kepada 12 daerah. Negeri Perak kaya dengan hasil khazanah warisan kerana Negeri Perak telah pun wujud pada zaman prasejarah lagi dengan mengalami evolusi dari masa ke semasa. Daerah Perak Tengah terdapat satu penempatan atau mukim yang sangat dikenali masyarakat serata Negeri Perak malah di luar negeri juga turut mengenali nama Kampung Gajah yang serba unik ini. Kampung Gajah merupakan salah satu nama tempat atau mukim dalam daerah Perak Tengah yang mempunyai cerita rakyat yang sangat unik dan menyimpan seribu satu rahsia yang terwujudnya nama-nama kampung di kawasan Kampung Gajah tersebut untuk diketahui.



Rajah 1. 2 : Peta Kawasan Kampung Gajah, Perak

Rajah 2 menunjukkan peta kawasan Kampung Gajah yang terletak di kawasan Daerah Perak Tengah, Perak. Dalam kajian ini, pengkaji memilih kawasan Kampung Gajah sebagai skop kajian yang ingin dilakukan kerana di Kampung Gajah ini terdapat merupakan kawasan yang sering menjadi tarikan unik pada namanya dan kebanyakannya ramai masyarakat yang belum tahu tentang di sebalik keunikan nama dan asal usul Kampung Gajah. Namun begitu

perkampungan yang hampir keseluruhan masyarakat Melayu ini mempunyai sejarah sastera lisan yang unik untuk diketahui oleh masyarakat tempatan atau luar serta tidak ramai pengkaji untuk mengkaji sastera rakyat di kawasan Kampung Gajah ini. Dalam skop kajian ini juga akan melihat dan mengkaji mengenai asal usul perkampungan yang diberi nama unik serta mempunyai kisah disebalik asal usul di kawasan Kampung Gajah.

Kampung Gajah terletak di tepi tebing kanan Sungai Perak, Perak, Malaysia dan terletak kira-kira 75km di barat bandar Ipoh. Bandar Teluk Intan pula yang terletak di daerah Hilir Perak, terletak di selatan Kampung Gajah, kira-kira 25km. Daripada Teluk Intan ke Daerah Manjung akan temui Kampung Gajah. Kampung Gajah merupakan sebuah pekan yang sedang membangun dan secara umumnya penduduk Kampung Gajah berbangsa Melayu keseluruhannya. Di sepanjang Sungai Perak di Daerah Kampung Gajah ini terdapat kampung-kampung tua. Kewujudan kampung-kampung ini boleh dilihat sebagai petanda betapa penempatan ini sudah lama diwujudkan dan dapat membuktikan bahawa kawasan Kampung Gajah ini mempunyai banyak sejarah di negeri Perak yang pastinya ramai belum mengetahuinya.

Dalam batasan kajian ini juga, pengkaji menggunakan pendekatan kajian budaya daripada Chris Barker dengan menggunakan satu konsep daripada lapan konsep yang diperkenalkan oleh Chris Barker dalam menjalankan kajian ini. Konsep tersebut ialah subjektif dan identiti.

## **1.9 Penutup**

Kesimpulannya kajian ini dilakukan adalah ingin melihat sejauh mana kepercayaan masyarakat ini mempercayai terhadap sastera lisan dalam cerita asal

usul mengenai penubuhan sesuatu tempat itu terjadi. Dalam kajian ini, pengkaji mengharapkan sastera lisan ini mampu membuka mata masyarakat untuk lebih mendalami dunia sastera dengan mendekati lebih mendalam mengenai sastera lisan. Selain itu, dengan adanya kajian sebegini dilakukan dapatlah golongan dapat menghasilkan karya mengenai sastera lisan supaya ia tidak ditelan zaman.



## **BAB 2**

### **KAJIAN LEPAS**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini akan membincangkan secara teoritikal mengenai kajian-kajian lepas yang sebelum ini telah dilakukan oleh pengkaji lain untuk menyokong model kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Beberapa sorotan kajian akan digunakan sebagai asas kepada pembentukkan model kajian ini. Dalam kajian ini terdapat beberapa sorotan kajian mengenai kepercayaan terhadap sesuatu cerita terutamanya dalam skop cerita rakyat. Definisi dan rumusan dari setiap kajian lepas akan dimasukkan dalam kajian untuk memenuhi keperluan pengkaji. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan kajian lepas mengenai cerita asal usul sebagai tema utama dalam menjalankan kajian ini. Terdapat beberapa kajian lepas yang akan digunapakai dalam membentuk arah tujuan kajian. Masyarakat Bota di Perak merupakan antara skop kajian yang akan diketengahkan dalam bab ini dengan melampirkan beberapa sorotan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain. Pengkaji juga akan menggunakan beberapa sorotan daripada kajian lepas mengenai naratif lisan.

Namun begitu, kajian literatur ini merupakan asas kepada pengkaji agar kajian yang ingin dilaksanakan mempunyai garis panduan dan juga sebagai sumber rujukan yang tepat dan sangat jelas. Di samping itu, melalui kajian literatur ini juga dapat mencari dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap kajian literatur supaya ia dapat dimanfaatkan ke dalam penulisan pengkaji. Oleh

hal yang sedemikian, kajian literatur adalah perkara yang penting untuk dimanfaatkan dalam penulisan kajian berdasarkan beberapa aspek yang dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk pengkaji melaksana dan menyiapkan kajian ini.

## **2.2 KAJIAN LEPAS MENGENAI KEPERCAYAAN**

### **2.2.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah**

Di peringkat tesis ijazah doktor falsafah ini mempunyai beberapa kajian lepas mengenai kepercayaan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji kepas. Dalam peringkat ini, Ros Aida Mohd Mokhtar antara sarjana yang telah melopori atau menjalankan kajian di peringkat ini dengan kajiannya yang berjudul Konsep Sinkretisme Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Adat dan Kepercayaan Masyarakat Kedayan. Dalam kajian yang telah dilakukan ini telah menyatakan bahawa kepercayaan asal penduduk daerah Nusanantara ini adalah dinamisme-animisme iaitu kepercayaan tentang adanya jiwa dan roh yang boleh mempengaruhi atau memberi kesan langsung pada kehidupan manusia. Dapat dirumuskan dalam kajian ini, pengkaji lepas cuba memberi tahu bahawa setiap masyarakat di Nusantara ini mempunyai kepercayaan masing-masing mengikut sekitar kehidupan masyarakat tersebut. Namun, setiap kepercayaan yang dipengaruhi oleh sesetengah masyarakat memberi kesan yang mendalam terhadap jiwa dan kehidupan.

### **2.2.2 Tesis Ijazah Sarjana**

Kajian lepas mengenai kepercayaan dalam peringkat ini tidak dinafikan telah dibuat oleh sarjana atau pelopor tempatan dan antarabangsa. Namun pengkaji telah menemui beberapa kajian lepas mengenai kepercayaan antaranya daripada Maruan Bin Mohd Yusoff dengan tajuk kajiannya Nur Muhammad : Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan. Kajian ini telah membincangkan mengenai kepercayaan masyarakat Kelantan terhadap doktrin *Nur Muhammad* yang dikatakan sebagai salah satu doktrin popular di kalangan ahli sufi terutamanya di Nusantara. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmana kefahaman dan kepercayaan masyarakat terhadap doktrin tersebut serta ingin merungkai sejauh mana tahap pengaruh asing telah meresap masuk ke dalam ajaran Islam sehingga menimbulkan pelbagai polimik dalam kepercayaan dan pegangan di kalangan masyarakat Kelantan Khususnya.

Seterusnya dalam peringkat ini juga terdapat beberapa lagi sarjana yang telah menjalankan kajian mengenai kepercayaan. Berdasarkan kajian lepas mengenai kepercayaan dalam tesis ijazah sarjana, Zainab Binti Ishak (2013) telah menjalankan penyelidikan tentang kepercayaan dengan kajiannya yang berjudul Peradaban Islam ke Atas Peradaban Melayu Dari Sudut Adat Resam Dan Kepercayaan Masyarakat Melayu di Malaysia. Dalam kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji telah membincangkan mengenai kepercayaan masyarakat peradaban Melayu terhadap agama Islam. Peradaban Melayu telah meletakkan agama Islam sebagai asas kepercayaan serta sebagai salah satu cara hidup. Ia menjadikan sebagai kepercayaan kerana ia bertindak sebagai panduan kepada umat Melayu di dalam menentukan batas-batas kegiatan kehidupan harian.

Selain itu, terdapat satu lagi kajian lepas daripada peringkat antarabangsa mengenai konsep kepercayaan daripada ijazah sarjana ini yang telah didapati oleh pengkaji iaitu kajian antarabangsa daripada Novita Sari Siregar (2018) dengan

kajiannya yang berjudul Ritual Kepercayaan Masyarakat Melayu Terhadap Cerita Rakyat Nek Saripah di Desa Hinai Kanan Kecamatan Hinai Kabupaten Langat : Kaji Antropologi Sastra. Kjian lepas yang dibuat mengenai kepercayaan ini, pengkaji lepas telah mendeskripsikan bentuk ritual masyarakat Melayu terhadap Cerita Rakyat Nek Saripah dan untuk mendeskripsikan bentuk kepercayaan masyarakat Melayu terhadap Cerita Rakyat Nek Saripah yang menjadi tariakn terhadap pengkaji. Namun begitu, isi dalam kajian ini dapat disimpulkan dengan kajian baharu yang akan dikaji oleh pengkaji baru. Oleh itu, kajian ini dapat menyimpulkan bahawa bentuk ritual yang dilakukan oleh masyarakat Melayu terhadap Cerita Rakyat Nek Saripah adalah dengan upacara membawa pulut kuning dan ayam kampung jantan dah dibakar, melakukan keduri pada Hari Asyura dan membawa buah-buahan. Ini hanyalah kepercayaan bagi masyarakat Melayu terhadap Cerita Rakyat Nek Saripad bahkan bentuk kepercayaan yang sebenar adalah percaya adanya keberadaan Nek Saripah, percaya Nek Saripah memiliki haiwan tuggangan, percaya Nek Saripah memiliki dayang-dayang serta cucu yang cantik, percaya Nek Saripah ketika Ashar tidak berada fi tanah perkuburan dan percaya pada raya Haji Nek Saripah pergi ke Makkah dengan haiwan saktinya itu untuk ditanggung. Ini merupakan kajian yang dibuat oleh pengkaji Novita Sari Siregar (2018) dengan kepercayaan terhadap cerita rakyat Nek Saripah.

### **2.2.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda**

Dalam peringkat ini terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh pengkaji lepas mengenai kepercayaan. Nor Baiti Binti Mustafa (2013) antara pengkaji lepas yang membuat kajian mengenai kepercayaan dalam peringkat Tesis Sarjana

Muda dengan tajuk kajiannya yang berjudul Tradisi dan Kepercayaan Orang Asli Jah Hut di Kampung Penderas, Temerloh. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas ini adalah ingin merungkaikan mengenai budaya tradisi dan kepercayaan Orang Asli Jah Hut di Kampung Penderas, Temerloh, Pahang yang melambangkan identiti suku kaum tersebut. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, dipercayai bahawa terdapat beberapa ingin diperkatakan oleh pengkaji mengenai kepercayaan masyarakat Orang Asli Jah Hut ini dengan bentuk-bentuk ukiran kayu serta elemen yang terkandung di dalam sistem kepercayaan animisme yang digunakan dalam kaedah perubatan tradisional. Namun dapat dirumuskan mengenai kajian lepas yang dibuat oleh Nor Baiti Binti Mustafa (2013) ini bahawa setiap masyarakat mempunyai kepercayaan masing-masing dan dapat dilihat dengan jelas tentang kepercayaan masyarakat Orang Asli Jah Hut ini yang mempunyai budaya tradisi dan kepercayaan yang unik dan tidak ramai yang mengetahui tentangnya terutamanya dalam proses merawat penyakit melalui penghasilan bentuk ukiran dan ritual untuk menghalau semangat, hantu atau roh yang dipercayai telah merasuki pesakit.

#### **2.2.4 Artikel Jurnal**

Kajian lepas mengenai kepercayaan di peringkat ini terdapat beberapa kajian lepas yang telah dijumpai oleh pengkaji antaranya daripada Hajah Maiza Haji Ali et al., (2015) dengan kajiannya yang berjudul Kepercayaan Rakyat Dalam Budaya Material : Tinjauan Etnografi Sodio-Budaya Melayu Brunei. Kajian yang telah dilakukan ini menyatakan bahawa kepercayaan merupakan satu konotasi makna sebagai fahaman dogmatis yang terjalin erat dengan adat istiadat hidup daripada suku bangsa yang masih kuat pegangannya atau kefahaman ortodoks.



Kepercayaan ini dianggap penting bagi mengelakkan daripada ditimpa sebarang musibah bukan sahaja kepada individu berkenaan malah juga seluruh ahli keluarga atau masyarakat di tempat tinggalnya. Namun begitu, kenyataan tersebut disokong oleh Skeat (1965) dalam kajiannya *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular* yang mengkaji terhadap unsur kepercayaan Melayu dalam konteks pra-Islam yang berkaitan dengan amalan animisme. Dalam kajian ini juga, pengkaji lepas meletakkan konsep kepercayaan daripada Mohd Taib Osman (1989) yang menerangkan bahawa masyarakat Melayu dahulu memiliki satu konsep kepercayaan yang berpandukan kefahaman animisme, iaitu kepercayaan kepada 'semangat', perkara-perkara ghaib dan sesuatu yang ganjil.

Namun begitu, dalam peringkat ini juga terdapat kajian lepas mengenai kepercayaan yang telah dibuat oleh Norsuhaila Sulaiman dengan kajiannya yang berjudul *Analisis Kepercayaan Etnik Kadazandusun Sabah Dalam Antologi*. Dalam kajiannya ini telah membincangkan mengenai unsur-unsur pegangan kepercayaan etnik Kadazandusun di Sabah dalam antologi cerpen *Tangon*. Berdasarkan antologi cerpen *Tangon* ini merupakan cerita yang berlatarbelakangkan adat tradisi, kepercayaan dan pantang larang etnik Kadazandusun. Selitan unsur kepercayaan memainkan peranan penting untuk melihat kelakuan anggota masyarakat dalam organisasi tersebut. Kepercayaan yang dikatakan dalam kajian tersebut berkaitan dengan unsur-unsur tidak masuk akal dalam pemikiran masyarakat luar etnik ini terutamanya tentang kepercayaan terhadap roh dan pemujaan nenek moyang mereka terdahulu. Namun kepercayaan mereka adalah satu tradisi dalam masyarakat etnik tersebut.

Seterusnya kajian lepas daripada Tessa Dwi Leoni, Wahyu Indrayati (2018) yang berjudul *Folklor Kepercayaan Rakyat Masyarakat Melayu di Kabupaten*

Bintan. Kajian lpeas yang dibuat ini adalah membincangkan mengenai kepercayaan rakyat dalam masyarakat Melayu di Kabupaten Bintan yang berkaitan dengan tradisi lisan mengenai lingkaran kehidupan, mengenai alam ghaib dan mengenai proses terciptanya alam semesta dan dunia. Dalam kajian ini juga menyatakan sebahagian besar masyarakat Bitan masih memelihara kepercayaan yang diperolehi oleh mereka dengan mewarisinya secara turun-temurun oleh leluhur mereka. Kepercayaan-kepercayaan yang mereka prolehitelah menarik perhatian terhadap beberapa pelopor untuk menjadikannya sebahagian daripada kajian mereka. Namun begitu, mereka masih mengekalkan kepercayaan mereka.

#### **2.2.5 Buku**

Bagi kajian lepas di peringkat ini, terdapat beberapa buah buku yang membuat kajian mengenai kepercayaan antaranya daripada Farahwahida Mohd. Yusof (2007) menerbitkan sebuah buku yang berjudul Aliran Kepercayaan : Sejarah dan Perkembangan di Malaysia. Dalam buku ini, penulis telah membahaskan secara terperinci mengenai kelahiran dan perkembangan aliran kepercayaan. Namun kelahiran dan perkembangan aliran kepercayaan ini lebih dikenali sebagai ajaran sesat dalam sejarah umat Islam. Selain itu, penulis juga ada membincangkan di dalam bukunya ini mengenai penerimaan masyarakat Melayu Islam di Malaysia mengenai kepercayaan dan jugak faktor perkembangan aliran ini dalam masyarakat. Namun dari segi konsep mengenai kepercayaan ini lebih kepada aliran agama.

#### **2.2.6 Lain-lain (majalah/laman sesawang/akhbar)**

Di peringkat ini, terdapat beberapa individu telah menyatakan konsep kepercayaan dalam pelbagai aspek. Berdasarkan kenyataan daripada Dr. Huzili Hussin (2019) dalam kenyataan beliau di Sinar Harian Online menyatakan bahawa kepercayaan adalah perkara paling penting dalam kehidupan seharian manusia untuk membentuk keperibadian seseorang itu. Kepercayaan terletak dalam diri seseorang untuk mencerminkan siapa diri yang sebenarnya. Jika hilangnya kepercayaan dalam diri, ia dapat menjatuhkan martabat seseorang itu. Kepercayaan itu telah mewujudkan suasa persekitaran yang baik.

Berdasarkan penulisan daripada Siti Annisa Nahwari (2013) dalam laman sesawangnya dapat dinyatakan kepercayaan bermaksud merangkumi sesuatu perkara. Kepercayaan dalam konteks psikologi merupakan sebagai keadaan pemikiran sehubungan sikap seseorang penduduk atau masyarakat. Ia dapat dilihat ketika dalam konteks keagamaan dan kebudayaan. Selain itu, kepercayaan juga adalah sebahagian daripada satu asas yang penting dalam perkembangan moral dan intelektual. Namun ia juga diakui sebagai akidah atau kepercayaan secara umumnya. Siti Annisa Nahwari (2013) telah mengemuka beberapa definisi kepercayaan daripada beberapa pakar antaranya Das dan Teng (1998) yang menyatakan kepercayaan merupakan pemahaman sebagai tahap di mana seseorang yang percaya meletakkan sikap untuk muhibah dan kebolepercayaan orang lain untuk mempercayai dalam situasi yang berisiko. Manakala kenyataan bagi Rousseau et al, (1998), kepercayaan adalah sebagai bahagian psikologi yang terdiri daripada penyerahan diri untuk menerima kekurangan berdasarkan beberapa pandangan individu atau masyarakat.

Merujuk kepada kenyataan dari sebuah laman sesawang yang tidak mempunyai nama penulisnya menyatakan konsep tentang kepercayaan mengikut ahli tokoh. Di dalam kenyataan beliau, beliau menerangkan beberapa konsep

antaranya daripada Lewicki dan Bunker (1996) menyatakan bahawa kepercayaan digambarkan bila seseorang mempercayai orang lain dan memberikan kepercayaan terhadap orang lain dalam sesuatu hal yang dan meletakkan pengharapan yang tinggi untuk tidak dikewakan. Namun bagi Yamagisi (1998) menyuarakan tentang konsep kepercayaan ini dengan menyatakan bahawa kepercayaan merupakan keyakinan orang kepada maksud baik orang lain yang tidak merugikan mereka, peduli pada hak mereka, dan melakukan kewajibannya.

## **2.3 KAJIAN LEPAS MENGENAI CERITA ASAL USUL**

### **2.3.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah**

Dalam kajian lepas mengenai cerita asal usul telah banyak dilakukan oleh para sarjana tempatan dan antarabangsa. Bagi mengumpulkan data dan kajian mengenai cerita asal usul daripada cerita rakyat ini telah memberikan wawasan dan panduan yang baik dalam menjalankan kajian berkaitan cerita asal usul yang akan diketengahkan oleh pengkaji. Namun begitu, terdapat beberapa kajian lepas diperolehi berdasarkan tajuk kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Antara sorotan kajian mengenai cerita asal usul adalah daripada peringkat Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang berjudul Sejarah Pengasasan Asal Usul Brunei Berdasarkan Sumber Lisan yang ditulis oleh Haji Abdul Karim Bin Haji Abdul Rahman (2016). Berdasarkan kajian lepas ini, kajian ini dilakukan untuk melihat sejarah awal asal usul Kerajaan Brunei yang didirikan pada pertengahan abad yang ke-14 Masih. Menurut Haji Abdul Karim Bin Haji Abdul Rahman dalam penulisan tesisnya, beliau menyatakan bahawa cerita asal usul merupakan sastera rakyat yang berbentuk lisan berunsurkan sejarah penubuhan atau bernilai sejarah yang diwarisi

secara turun temurun oleh seseorang individu atau sekumpulan masyarakat yang mempunyai hubungan rapat dengan cerita yang dituturkan.

### 2.3.2 Tesis Ijazah Sarjana

Kajian daripada Mohd Fahmi Bin Ismail (2017) mengenai Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang Kelantan, Malaysia ini telah menyentuh sedikit mengenai asal-usul Masyarakat Orang Asli di Temiar. Secara amnya merujuk kajian daripada Mohd Fahmi Bin Ismail, beliau merumuskan bahawa asal usul orang asli berasal daripada sekelompok manusia yang terpinggir daripada masyarakat yang lain. Mereka merupakan anatar kelompok masyarakat tertua yang mendiami kawasan hutan dan enggan berjumpa atau bergaul kerana mereka komuniti yang tersisih dan terasing dengan masyarakat lain. Mereka berbekalkan bahan-bahan semulajadi untuk meneruskan kehidupan mereka di dalam hutan. Namun begitu, kehidupan mereka juga saling bergantung kepada metafora, alam, makna-makna sejarah tersurat dan tersirat yang kekal abadi beriringan dengan lagenda mitos dan cerita-cerita asal usul purba atau *genealogies* yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Ekoran daripada kajian ini, pengkaji dapat melihat sendiri cerita rakyat yang sangat unik dan kaya dengan pemikiran yang hebat terutamanya cerita asal usul suku kaum Orang Asli Temiar. Kajian lepas ini juga telah memasukkan beberapa komponen atau jalur asal usul kehidupan Orang Asli Temiar mengikut kaum dan keturunan mereka.

### 2.3.3 Ijazah Sarjana Muda

Kajian dalam peringkat ini terdapat kajian lepas yang telah didapati oleh pengkaji iaitu kajian daripada Helmi Bin Hussin (2007) dengan tajuk kajiannya Dikir Loba : Konsep, Asal Usul, Sejarah Perkembangan dan Falsafah. Dalam kajian yang dilakukan ini adalah pengkaji melihat sejarah penubuhan dan asal usul wujudnya Dikir Laba ini. Dapat dilihat Dikir Laba ini merupakan salah satu puisi tradisional yang didatangkan khas daripada Arab. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Arab yang betul dan mempunyai makna. Namun tidak keseluruhan digunakan dengan bahasa arab bahkan separuh daripada ungkapan dikir tersebut mempunyai bahagian yang bercampuran dengan bahasa Arab dan Melayu. Unsur keagamaan yang dititikberatkan dalam setiap maksud yang disampaikan dalam bai-bait Dikir Laba ini. Asal usul terwujudnya Dikir Laba dalam dunia puisi tradisional ini mampu meningkatkan minat yang sangat mendalam dalam bidang kesusasteraan bahkan bidang seni persembahan juga turut tertarik dengan kehadiran Dikir Laba ini.

#### **2.3.4 Artikel Jurnal**

Dalam peringkat ini terdapat beberapa kajian yang telah dijumpai oleh pengkaji mengenai cerita asal-usul oleh pengkaji lepas. Penelitian telah dibuat dalam kajian yang dijalankan oleh Sarah Sabir Ahmad et al., (2015), dalam kajiannya yang berjudul Kisah di Sebalik Asal Usul Nama di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai. Dalam kajian ini telah menganalisis tentang disebalik nama-nama Kampung Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai yang mempunyai nama-nama unik. Daripada mana datangnya nama uni tersebut sehingga menjadikan ia sebuah kampung. Peristiwa yang terdapat dalam disebalik keunikan nama kampung tersebut telah menjadi tarikan para pengkaji untuk melakukan kajian tersebut.

Selain itu, nama sesuatu tempat itu juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah di telan arus masa dan komodenan teknologi dan pembangunan. Dalam kajian yang dilakukan ini juga dapat menggambarkan tentang kekayaan warisan, budaya, aktiviti, ekonomi dan identiti masyarakat terdahulu. Namun begitu, dalam sorotan kajian ini juga memaparkan asal usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang yang dikatakan nama yang unik itu terdiri daripada cerita-cerita lisan penduduk penduduk kampung tersebut yang mampu memberikan pengetahuan tentang asal usul sesuatu tempat itu sebelum ditelan zaman dengan arus pemodenan kini.

Selain itu, pengkaji menjumpai kajian yang dilakukan oleh Norazimah Zakaria et al., (2016) bertajuk *Cerita Mitos Dalam Dua Dunia* ini telah menyatakan bahawa cerita asal usul merupakan sebuah cerita mitos iaitu cerita yang tidak masuk dek akal atas pemikiran manusia lain. Dalam kajian tersebut, beliau menerangkan bahawa dalam cerita asal usul mempunyai unsur mitos di dianggap sebagai sebuah cerita yang benar-benar berlaku pada suatu masa terdahulu dan dianggap suci dalam masyarakat ketika dahulu. Tidak dinafikan dalam kajian beliau jugak menyatakan bahawa cerita asal usul adalah cerita yang bersifat naratif lisan.

Dapatan kajian oleh Fatimah Hassan et al., (2014) dalam kajiannya yang berjudul *Mitos dan Lagenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes Lembah Lenggong* mendapati bahawa cerita asal usul juga tergolong salah satu produk yang mampu menarik para pelancong untuk mengunjunginya dan mampu menyumbang pada sektor perlancongan negeri serta ekonomi negara. Menurut Fatimah Hassan (2014) dalam kajian ini juga terdapat banyak cerita asal usul nama tempat di Lenggong yang mempunyai cerita unik, mitos dan lagenda tersendiri. Cerita-cerita asal usul tersebut dijadikan sebagai tarikkan utama sektor

perlancongan di Lembah Lenggong dan mewujudkan pelbagai replika serta sejarah peringatan untuk menunjukkan bahawa disitulah bermulanya asal-usul nama tempat itu diwujudkan. Namun dalam setiap cerita tersebut mempunyai unsur mitos yang tidak mampu diubah lagi. Berdasarkan cerita rakyat dan cerita asal usul yang diketengahkan oleh pengkaji lepas dalam kajiannya ini memiliki pelbagai kisah yang menarik bagi tujuan pengkaji lain untuk meluaskan tampak pemikiran dalam penyelidikan tentang sastera rakyat. Namun begitu, tujuan utama pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk memajukan unsur sastera rakyat dijadikan satu elemen tarikan pelancong di Lembah Lenggong, Perak.

### **2.3.5 Buku**

Kajian lepas di peringkat ini pengkaji mendapati terdapat beberapa buah buku yang dijadikan sebagai kajian lepas tentang cerita asal usul antaranya ialah buku daripada Zakiah Hanum (1989) menerbitkan sebuah buku yang berjudul Asal-Usul Negeri-Negeri di Malaysia. Berdasarkan buku ini, penulis telah berkongsi intipati tentang asal-usul nama negeri di serata Malaysia. Setiap negeri dalam Semenanjung Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak penulis berkongsi satu demi satu terwujudnya sejarah nama-nama daerah di dalam setiap negeri dan mempunyai kisah sejarah dan unsur lagendanya yang tersendiri. Nama-nama itu telah menyimpan pelbagai warna kehidupan sesebuah kebudayaan, bangsa dan masyarakat dalam peradaban sesebuah negara yang telah melalui liku-liku peredaran zaman silam sehinggalah terciptanya sejarah negeri dalam Malaysia pada hari ini.

### **2.3.6 Lain-lain (majalah/laman sesawang/akhbar)**



Dalam peringkat ini, pengkaji menjumpai kajian lepas dari beberapa laman sesawang yang membaut kajian mengenai cerita asal usul iaitu daripada laman blogspot Kitab Tawarikh yang di tulis oleh Harith Faruqi Sidek. Beliau telah membuat kajian mengenai Asal Usul Nama Petaling dan beberapa kawasan sekitarnya. Dalam penulisan ini, beliau telah meceritakan tentang sejarah bagaimana terwujudnya nama Daerah Pertaling dan beberapa lagi kawasan yang berhampiran dengannya. Hal ini, beliau telah merujuk salah satu buku iaitu Koleksi Cerita Asal Usul dan Sejarah Daerah Petaling yang diterbitkan khas oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.

## **2.4 KAJIAN LEPAS MENGENAI KAMPUNG GAJAH**

### **2.4.1 Tesis Ijazah Sarjana Muda**

Berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai Kampung Gajah, terdapat kelompongan yang harus diisi oleh pengkaji untuk melengkapkan kajian mengenai cerita asal usul Kampung Gajah dalam kajian naratif lisan ini. Namun terdapat bebrapa kajian lepas iaitu kajian lepas daripada pelajar UITM iaitu Norhidayah Binti Sulihin (2014) yang melakukan kanjian yang berjudul Proses Pemuliharaan Tapak Warisan di Komplek Sejarah Pasir Salak, Kampung Gajah. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini beliau menumpukan mengenai cara pemulihan sesebuah tapak sejarah warisan yang berada dalam daerah Kampung Gajah. Daerah Kampung Gajah ini terkenal mengenai sejarah pembunuhan pertama gabenor British iaitu J.W.W Birch yang ditikam dan dihanyutkan di sungai Perak oleh beberapa pembesar di Pasir Salak tersesbut. Secara keseluruhannya mengenai sejarah tersebut lalu telah terwujudnya kompleks sejarah

bagi memperingatkan tentang sejarah yang berlaku pada zaman kedatangan penjajahan british di Tanah Melayu.

#### **2.4.2 Lain-lain (majalah/laman sesawang/akhbar)**

Berdasarkan di peringkat ini terdapat kajian lepas yang telah ditulis dalam laman sesawang kebanyakannya antaranya laman sesawang daripada Portal Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Kampong Gajah yang telah menuliskan tentang sejarah penubuhan Daerah Kampong Gajah berdasarkan beberapa versi.

Selain itu terdapat penulisan dari surat khabar online yang dapat dijadikan sebagai kajian lepas yang dilakukan oleh Sinar Harian Online. Berdasarkan kenyataan yang buat oleh Harian Online ini telah mengisahkan tentang semangat patriotik yang terdapat dalam diri masyarakat di Kampung Gajah yang menentang terhadap penjajahan British di Tanah Melayu. Perjuangan yang ditengahkan adalah perjuangan Dato Seri Maharaja Lela, Dato Sago dan Si Puntum. Namun begitu, di dalam penulisan ini juga menceritakan bahawa Kampung Gajah merupakan satu pekan yang sangat terkenal dengan sejarah-sejarah peninggal orang-orang terdahulu sehinggakan ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai sejarah unik yang terdapat di Kampung Gajah.

### **2.5 KAJIAN LEPAS MENGENAI NARATIF LISAN**

#### **2.5.1 Tesis Sarjana Doktor Falsafah**

Kajian lepas yang berkaitan mengenai naratif lisan tidak terlalu banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana tempatan malah antarabangsa pun sama. Namun bagi

pengumpulan dan kajian mengenai naratif lisan telah memberi wawasan dan rujukan yang baik kepada pengkaji baru untuk menjalankan kajian mengenai naratif lisan ataupun sastera rakyat. Berdasarkan kajian lepas dari peringkat ini, kajian yang berjudul Nilai-nilai Murni Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan : Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu yang disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa naratif lisan merupakan satu urutan kronologi penceritaan yang berasal daripada masyarakat yang berkembang dalam sesuatu kelompok komuniti masa lampau, menjadi ciri khas oleh setiap bangsa yang memiliki budaya pelbagai ragam, mencakupi kekayaan budaya dan sebagai sejarah milik bangsa secara bersama.

### **2.5.2 Tesis Ijazah Sarjana**

Bagi peringkat ini, terdapat kajian lepas mengenai naratif lisan yang telah dibuat oleh pengkaji lepas iaitu tesis daripada Jasman Bin Bandar dengan tajuk kajiannya Konsep Mentera Dalam Budaya Bajau Kampung Mapan-mapan, Pitas, Sabah. Kajian ini berdasarkan penggunaan mentera dalam kepercayaan orang Bajau di daerah Pitas Sabah. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji lepas menyatakan bahawa mentera merupakan salah satu tradisi lisan yang menggunakan elemen manggis dengan menegakkan kepercayaan dalam masyarakat Bajau. Mereka menganggap mentera merupakan sejanta untuk menyelamatkan diri daripada serangan makhluk ghaib, manusia, haiwan serta sebagai ubat untuk masalah penyakit. Apa yang dikatakan dalam kajian ini, merujuk kepada mentera dalam kehidupan bermasyarakat memberikan nilai estetik dan artistik melalui penggunaan bahasa serta pengalaman mentera dalam kehidupan seharian seperti naratif lisan yang lain.

Namun begitu, pada tahap ini juga pengkaji telah menjumpai kajian mengenai naratif lisan iaitu yang berjudul *Mitos dan Murut Tahol Dalam Konteks Perubahan Tradisional* yang dimiliki oleh Normadiyah Nassir (2016). Dalam kajian lepas ini, pengkaji lepas membuat kajian mengenai naratif lisan atau sastera lisan ini berdasarkan konteks perubahan Islam. Dalam kajian ini, pengkaji lepas menekankan unsur mitos dan lagenda perubahan tradisional etnik Murut Tahol. Mitos dan lagenda juga merupakan naratif lisan yang dipercayai benar oleh sesetengah orang sehingga ke zaman kini. Pengkaji lepas menggap kedua-dua naratif lisan ini mengandungi kepercayaan dan ilmu pengetahuan orang-orang terdahulu atau orang lama dalam masyarakat Melayu terdahulu yang mengamalkan konsep sastera lisan sebelum kedatangan zaman peralihan.

### **2.5.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda**

Dalam peringkat ini terdapat beberapa pengkaji lepas yang telah melakukan kajian-kajian terawal mengenai naratif lisan. Leanna Demay Ak Joseph (2007) merupakan diantara pengkaji lepas yang melakukan kajian mengenai naratif lisan dengan kajiannya yang berjudul *Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Iban di Sarawak*. Naratif lisan ini merupakan satu jalur yang sama berkaitan dengan cerita rakyat iaitu cerita yang disampaikan secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi yang lain dengan bertutur. Dalam kajian ini, pengkaji lepas telah mendapati bahawa cerita rakyat perlu sentiasa diamalkan dalam kehidupan seharian kerana ia sangat penting untuk mengembangkan ilmu pengetahuan tentang sastera lisan terutamanya generasi muda kini supaya ia tidak lapuk di telan zaman.

### **2.5.4 Artikel Jurnal**

Kajian lepas pada peringkat ini terdapat beberapa artikel jurnal yang dijumpai oleh pengkaji. Kajian lepas mengenai naratif lisan telah banyak dilakukan oleh sarajana tempatan dan antarabangsa antaranya daripada Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et al., (2020) dalam kajiannya yang berjudul Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan : Satu Penelitian Kemasyarakatan. Dalam kajian yang telah dilakukan ini, dapat dinyatakan bahawa naratif lisan merupakan salah satu cabang dalam dunia kesusasteraan yang berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu. Naratif lisan ini telah menjadi satu kebudayaan dalam masyarakat Melayu daripada zaman dahulu kala sebagai medium mengajar ana-anak mereka mengenai adat, pantang larang, kepercayaan serta prinsip hidup (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Naratif lisan juga dapat disifatkan sebagai satu cabang komunikasi yang dilakukan oleh ibu bapa bagi mendidik anak-anak menerusi penyebaran cerita yang berbentuk jenaka, mitos, lagenda serta cerita binatang yang merangkumi keseluruhan bagi naratif lisan (Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahriah Norain Shahrudin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi, 2017). Sementara itu, dalam kajian lepas ini juga ada menyentuh sedikit mengenai naratif lisan sebagai medium penuturan yang dilaksanakan secara bergenerasi dalam kalangan masyarakat Melayu (Siti Zubaidah Zikeria, 2015).

Selain itu, berdasarkan keterangan daripada Richard M. Darson (1973) menyebut bahawa tradisi lisan ini (*oral tradition*) sebagai kesusasteraan rakyat (*folk literature*). Beliau juga menyataka bahawa tradisi lisan, budaya lisan dan adat lisan ini merupakan pesan atau kesaksian yang disampaikan secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya yang telah di nyatakan dalam kajian daripada Dr. Haji Syed Abdullah Bin Syed Sulaiman (2020) dengan

kajiannya yang berbentuk Tradisi Lisan : Satu Penilaian Semula. Namun pesan yang dikatakan itu merupakan amanat yang disampaikan dalam bentuk ucapan, pidato, nyanyian dan ungkapan yang terdapat dalam bentuk pantun, cerita rakyat, nasihat, balada, lagu atau peribahasa. Namun dalam kajian ini juga menyatakan bahawa dengan cara ini, masyarakat dapat menyampaikan sejarah lisan dan pengetahuan lain kepada generasi bawahan penerusnya tanpa melibatkan bahasa tulisan. Oleh itu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas ini telah membicarakan tentang satu aspek daripada tradisi lisan iaitu kesusasteraan rakyat atau sastera rakyat yang telah dijejalaskan lebih mendalam oleh Richard M. Darson.

Terdapat juga kajian lepas yang telah dibuat oleh pelopor lain mengenai naratif lisan iaitu daripada Mohamad Luthfi Abdul Rahman yang berjudul *Lagenda Bali dan Implementasinya dalam Budaya Kehidupan dan Industri Perlancongan*. Dalam kajian ini, pengkaji lepas telah membincangkan tentang cara untuk mengekalkan cerita lisan untuk memperlihatkan bentuk sebenar cerita-cerita legenda di Bali dan bagaimana dapat diimplementasi dalam budaya kehidupan masyarakat di Bali sehingga ke hari ini. Namun dalam kajian ini juga, menyatakan bahawa naratif lisan atau cerita lisan ini sangat penting untuk diketengahkan di dalam masyarakat kerana ia semakin dilupakan. Oleh itu, ianya bukan mudah untuk mengetengahkan cerita lisan dengan keadaan dunia semakin moden namun, pelbagai metod atau cara yang boleh dibawa ketengah supaya ianya tidak semakin pupus dalam masyarakat di Bali.

### **2.5.5 Buku**

Kajian lepas mengenai naratif lisan dalam peringkat ini adalah berdasarkan buku *A Historical Of Classical Malay Literature* oleh Sir Richard Winstedt (1992) yang menjelaskan bahawa sastera lisan sebagai satu bidang kesusasteraan yang lahir dalam kalangan masyarakat sejak zaman dahulu lagi. Berdasarkan kefahaman, Sir Richard Winstedt menyatakan bahawa sastera lisan ini merupakan sebuah bidang yang mempunyai fungsi membina dalam kalangan masyarakat dari segi pendidikan dan pengetahuan am. Sastera lisan ini juga merupakan salah satu warisan bagi masyarakat Melayu yang ditingalakan oleh nenek moyang terdahulu untuk generasi yang akan datang. Keunikan sejarah sastera lisan di Tanah Melayu ini menyebabkan Sir Richard Winstedt melakukan kajian mengenai sastera lisan masyarakat Tanah Melayu dan menghasilkan sebuah buku yang sangat bermakna dalam kewartaan warisan Malaysia.

#### **2.5.6 Lain-lain (majalah/akhbar/laman sesawang)**

Menurut kenyataan daripada Fatin Nabihah (2019), beliau telah merumuskan mengenai naratif lisan dalam laman sesawangnya dengan tajuk Kebudayaan Dalam Bahan Sastera dan Bukan Sastera. Dalam kenyataan beliau, beliau menyatakan bahawa naratif lisan merupakan satu cabang dalam bidang kesusasteraan Melayu terutamanya sastera tradisional iaitu mempunyai karya-karya naratif dalam kesusasteraan Melayu tradisional yang dimiliki masyarakat bersama kerana bentuk penyampaiannya melalui lisan dari mulut ke mulut. Dalam kenyatannya juga, telah mendefinisikan naratif lisan ini terbahagi kepada tiga cabang iaitu mitos, lagenda dan cerita rakyat. Namun cerita rakyat pula dikategorikan kepada beberapa jenis seperti cerita binatang, cerita dongeng, cerita jenaka dan pelbagai cerita lisan lagi dengan melalui konsep cerita yang

disampaikan dari mulut ke mulut. Namun begitu pada peringkat ini telah banyak penulis-penulis laman sesawang yang telah menulis dan membuat rumusan serta pengertian tentang naratif lisan ini. Oleh itu, pengisian di setiap penulisan itu mempunyai perkaitan yang sama dengan yang dinyatakan oleh Fatin Nabihah (2019) ini.

## **2.6 KAJIAN LEPAS MENGENAI TEORI SASTERA BUDAYA**

### **2.6.1 Tesis Doktor Falsafah**

Kajian lepas mengenai Teori Sastera Budaya pada peringkat ini terdapat ramai pengkaji lepas menggunakan Teori Sastera Budaya sebagai elemen dalam kajian mereka. Berdasarkan kajian daripada Muhammad Irfan Nyia Bin Abdullah (2013) dalam tesisnya yang berjudul Budaya Dalam Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh : Kajian Teori Sastera Budaya telah menjadi salah satu kajian lepas bagi kajian ini. Dalam kajian tersebut, Muhammad Irfan Nyia Bin Abdullah (2013), beliau menggunakan Teori Sastera Budaya sebagai analisis kajian mengenai puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dengan memperlihatkan aspek-aspek budaya yang terkandung dalam puisi-puisi tersebut. Aspek-aspek budaya di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dosandarkan kepada tiga tema utama iaitu Manusia dengan Manusia, Manusia dengan Tuhan dan Manusia dengan Alam. Namun begitu berdasarkan kajian yang dilakukan ini memberikan sedikit gambaran bahawa Teori Sastera Budaya ini menunjukkan kaitan rapat antara kesusasteraan dan budaya yang bertunjangkan kebenaran dan budaya hidup masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Zainan Abidin Borhan (2006:349) turut



menjelaskan dalam kajian ini bahawa hasil sastera berperanan utama menggambarkan budaya tentang manusia dan alam sekeliling.

### **2.6.2 Artikel Jurnal**

Terdapat kajian lepas mengenai Teori Sastera Budaya dalam peringkat ini iaitu kajian daripada Mohd Razis dan Siti Nur Izaura (2013) dengan tajuk kajiannya Kajian Budaya Fudanmental Terhadap Seni Lukisan Kontemperori Malaysia : Masyarakat Jawi Peranakan. Berdasarkan kajian ini, kajian ini menggunakan kajian budaya dalam menilai seni lukisan kontemperori Malaysia terhadap masyarakat Jawi dalam menghayai nilai estetika kebudayaan dalam masyarakat tersebut. Melalui kajian ini juga, telah memaparkan pelbagai aspek yang mencakupi ekonomi, amalan serta cara hidup dan kebudayaan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang.

### **2.6.5 Buku**

Terdapat kajian lepas mengenai Teori Sastera Budaya di dalam peringkat ini adalah daripada Dr. Muhammad Hasyim (2016) yang menuliskan sebuah buku yang berjudul Buku Ajar Mata Kuliah Kajian Budaya dan Media. Buku yang ditulis ini adalah untuk membahaskan mengenai dasar pendidikan kajian budaya dan media. Kajian budaya dikatakan sebagai bidang majmuk dengan perspektif dan produksi mengenai teori. Di dalam buku ini juga penulis telah mengambil kenyataan daripada Chris Barker iaitu antara seorang pelopor teori pendekatan kajian sebagai landasan penulisan buku ini. Menurut Chris Barker mengenai

kajian budaya ini adalah sesuatu bidamng ilmu mengenai kebudayaan masyarakat dari segi sosiap, ekonomi dan politik.

## **2.7 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, bab ini pengkaji telah membincangkan mengenai kajian-kajian lepas mengenai kajian yang baharu pengkaji ingin lakukan. Dengan adanya kajian-kajian lepas ini, panduan dapat diperolehi oleh pengkaji dan mampu menghasilkan idea-idea baru dalam melaksanakan kajian ini.



## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi membawa maksud satu proses yang merangkumi kaedah atau cara yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Metodologi juga dapat dikatakan sebagai ilmu tentang metode atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian tertentu berdasarkan tujuan kajian. Namun, bagi makna metodologi kajian pula merupakan salah satu cara untuk mengadun dan menstruktur setiap maklumat yang diperolehi mengikut ketetapan objektif yang telah ditetapkan. Terdapat juga kenyataan daripada Othman (2001), menyatakan metodologi kajian merupakan suatu prosedur yang sistematik dalam menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan sempurna.

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksana kajian ini. Tujuan adanya metodologi kajian ini adalah untuk memberikan penjelasan mengenai kaedah atau cara pengkaji menjalankan kajian, memperolehi data-data dan sumber dianalisis oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat. Untuk mendapatkan data yang mencukupi dan sahih dengan objektif kajian, kaedah penyelidikan kajian haruslah sempurna dan mengikut segala prosedur yang diberikan supaya kajian yang dilakukan memberi hasil yang betul-betul berkualiti.

Metod yang digunakan dalam mendapatkan data haruslah diteliti terlebih dahulu dan sesuai dengan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.

### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Kerlinger (1970), reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dikumpulkan berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Ia juga boleh dikatakan sebagai rujukkan kepada cara penyelidikan mengandali kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Rekabentuk kajian merupakan perkara penting bagi sesuatu kajian sebagai panduan untuk memastikan setiap objektif kajian tercapai dan seterusnya akan menjawab segala persoalan kajian yang dikemukakan. Logiknya sesebuah kajian itu adalah berdasarkan kepada struktur rekabentuk kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Reka bentuk kajian juga merupakan satu tahap untuk seseorang pengkaji menentukan kaedah apa yang digunakan dalam menjalankan kajiannya.

Secara umumnya, reka bentuk kajian mempunyai tiga kaedah reka bentuk iaitu reka bentuk kajian kualitatif, reka bentuk kajian kuantitatif dan serta reka bentuk gabungan. Reka bentuk kajian kualitatif adalah kaedah paling fleksibel dari pelbagai teknik eksperimen, merangkumi pelbagai kaedah dan struktur yang diterima. Empat utama reka bentuk penyelidikan kualitatif yang biasa digunakan iaitu fenomenologi, etnografi, teori berasaskan dan kajian kes. Bagi reka bentuk kuantitatif pula merupakan satu kajian yang menggunakan maklumat data yang bersifat kuantitatif dengan mengemukakan beberapa cara iaitu kajian deskriptif (tinjauan), kajian korelasi, *causal comparative* (sebab-akibat) dan kajian

eksperimental. Reka bentuk kajian gabungan pula merupakan kajian yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data yang diperoleh juga menggunakan data kuantitatif dan data kualitatif. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih gabungan reka bentuk kualitatif sebagai kaedah kajian untuk mendapatkan kajian yang akan dilakukan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

### **3.2.1 Reka Bentuk Kualitatif**

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih reka bentuk kualitatif sebagai tinjauan literatur dalam proses melaksanakan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Menurut Cresswell (1994), reka bentuk kajian kualitatif merupakan sebagai proses ikuri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang selalu digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan. Reka bentuk kualitatif adalah kajian yang berkaitan dengan persoalan atau kenyataan tetapi buka hipotesis. Dalam menggunakan reka bentuk kualitatif ini, pengkaji akan turun ke lapangan untuk menemu ramah beberapa orang masyarakat di kawasan Kampung Gajah yang mengetahui tentang sejarah asal-usul Kampung Gajah.

#### **3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks**

##### **a) Akal Budi Dalam Sastera Rakyat Naratif dan Bukan Naratif**

Untuk mendapatkan maklumat yang tepat, pengkaji akan membuat analisis teks yang dipilih berdasarkan tema dalam kajian ini. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji memilih buku yang berjudul Akal Budi dalam Sastera

Rakyat Naratif dan Bukan Naratif daripada Rahimah A. Hamid dan Nurul Farhana Low Abdullah. Buku ini telah menghimpunkan sejumlah makalah daripada beberapa orang penyelidik dalam bidang kesusasteraan khususnya sastera lisan yang mengkaji, menghurai dan menganalisis pelbagai bentuk sastera lisan masyarakat Malaysia untuk ditonjolkan nilai estetika yang ada di sebalik genre sastera ini yang tumbuh dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Melalui kajian yang mereka lakukan, titik persamaan dicari agar nilai sepenuhnya dapat diketengahkan demi mencapai perpaduan dan keharmonian dalam kehidupan masyarakat.

Kajian dalam bidang sastera lisan ini telah dilakukan oleh mereka yang ingin mendalami cara pemikiran sesuatu budaya atau masyarakat kerana dapat mengungkap buah fikiran komuniti itu dalam menghadapi sesuatu situasi. Malah, sastera lisan juga dapat mencerminkan nama dan nilai pegangan komuniti tersebut. Dalam usaha untuk memulihara kearifan tempatan di Malaysia, maka hasil sastera lisan sesuatu masyarakat itu amat penting dikaji, diolah secara ilmiah dan didokumentasikan untuk tatapan umum terutamanya untuk generasi sekarang di Malaysia.

Dalam usaha untuk memartabatkan kearifan tempatan pula, sastera lisan sebagai sebagai satu khazanah ilmu yang wajar diberikan perhatian para pengkaji kerana genre ini mampu menjadi hiburan dan sumber pendidikan. Tidak dinafikan, peribahasa, cerita rakyat, syair dan pentun yang dihasilkan pada masa lalu itu mengandungi unsur-unsur yang mencerminkan perkembangan sejarah pada pada waktu sastera lisan tersebut diilhamkan kerana 'tiap-tiap hasil sastera mencerminkan keadaan masyarakat pada waktu itu, khususnya susunan masyarakat bangsa itu sendiri dari segi lahir dan batinnya' (Yahya, 1963: 417).

Jika diteliti dan diperhatikan, beberapa bentuk kesusasteraan lisan yang terangkum di dalam buku *Akal Budi Dalam Sastera Rakyat : Naratif dan Bukan Naratif* menonjolkan kehebatan dan kearifan ilmu yang dimiliki oleh masyarakat tempatan dan peribumi. Kepandaian dan kearifan ini merupakan warisan turun-temurun dan tidak diketahui secara pasti siapa yang memulakan bentuk sastera lisan tersebut. Oleh itu hasil karya ini wajar dianggap sebagai ilmu sepunya segenap lapisan masyarakat, lalu dipelihara dan disebarkan terutamanya kepada generasi muda agar dapat dikekalkan sebagai satu amalam budaya yang mencerminkan betapa tinggi dan dinamikinya nilai peradaban masyarakat Malaysia. Namun dengan adanya analisis berkaitan dengan buku ini, pengkaji mampu mengeluarkan dan mengolah idea untuk meluaskan lagi analisis kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

#### **b) *A History Of Classical Malay Literature***

Seterusnya pengkaji menggunakan buku *A History Of Classical Literature* oleh Sir Richard Winstedt (1992) sebagai analisis buku bagi menjayakan kajian yang dilakukan ini. Buku ini adalah buku yang menghimpunkan kisah-kisah sastera Melayu tradisional seperti cerita rakyat, cerita jenaka, cerita lisan, puisi Melayu dan sebagainya. Dalam buku ini juga, Sir Richard Winstedt (1992) yang menjelaskan bahawa sastera lisan sebagai satu bidang kesusasteraan yang lahir dalam kalangan masyarakat sejak zaman dahulu lagi. Berdasarkan kefahaman, Sir Richard Winstedt menyatakan bahawa sastera lisan ini merupakan sebuah bidang yang mempunyai fungsi membina dalam kalangan masyarakat dari segi pendidikan dan pengetahuan am. Sastera lisan

ini juga merupakan salah satu warisan bagi masyarakat Melayu yang ditingalakan oleh nenek moyang terdahulu untuk generasi yang akan datang. Keunikan sejarah sastera lisan di Tanah Melayu ini menyebabkan Sir Richard Winstedt melakukan kajian mengenai sastera lisan masyarakat Tanah Melayu dan menghasilkan sebuah buku yang sangat bermakna dalam kewartaan warisan Malaysia.

### **3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Terdapat beberapa kaedah dalam pengumpulan data yang akan digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini berjalan dengan sistematik dan memenuhi segala objektif yang dikehendaki oleh pengkaji dalam menjayakan kajiannya. Data yang diguna sejajar dengan persoalan dan objektif yang dikemukakan oleh pengkaji. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji ialah :

#### **a) Kaedah Perpustakaan**

Sebelum pengkaji menjalankan kajian lapangan, pengkaji akan akan melakukan kajian perpustakaan terlebih dahulu. Tujuan adanya pengumpulan data melalui kajian perpustakaan adalah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai data-data terperinci yang diperlukan dalam membuat kajian mengenai naratif lisan supaya pengkaji tidak terasa terbeban sekiranya olahan idea ketika melaukan kajian lapangan. Oleh hal yang sedemikian, pengkaji akan menganalisis data-data di perpustakaan dari sudut buku-buku terbitan, jurnal artikel, tesis pengkaji lepas dan pelbagai jenis sumber kajian lepas lain yang berkaitan dengan kajian. Dalam mendapatkan data melalui kaedah



kajian perpustakaan, pengkaji akan menggunakan khidmat beberapa perpustakaan yang ada di Malysia antaranya Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Kampong Gajah, Perpustakaan Awam Seri Iskandar dan beberapa perpustakaan yang lainnya untuk mendapat sokongan kajian pengkaji.

#### **b) Kaedah Internet**

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji menggunakan sumber daripada internet untuk mendapatkan maklumat kajiannya. Kaedah internet merupakan antara kaedah yang terpenting bagi pengkaji untuk mendapatkan data sokongan yang sahih dan boleh diterima pakai. Laman sesawang yang boleh diakses mampu menyumbang data-data kajian pengkaji dan antara laman sesawang yang digunakan oleh pengkaji antaranya adalah seperti *google scholar*, *My Thesis Online (MyTo)*, wikipedia, blogger, Jurna Artikel atas talian, Surat Khabar atas talian dan pelbagai lagi laman sesawang yang digunapakaikan oleh pengkaji. Rujukan daripada sumber internet ini bukan sahaja memperolehi maklumat malah penggunaan yang tiada had dan pencarian sumber yang lebih luas tanpa mengira masa. Pengaksesan mengenai naratif lisan, membolehkan pengkaji untuk memperolehi maklumat mengenai naratif lisan dalam pelbagai budaya, tempat dan masyarakat seluruh pelusuk dunia. Segala data maklumat yang diperolehi menerusi internet akan dikumpul dan disatukan untuk dimuatkan dalam penghasilan kajian ini.

#### **c) Kajian Lapangan**

Menurut kenyataan daripada Asmah Hj Omar (200:1-2), kajian lapangan merujuk kepada tempat atau kawasan sesuatu fenomena yang hendak dikaji oleh pengkaji. Kajian lapangan tersebut mempunyai maklumat kajian untuk ditafsir berpandukan objektif kajian yang dikemukakan. Dalam kajian ini, lokasi kajian lapangan telah ditetapkan oleh pengkaji berdasarkan skop kajian iaitu di sekitar kawasan Kampung Gajah.

#### **d) Temu Bual**

Dalam mendapatkan sumber yang sahih mengenai cerita asal-usul Kampung Gajah, pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual bersama beberapa orang masyarakat atau responden tentang cerita asal-usul kejadian Kampung Gajah serta mengetahui berapa versi yang terdapat. Temu bual dilakukan secara langsung dengan beberapa persoalan yang akan dikemukakan berdasarkan objektif kajian. Temu bual atau lebih dikenali dengan istilah *interview* adalah suatu proses tindakbalas dan komunikasi dari dua orang atau lebih (subjek dan objek). Kaedah ini dilakukan untuk mendapat maklumat dengan bertanya langsung kepada responden. Kaedah ini dapat menjawab objektif kajian yang pertama iaitu menganalisis jenis dan versi cerita asal usul dalam masyarakat Kampung Gajah.

### **3.2.2 Penerapan Teori**

Teori merupakan antara perkara asas kepada sesuatu bidang ilmu, termasuklah bidang psikologi pendidikan. Teori-teori pembelajaran dalam psikologi

pendidikan memberi fokus utama kepada aspek-aspek pembelajaran dan daripadanya datang idea-idea dan prinsip-prinsip tertentu. Berdasarkan definisi daripada Stanovich (1992), teori merupakan set konsep-konsep yang saling berkait, yang digunakan untuk menjelaskan sesebuah data dan untuk meramalkan keputusan kajian kajian lain. Dalam erti kata lain, teori sebagai andaian-andaian ataupun hipotesis-hipotesis tentang sesuatu yang berdokongkan kajian.

### **3.2.3.1 Teori Sastera Budaya**


Pendekatan Kajian Budaya telah lahir sejak tahun 1950-an lagi. Lawrence Grossberg (1993, p.24) menyatakan bahawa Kajian Budaya telah muncul sekitar era 1950-an di saat sejarah berada dalam keadaan kompleks atau rumit. Namun pada tahun 1860-an, kritikan budaya dalam kajian kesusasteraan dimulakan oleh Matthew Arnold dengan melakukan penelitian yang serius terhadap karya sastera berkaitan kewujudan kelas pekerja pada zaman tersebut. Hasil daripada usaha tersebut, maka lahirlah kesatuan sekerja yang membawa perubahan dalam masyarakat. Selain itu, kajian Matthew Arnold turut memperlihatkan gagasan terhadap penyatuan kebudayaan nasional di Inggeris yang membawa ideologinya sangat dipengaruhi oleh kelas masyarakat borjuis untuk meletakkan hegemoni budaya.

Perkembangan kajian budaya dapat dijelaskan oleh Chris Weedon (2001) bahawa perkembangan kajian budaya adalah hasil daripada minat manusia terhadap penelitian hubungan antara budaya dan kuasa serta cenderung terhadap perkara-perkara mengenai politik, ideologi, sosial dan faktor-faktor sejarah yang mempunyai hubungan dengan budaya dan kuasa. Kenyataan ini sangat popular pada tahun 1960-an dan ianya semakin kukuh di Britain dengan memfokuskan

kesusasteraan sebagai bahan kajian yang memberi keutamaan kepada budaya dan ketamadunan manusia. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan kajian budaya dari Chris Barker.

### 3.2.3.2 Pendekatan Kajian Budaya Chris Barker

Chris Barker (2003) dalam buku beliau "*Cultural Studies : Theory and Practical*" telah berjaya mengemukakan lapan konsep mengenai dalam pendekatan kajian budaya melalui bukunya itu. Lapan konsep tersebut boleh dilihat seperti gambar rajah dibawah :



Rajah 2.1 : Rajah lapan konsep pendekatan kajian budaya daripada Chris Burker

#### a) Budaya dan Penandaan Amalan (*Culture and Signifying Practise*)

Menurut Stuart Hall (1996:439), budaya merujuk kepada aspek tatacara kehidupan manusia dan menjadi elemen penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Beliau telah mengetengahkan cara kehidupan engan perkara yang mencakupi aspek amalan, perlambangan, bahasa dan sesebuah adat dalam masyarakat. Chris Barker (2012:7) turut mengakui bahawa elemen bahasa merupakan alat pengucapan budaya dalam masyarakat. Usaha dalam memahami sesebuah budaya haruslah melalui kaedah mengetahui cara sesuatu makna yang mampu diwujudkan dengan sistem tanda atau bahasa yang bertanda. Oleh itu, elemen budaya dan bahasa harus diteliti secara seirig budaya yang sememangnya mempunyai lambang dan makna serta proses sosial manakala bahasa pula menjadi medium perantara dalam sesebuah masyarakat.

#### **b) Perlambangan (*Representation*)**

Perlambangan merujuk kepada unsur simbolisme yang memberi gambaran terhadap sesuatu objek dengan bebas. Menerusi pendekatan Kajian Budaya, konsep perlambangan merupakan suatu pendekatan yang merujuk kepada tanda atau dikategorikan sebagai *language-game* iaitu permainan bahasa (Teori Heraty Noerhadi, 2013: 220). Oleh itu, masyarakat mempunyai rasa tanggungjawab dalam mencari dan memahami makna yang terselindung disebalik lambang pada budaya.

Konsep perlambangan budaya dan makna menurut Chris Barker, ia hadir dan lahir dalam pelbagai bentuk seperti bunyi, inskripsi atau tulisan, objek, imej, buku majalah dan eancangan televisyen yang dihasilkan oleh masyarakat untuk digunakan serta difahami dalam konteks sosial tertentu.

**c) Materialisme dan Bukan Reduksionisme (*Materealisme and non-reductionism*)**

Menerusi konsep materialisme dan bukan reduksionisme adalah konsep yang ketiga dalam pendekatan kajian budaya dan akan menjelaskan bahawa Kajian Budaya telah melahirkan satu bentuk budaya material bagi mengetahui kaedah serta faktor kemunculan sesuatu makna mengikut masa-masa tertentu. Dalam konsep ini Chris Burker telah memberi tumpuan kepada tiga perkara utama iaitu siapa yang memiliki dan mengawal pengeluaran budaya, mekanisme pengedaran bagi produk budaya, kesan daripada bentuk pemilikan dan kawalan dalam pembentukan landskap budaya. Namun konsep ini merujuk kepada prinsip kelas, gender, sifat seks, bangsa, etnik dan umur. Konsep ini langsung tidak menyentuh tentang pentafsiran makna sesebuah teks tetapi mengutamakan tafsiran makna teks budaya dalam proses politik dan ekonomi.

**d) Pengucapan (*Articulation*)**

Pengucapan merupakan konsep keempat dalam Pendekatan Kajian Budaya Chris Barker bertujuan menilai dan membina hubungan antara komponen pembentukan sosial. Menurut Chris Barker (2003:9), ia merupakan satu kaedah yang bertujuan untuk melahirkan kesatuan antara beberapa elemen yang tidak dapat bergerak serentak. Konsep ini juga menitikberatkan elemen budaya sebagai pengucapan melalui tempoh penghasilan tetapi tidak mengambil kira dari sudut keperluan dalam tempoh

tersebut atau sebaliknya. Chris Barker menganggap bahawa konsep ini dapat meneliti cara kewujudan tempoh pengeluaran itu wujud dan diketengahkan menerusi teks seta cara ekonomi juga turut dikategorikan sebagai elemen dalam budaya.

**e) Kuasa (*Power*)**

Konsep kuasa merupakan konsep kelima dalam Pendekatan Kajian Budaya Chris Barker iaitu suatu bentuk kekuasaan yang dianggap sebagai perkara yang sudah sebatik ke dalam setiap peringkat melalui kelangsungan hidup dan konsep. Konsep ini bukan sahaja menjadi unsur dalam penyatuan beberapa masyarakat ke dalam sebuah masyarakat tetapi ia juga merupakan satu landasan pemisah antara golongan bawahan dengan satu golongan yang lain.

**f) Budaya Popular (*Popular Culture*)**

Budaya Popular merupakan konsep keenam dalam pendekatan kajian budaya Chris Barker yang menekankan konsep budaya popular sebagai sebuah konsep yang harus dibincangkan dalam kajian budaya. Chris Barker (2012:10) menyatakan bahawa salah satu cara untuk menguasai hubungan kuasa dan persetujuan dalam Kajian Budaya adalah berpaksikan dua konsep utama iaitu ideologi dan hegemoni yang mana kedua-dua konsep ini merupakan pecahan utama dalam konsep budaya popular.

**g) Teks dan Khalayak Pembaca (*Teks and Reader*)**

Teks dan khalayak pembaca merupakan konsep ketujuh dalam konsep Pendekatan Kajian Budaya Chris Barker. Menerusi Teori Kajian Budaya, Chris Barker (2003,p. 28) telah megemukakan prinsip teks dan khalayak sebagai suatu pendekatan tekstual yang dipecahkan kepada tiga cabang ilmu untuk dikaji iaitu semiotik, naratif dan dekonstruksi. Oleh itu, harus ditegaskan bahawa makna yang akan diberikan oleh khalayak adalah berbeza kerana setiap khalayak mempunyai tafsiran atau pandangan yang berbeza meskipun merujuk kepada perkara atau benda yang sama.

**h) Subjektif dan Identiti (*Subjectivity and Identity*)**

Subjektif dan identiti merupakan konsep akhir dalam Pendekatan Kajian Budaya Chris Barker. Subjektid merujuk kepada sala satu proses yang akan melibatkan manusia sebagai perilaku manakala identiti pula telah menjadi asas utama dalam kajian budaya. Chris Barker (2003,p. 10), menyatakan bahawa Kajian Budaya adalah suatu ilmu yang cuba menjawab persoalan-persoalan yang berkaitan proses pembentukan identiti manusia seperti bagaimana identiti seseorang itu dibentuk?, bagaimana seseorang itu membentuk dirinya sebagai subjek?, Bagaimana seseorang itu mengenal pasti melalui (emosi) bahawa dari segi gender lelaki atau perempuan, hitam atau putih, muda atau tua?.


Maka adanya konsep Pendekatan Kajian Budaya dari Chris Barker, mungkin sesuatu budaya itu mampu melihat dan mengkaji sesuatu budaya




dalam sesebuah masyarakat terutamanya masyarakat Melayu yang kaya dengan hasil budaya yang hebat.



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN

### 3.2.3 Kerangka Konseptual



### 3.3 Penutup

Secara keseluruhannya, berdasarkan bab ini mampu memberikan panduan kepada pengkaji dalam menghasil dan menganalisis kajian dengan secara terperinci berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Setiap data maklumat yang diberikan adalah data-data yang membawa kepada kajian yang berkualiti dan memberi impak yang baik kepada pengkaji dan juga pengkaji baru yang akan datang.



## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini akan membentangkan mengenai dapatan kajian berdasarkan kepada data-data yang telah dikumpulkan dengan mengguna kaedah kualitatif antaranya mengadakan sesi temu bual di kajian lapangan iaitu di perkampungan-perkampungan lama di sekitar pesisiran tepian sungai Perak di Kampung Gajah. Selain itu, data-data dalam kajian ini juga di dapati daripada analisis daripada beberapa buah buku dan bahan ilmiah yang lain. Teori yang digunakan dalam menganalisis kajian ini adalah teori Sastera Budaya yang di terajui oleh Crish Buker dan pengkaji mengambil beberapa pendekatan dalam teori tersebut. Kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada asal-usul nama kampung tersebut. Dalam kajian ini pangkaji telah memilih sepuluh buah kampung lama dideretkan tepian sungai. Setiap kampung yang dipilih oleh pengkaji mempunyai keunikannya tersendiri dan menyebabkan pengkaji memilih kampung tersebut. Antara keunikkan yang ada pada kampung-kampung tersebut adalah keluasan tanah yang tidak seberapa itu mempunyai pelbagai nama-nama kampung yang unik sehinggakan penduduk di kawasan Kampung Gajah tidak pernah mendengari nama-nama kampung tersebut dan kurang mengetahui keberadaan kampung-kampung tersebut. Namun begitu, hal ini menjadi peluang kepada pengkaji untuk membutikkan keberadaan dan kewujudan kampung tersebut dengan mengenali asal-usul nama perkampungan itu.

## 4.2 Analisis Demografi Responden

Responden yang telah ditemu bual merupakan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sebagai sampel dalam menjalankan kajian ini. Mereka memainkan peranan dalam memberikan maklumat dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 menunjukkan pecahan mengenai data responden iaitu nama, umur, tarikh dijalankan temubual dengan pengkaji dan kod responden.

Jadual 4.1 : Nama-Nama Responden Yang Ditemubual oleh Pengkaji

Bil.	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	Encik Hassan Bin Pandak Ismail <b>(Penduduk Tetap Kampung Gajah)</b>	70	27 November 2021	<b>A</b>
2.	Tuan Haji Zakaria Bin Mahmad <b>(Penduduk Kampung Selat Pulau)</b>	87	27 November 2021	<b>B</b>
3.	Puan Enon Binti Umar <b>(Penduduk Kampung Kota)</b>	78	28 November 2021	<b>C</b>
4.	Encik Abdul Aziz Bin Ngah Abdullah	81	28 November	<b>D</b>

	<b>(Penduduk Kampung Geronggong)</b>		2021	
5.	Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali <b>(Pegawai Kuraktor Kompleks Sejarah Pasir Salak)</b>	48	30 November 2021	<b>E</b>
6.	Puan Azizah Binti Zamzuri <b>(Penduduk Kampung Pasir Garam)</b>	52	31 November 2021	<b>F</b>

#### 4.3 Jenis Dan Versi Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah

Cerita rakyat merupakan sastera lama yang sangat terkenal pada zaman dahulu dan ia merupakan satu cerita yang menaikkan elemen sastera sehingga hari ini masih digunakan oleh sasterawan dan ahli penyelidik sebagai bahan penyelidikan. Cerita rakyat lebih terkenal dengan panggilan sastera lisan kerana ia berunsurkan cerita yang disampaikan melalui mulut ke mulut atau lebih tepat cerita yang disampaikan secara bertutur dan dimiliki oleh masyarakat. Ia dituturkan secara individu kepada individu yang lain atau sekumpulan individu yang lain. Oleh itu, ia adalah hasil sastera rakyat yang diperturunkan atau diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain secara lisan atau bertutur. Dari segi penyampaian dalam cerita rakyat ini, disampaikan oleh seseorang yang profesional yang kerjanya hanya bercerita kepada penduduk sekelilingnya. Dalam masyarakat Melayu, tukang cerita yang profesional ini dikenali sebagai tok cerita atau tukang cerita ataupun pawang yang menghafal cerita-cerita tertentu daripada guru-guru sebelum ini. Cerita yang dihafalnya pula itu akan di sampaikan pula kepada orang-orang kampung yang bagi tujuan menghiburkan

orang kampung sekelilingnya. Antara tukang-tukang cerita yang terkenal dan sering namanya didengar antaranya ialah Mir Hassan, Pawang Ana, Tok Selampit, Awang Batil dan sebagainya lagi. Namun begitu, cerita rakyat ini terbahagi kepada beberapa antaranya cerita mengenai asal-usul, cerita lagenda, cerita mitos, cerita binatang dan lain-lain lagi. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, cerita asal usul merupakan antara cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji dalam melakukan analisis kajian ini.

Cerita asal usul merupakan cerita rakyat yang sangat unik dan sangat menarik kerana ia merupakan cerita rakyat yang tertua sekali berbanding dengan cerita rakyat yang lain. Dalam konteks kesusasteraan Melayu, cerita asal usul bermulanya cerita yang bertemakan mengenai asal usul nama sesuatu tempat, sesuatu benda, sesuatu kejadian dan sebagainya lagi mengikut peristiwa yang berlaku dalam sesuatu keadaan ketika dahulu. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, pengkaji lebih memberi fokus kepada cerita asal usul nama sesuatu tempat. Cerita asal usul nama tempat merupakan himpunan cerita rakyat yang mengisahkan pembukaan nama pada sesuatu tempat. Berdasarkan cerita asal-usul nama tempat, setiap ceritanya tidak lari dengan pelbagai jenis cerita dan versi dalam satu cerita yang di sampaikan. Setiap cerita rakyat mempunyai pelbagai versi yang telah ditokok tambah oleh tukang cerita atau penglipur lara untuk mencari lebih banyak cerita dan menarik lagi pendengar untuk mendengar cerita itu. Di samping itu, dalam melakukan kajian mengenai cerita asal-usul perkampungan di daerah kecil Kampung Gajah ini, terdapat pelbagai jenis atau versi cerita yang disampaikan melalui temu bual yang telah dilakukan. Terdapat sepuluh perkampungan lama di dalam daerah kecil Kampung Gajah yang menjadi skop kajian pengkaji iaitu :

### 4.3.1 Cerita Asal Usul Kampung Gajah



**Rajah 4.1 : Peta Kawasan Kampung Gajah (Sumber : Google Map)**

Rajah 4.1 menunjukkan peta kawasan Kampung Gajah. Kampung Gajah merupakan salah satu tempat atau perkampungan yang sangat unik terutamanya mengenai cerita asal-usul nama Kampung Gajah tersebut. Keunikan cerita asal usul Kampung Gajah ini kebanyakan orang ramai terutamanya masyarakat kawasan tersebut keliru antara Kampung Gajah dengan Batu Gajah dan Alor Gajah. Namun begitu, Alor Gajah terletak di negeri Melaka serta Batu Gajah terletak di Negeri Perak di daerah yang berlainan dengan Kampung Gajah. Keunikan nama Kampung Gajah ini menjadi tarikan pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai cerita asal usul Kampung Gajah tersebut. Cerita asal-usul nama Kampung Gajah ini juga seperti cerita asal usul penempatan yang lain yang mempunyai kisah dan peristiwa disebalik kewujudan nama tempat. Oleh itu, cerita asal usul Kampung Gajah ini mempunyai beberapa versi antaranya adalah versi cerita asal usul yang mengisahkan perkampungan sekumpulan gajah.

#### 4.3.1.1 Versi Cerita Pertama



Menurut temu bual yang dijalankan bersama Encik Hassan, perkampungan sekumpulan gajah ini asalnya adalah dari sekumpulan gajah berasal dari hutan rimba berhampiran dengan Bukit Tunggal yang terletak di berhampiran kawasan tersebut yang telah berkeliaran di perkampungan Melayu ekoran kawasan tempat asalnya tidak mempunyai makanan. Sekumpulan gajah yang datang daripada Bukit Tunggal itu telah pun memakan hasil tanaman orang kampung seperti pokok pisang, umbut kelapa dan buah ketior yang ditanam oleh orang kampung ketika itu. Pada ketika itu, orang-orang kampung meneruskan kehidupan seharian mereka dengan hasil tanaman mereka dengan bercucuk tanam. Namun begitu, penduduk kampung tidak menghiraukan kejadian tersebut kerana mereka menganggap bahawa kedatangan sekumpulan gajah itu adalah pembawa rezeki mereka. Di samping itu, kehadiran sekumpulan gajah itu telah memberikan kemudahan pengangkutan kepada orang-orang kampung. Menurut pencerita, orang-orang kampung dulu telah menggunakan gajah ini sebagai kemudahan pengangkutan mereka disebabkan gajah itu diberikan makan dan jinak dengan orang kampung. Antara kegunaan gajah yang orang kampung gunakan adalah kenderaan untuk mengangkut barang dan mengangkut air di tepi sungai. Ia memudahkan pekerjaan orang kampung ketika itu. Oleh hal yang demikian, penempatan sekumpulan gajah di kampung itu tidak kekal kerana hari demi hari orang kampung tidak memberikan gajah itu makan dan menyebabkan gajah itu mogok dan lari daripada kampung tersebut. Pada asalnya nama Kampung Gajah adalah Sekampung Gajah dan bertukar menjadi Kampung Gajah sehingga ke hari ini.

#### 4.3.1.2 Versi Cerita Kedua


Selain itu, Encik Hassan juga menyatakan bahawa ada juga cerita lain yang mengisahkan cerita asal usul nama kampung Gajah. Menurut pencerita, Kampung Gajah juga mendapat nama dari kesan tapak kaki gajah yang banyak dilihat di tepi-tepi sungai dan di dalam sawah-sawah padi. Sebenarnya tapak kaki gajah itu adalah tapak kaki manusia iaitu manusia yang mendapat penyakit untut. Penyakit untut adalah sejenis penyakit yang kaki dan tapak kaki menjadi besar dan menggerutu, ada bintik-bintik besar yang menjijikan. Penyakit untut ini dikatakan berpunca daripada nyamuk elephantiasis yang banyak terdapat di hutan paya tropika. Jadi ketika kejadian tentera Siam ketika dulu yang hendak menyerang negeri Perak tidak jadi menyerang kerana takutkan banyak gajah di kawasan itu sedangkan itu adalah kesan tapak kaki manusia. Namun begitu, sehingga sekarang masih ada lagi penduduk yang mempunyai penyakit untut tetapi tidak ramai kerana masing-masing telah menjaga kebersihan dan kesihatan.

#### 4.3.1.3 Versi Cerita Ketiga

Namun terdapat lagi versi nama Kampung Gajah iaitu dikatakan kampung gajah mendapat nama dari batu di kaki bukit tunggal yang menyerupai bentuk gajah. Sang Kelembai ialah makhluk ghaib yang mempunyai kuasa sakti yang boleh menyumpah sesiapa sahaja menjadi batu. Sang kelembai biasanya berada di dalam hutan dan pantang kepada bunyi bising ketika berada di dalam hutan. Jika Sang Kelambai tertarik dengan bunyi tersebut, Sang Kelembai akan menegur. Manusia dan binatang yang

ditegur akan menjadi batu. Dalam masyarakat orang Asli di Kampung Gajah, jika mereka hendak memburu binatang di dalam hutan, sesiapa yang melaluinya tidak boleh sesekali-kali menegur atau menyapa. Jika menegur juga, orang Asli tersebut akan kembali semula ke rumah dengan tangan kosong kerana beranggapan hasil buruan tidak akan dapat. Malahan mungkin akan ditegur oleh Sang Kelambai dan akan menjadi batu. Hal ini menunjukkan cerita asal usul nama kampung Gajah mempunyai kepercayaan tersendiri oleh masyarakat setempat.

#### 4.3.2 Asal Usul Nama Kampung Selat Pulau




**Rajah 4.2 : Peta Kawasan Kampung Selat Pulau (Sumber : Google Map)**

Rajah 4.2, menunjukkan peta kawasan perkampungan Selat Pulau. Kampung Selat Pulau merupakan sebuah kampung yang terletak di persisiran tepian sungai di dalam kawasan Kampung Gajah. Kampung Selat Pulau merupakan antara kampung yang terbesar diantara kampung-kampung di lama di tepian sungai. Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual antara seorang penduduk kampung

yang mengetahui tentang asal usul nama Kampung Selat Pulau. Beliau ialah Tuan Haji Zakaria dan merupakan seorang bekas ketua kampung di Kampung Selat Pulau dan mahir tentang sejarah asal usul Kampung Selat Pulau. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, beliau telah menceritakan asal usul terjadinya Kampung Selat Pulau. Hasil daripada temu bual tersebut, bahawa asal usul nama Kampung Selat Pulau ini adalah terjadinya daripada sebuah pulau kecil di pinggir sungai. Pulau tersebut adalah tempat penyinggahan pedagang Cina daripada seberang Teluk Intan yang berdagang di kawasan Kampung Selat Pulau. Sebelum Kampung Selat Pulau menjadi sebuah kampung Melayu, Kampung Selat Pulau merupakan sebuah perkampungan Cina dan ramai Cina berniaga dan menetap di kawasan tersebut.

Menurut Tuan Haji Zakaria, dahulu kawasan itu dipenuhi dengan orang Cina. Apabila berlakunya Perang Sungai Manik, orang-orang Cina tersebut lari daripada kawasan tersebut kerana akan takut dengan penduduk Melayu terdahulu dan kini Kampung Selat Pulau seratus peratus adalah didiami oleh penduduk orang Melayu. Namun begitu, terjadinya nama Selat Pulau adalah apabila pulau tersebut semakin lama semakin menjadi terpencil dan terwujudnya selat di hadapan pulau tersebut. Penduduk di kawasan tersebut terus mengambil nama kawasan itu sebagai Selat Pulau. Responden 2 turut menyatakan bahawa nama tersebut telah wujud pada tahun 1880an terdahulu. Beliau juga mengatakan bahawa asal usul nama Selat Pulau ini diceritakan oleh orang-orang terdahulu. Beliau pun mendapatkan cerita ini daripada nenek moyangnya yang berkurun abad. Hal ini membuktikan bahawa cerita rakyat sebagai sastera lisan yang diperturunkan hari mulut ke mulut.

#### **4.3.3 Asal Usul Nama Kampung Kepala Pulau**




**Rajah 4.3 : Peta Kampung Kepala Pulau (Sumber : Google Map)**

Rajah 4.3, menunjukkan peta kawasan perkampungan Kampung Kepala Pulau. Kampung Kepala Pulau merupakan sebuah perkampungan Melayu terpencil bersebelahan Kampung Selat Pulau. Kampung Kepala Pulau ini diambil daripada Kampung Selat Pulau asalnya. Cerita asal usul nama Kampung Kepala Pulau ini telah diceritakan oleh Tuan Haji Zakaria juga. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, beliau menyatakan bahawa nama Kampung Kepala Pulau mempunyai kaitan dengan Kampung Selat Pulau. Nama di ambil apabila pulau yang telah dinaiki selat itu meninggalkan sebuah pulau yang kecil bersebelahan. Jadinya orang dulu menyatakan itu sebahagian daripada pulau besar yang ditinggalkan bersebelahnya. Apabila Kampung Selat Pulau menjadi sebuah kampung dan meninggalkan sebahagian tanah bersebelahnya, penduduk kampung bersepakat untuk menamakan sebahagian tanah itu kepada Kampung Kepala Pulau. Kampung Kepala Pulau ini boleh dikatakan sebagai kampung yang telah dijadikan pambahagian jambatan ke seberang sungai. Namun di tengah-tengah kampung tersebut terdiri jambatan yang dinamakan sebagai Jambatan Dato Sagor yang menghubungkan seberang sungai.

Nama jambatan tersebut diambil daripada nama seorang tokoh sejarah negeri Perak iaitu Dato Sagor yang telah menentang habis-habisan orang British. Disamping itu, sebelum wujudnya jambatan tersebut, Kampung Kepala Pulau adalah tempat perlabuhan sampan tambang untuk menyeberang sungai ke pekan Kampung Gajah dan ke Teluk Intan. Penduduk kampung terdahulu, kebanyakan mereka ingin menyeberang akan menggunakan sampan tambang tersebut. Terdahulu orang-orang yang mempunyai sampan dah dianggap sebagai orang kaya kerana mampu memiliki sampan walaupun hanya diperbuat daripada kayu atas hasil buatan mereka tersendiri.

**4.3.4 Asal Usul Nama Kampung Kota**



**Rajah 4.4 : Peta Kawasan Kampung Kota (Sumber : Google Map)**

Kampung Kota merupakan antara perkampungan yang terpencil diantara kampung-kampung yang lain. Kampung Kota boleh dikatakan kampung yang terletak ditengah-tengah kawasan di antara kampung lain di sepanjang pinggiran sungai. Asal usul nama Kampung Kota ini sangat unik kerana di dalam kampung

ini terdapat sebuah kota kecil yang dikelilingi dengan kubu pertahanan. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, kubu merupakan pagar daripada kayu atau tanah untuk menahan daripada serangan dan sebuhan. Kubu juga dikatakan juga sebagai tempat pertahanan daripada diserang oleh pihak musuh yang dirikan kukuh dengan pagar atau tanah (bentang) yang dilengkapi dengan senjata atau juga dikenali sebagai tempat pertahanan sementara. Namun secara amnya, kubu didefinisikan sebagai tempat perlindungan untuk mempertahankan kawasan atau penempatan dari serangan darat atau udara musuh dengan membina sendiri samada dengan menggali lubang, membuat dinding besi, dinding pasit atau konkrit bergantung kepada tujuan, kepakaran dan jangkamasa penggunaannya.

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, pengkaji telah menemu bual dengan seorang penduduk kampung sebagai Puan Enon Umar yang dikatakan orang lama yang telah mendiami di kampung. Menurut Puan Enon, asal usul nama Kampung Kota di ambil daripada nama sebuah kota yang didirikan di tengah-tengah kawasan perkampung itu dan beliau berkata bahawa cerita yang beliau dapati adalah daripada cerita orang-orang terdahulu yang menceritakan kisah tersebut kepada beliau ketika beliau mendiami kawasan itu. Kota itu dikatakan sebagai tempat pembesar-pembesar terdahulu. Kota itu dikatakan dikelilingi dengan kubu pertahanan yang dibuat oleh tentera-tentera Melayu terdahulu untuk mempertahankan kota yang didiami oleh pembesar-pembesar ketika daripada peperangan. Kubu tersebut dirikan setinggi 10 kaki, namun kubu tersebut semakin rendah disebabkan terhakis dengan air hujan. Kubu tersebut berbentuk segi empat yang mengelilingi sesebuah tapak yang dikatakan sebagai kota tempat perlindungan pembesar. Penduduk kampung kawasan itu juga ada mengatakan bahawa belakang kubu tersebut merupakan kawasan perairan yang menjadi tempat laluan kapal perdagangan dan kapal penjajah belayar di sepanjang

kawasan tersebut. Kini kawasan perairan itu kering dan dijadikan satu tanah yang rata di belakang kubu tersebut.

Beliau berkata ketika tentera Melayu membuat kubu tersebut mereka hanya menggunakan batang nibong untuk mencangkul tanah-tanah di persisiran sungai dan dibawa ke kawasan kota untuk mendirikan kubu pertahanan. Menurut beliau lagi, orang-orang terdahulu tidak mempunyai peralatan seperti sekarang, namun hanya dengan batang nibong dan kudrat mereka sahaja mampu membuat sebuah kubu pertahanan yang sangat besar untuk dijadikan benteng peperangan. Kubu pertahanan orang-orang Melayu terdahulu diperbuat daripada tanah kerana ketika itu ketiadaan peralatan dan ketiadaan orang yang mahir dalam membentuk kubu-kubu seperti penjajah. Bila dilihat kebanyakan kubu pertahanan yang telah lama ditinggalkan di negara ini kebanyakannya kubu tersebut adalah milik penjajah yang menjajah negara ini dan membangunkan kubu pertahanan mereka mengikut konsep negara mereka sendiri. Peralatan dan bahan kubu mereka pun di import ke dalam negara dengan menggunakan kapal. Namun apa yang dapat dilihat bahawa orang Melayu juga boleh mendirikan kubu pertahanan yang kukuh namun berbeza dari segi bentuk dan penggunaan bahan dan peralatannya tetapi mempunyai fungsi yang sama.






#### Rajah 4.5 : Bentuk Kubu Kota (Sumber : Nur Eriyana Hassan)

Rajah 4.5 menunjukkan kubu kota yang ditinggalkan oleh orang terdahulu. Ketinggian kubu tersebut tidak setinggi yang asal punya disebabkan hakisan tanah daripada air hujan dan tanah yang lembab disekelilingnya. Oleh itu, nama Kampung Kota ini dikatakan asalnya daripada sebuah kota ditengah-tengah kampung dan dikelilingi dengan kubu pertahanan tentera Melayu terdahulu. Namun begitu, menurut orang-orang kampung yang mendiami berhampiran tapak kubu ini cuba diangkat sebagai tapak sejarah oleh Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak dan kini dalam pembincangan mereka.

#### 4.3.5 Asal Usul Nama Kampung Geronggong



#### Rajah 4.6 : Peta Kawasan Kampung Geronggong (Sumber : Google Map)

Kampung Geronggong merupakan nama sebuah kampung yang juga dikatakan sangat unik di daerah kecil Kampung Gajah. Kampung Geronggong terletak di kawasan persisiran sungai perak. Temu bual telah dilakukan dengan seorang penduduk Kampung Geronggong iaitu Encik Abdul Aziz. Beliau diantara


penduduk kampung yang tertua di kawasan Kampung Geronggong ketika ini. Beliau juga merupakan penduduk tetap Kampung Geronggong. Menurut beliau, cerita asal usul nama Kampung Geronggong ini merupakan cerita yang telah diceritakan oleh orang-orang tua di kampung itu terdahulu, yang menceritakan kisah terjadinya nama Kampung Geronggong kepada nya. Asal usul nama Kampung Geronggong adalah daripada bunyi seekor binatang yang mengeluarkan bunyi ‘gronggong, gronggong’ di kawasan kampung tersebut. Menurut beliau, sebelum asal nama kampung tersebut kampung Geronggong, kampung Geronggong dikatakan asalnya bertapak di sebuah kampung di seberang sungai hadapan kampung tersebut. Namun disebabkan bintang yang mengeluarkan bunyi itu telah berpindah ke kawasan tersebut maka orang-orang kampung menamakan kampung tersebut sebagai Kampung Geronggong.

Berdasarkan daripada cerita-cerita terdahulu, binatang yang mengeluarkan bunyi ‘gronggong, gronggong’ itu bukanlah sejenis anjing tetapi seekor binatang yang sangat unik dan misteri kerana tidak pernah dinampak oleh penduduk kampung. Menurut beliau, binatang itu mengeluarkan bunyi yang sangat kuat serta menyebabkan orang kampung risau dengan bunyi itu. Binatang itu asalnya daripada kampung di seberang sungai yang telah menyeberangi sungai dan mengikuti saluran longkang di alor sungai kampung tersebut. Apabila binatang tersebut mendarat ke kawasan kampung itu, dia telah mengeluarkan bunyi yang sangat kuat sehingga orang-orang kampung ketakutan. Penduduk ingat bunyi itu datangnya daripada anjing tetapi bukan. Oleh itu, perkara iu menjadi heboh ke kampung-kampung lain. Orang-orang dari kampung lain pergi ke kawasan kampung tersebut ingin melihat binatang yang mengeluarkan bunyi tersebut. Namun, bila ditanya binatang itu berada kampung mana, orang kampung tersebut tidak tahu nama kampung itu. Maka dengan peristiwa bunyi daripada binatang

tersebut, orang-orang kampung menamakan kampung tersebut sebagai Kampung Geronggong.

Keunikan nama Kampung Geronggong ini menyebabkan ramai orang daripada luar kawasan yang mengingatkan nama kampung tersebut daripada bunyian anjing-anjing. Walaubagaimanapun, keunikan Kampung Geronggong menjadi satu tanda kehebatan masyarakat Melayu dalam tradisi sastera rakyat.

#### 4.3.6 Asal Usul Nama Kampung Pasir Salak



**Rajah 4.7 : Peta Kawasan Kampung Pasir Salak (Sumber : Google Map)**

Rajah 4.7 menunjukkan peta bagi kawasan Kampung Pasir Salak. Pasir Salak merupakan satu mukim dalam daerah kecil Kampung Gajah. Kampung Pasir Salak merupakan sebuah kampung yang mempunyai nama unik dan mempunyai sejarah antara orang Melayu dan penjajah. Apabila sebut sahaja Pasir Salak, sudah pasti ia merupakan nama yang termahsyur di mata para sejarahwan dan masyarakat di negeri Perak serta satu Malaysia. Kampung Pasir Salak terletak di kawasan pinggir sungai dan terletak di 5 kilometer antara Kampung Pasir Salak ke pekan Kampung Gajah. Temu bual telah dilakukan bersama seorang Pegawai

Kurator Kompleks Sejarah Pasir Salak iaitu Encik Mohd Fauzi. Menurut beliau sejarah asal usul nama Kampung Pasir Salak terdapat dua versi cerita yang menceritakan asal usul nama Kampung Pasir Salak.

#### **4.3.6.1 Versi Pertama Asal Usul Kampung Pasir Salak**

Versi pertama bagi asal usul nama Kampung Pasir Salak adalah berdasarkan nama buah iaitu buah salak. Buah salak ialah sejenis buah yang mana kulitnya keras berwarna coklat dan warna isinya pula agak putih serta pokoknya seperti pokok nipah. Kandungan buah salak ini mengandungi banyak khasiatnya dan ia menjadikan satu alasan untuk masyarakat dahulu menanam pokok salak tersebut. Menurut Mohd Fauzi, 43, nama Pasir Salak diambil semperna sungai Perak pada suatu ketika dahulu di tepian tebingnya yang berpasir dan keadaan airnya yang jernih serta tidak tercemar dari kesan aktiviti perlombongan bijih timah yang amat kerush. Oleh hal yang sedemikian, banyaklah pokok buah salak yang tumbuh secara liar dan ada juga sesetengah daripadanya ditanam oleh orang kampung serta terdapat banyak kulit dan biji buah salak. Jadinya penduduk kawasan itu memanggil kawasan itu sebagai Kampung Pasir Salak. Perkara ini adalah perkara umum yang diketahui oleh penduduk disekitar kawasan itu dan orang luar daripada kawasan berdasarkan cerita daripada orang-orang lama terdahulu. Menurut Encik Fauzi lagi, ia menyatakan bahawa hasil daripada naratif lisan yang disampaikan dalam versi ini menunjukkan bahawa kurang dipercayai kerana pokok salak tumbuh di tanah pamah. Mungkin itu adalah kepercayaan orang Melayu pada zaman dahulu mengenai sistem penanaman buah salak.

#### 4.3.6.2 Versi Kedua Cerita Asal Usul Kampung Pasir Salak

Versi kedua adalah cerita yang diturunkan daripada seorang penduduk Kampung Pasir Jenderih yang berdekatan dengan Kampung Pasir Salak iaitu Encik Abdul Halim Bin Abdul Aziz, 70, daripada cerita orang-orang tua yang beliau dapat menyatakan bahawa nama Kampung Pasir Salak daripada ‘pasir selak’. Maksud pasir selak ini pada waktu musim kemarau dulu, dikatakan sungai Perak ketika itu kering. Istilan jamban rakit iaitu tandas yang diapungkan di atas permukaan dengan menggunakan kayu balak. Namun apabila waktu kemarau dan air sungai menjadi surut dan semakin kering, timbulnya benting-benting pasir di tebing sungai. Jadinya ketika itu, penduduk kawasan kampung Pasir Salak menjadikan benting-benting pasir itu sebagai tempat membuang air besar. Maksudnya apabila dikorek lubang dalam benting pasir itu, menjadi satu tempat pembuangan air besar. Namun ketika terdapat orang kampung yang mengorek lubang di benting pasir tersebut untuk membuang air besar, dengan bahasa yang berlapik ada yang bertanya ‘hendak pergi kemana itu’, maka dengan jawapan yang sopan dan berlapik tanpa mengeluarkan bahasa kasar, ia pun menjawab, ‘hendak ke pasir selak’ iaitu tempat untuk membuang air besar. Maka tempat itu lama kelamaan menjadi nama Pasir Selak dan bertukar kepada Pasir Salak.



**Rajah 4.8 : Pintu Masuk Kompleks Sejarah Pasir Salak (Sumber : Nur Eriyana Hassan)**

Rajah 4.8 menunjukkan pintu masuk bagi Kompleks Sejarah Pasir Salak. Kompleks Sejarah Pasir Salak ini adalah galeri yang mengumpulkan tentang-tentang sejarah dan peristiwa yang berlaku di Pasir Salak. Namun begitu, Pasir Salak juga terkenal dengan sejarah-sejarah penjajahan British ke Tanah Melayu terdahulu iaitu tragedi berdarah pembunuhan James Wheeler Woodford Birch atau lebih dikenali sebagai J.W.W. Birch, iaitu Residen Inggeris pertama di Perak (1875-1875) pada 2 November 1875 ketika umat Islam menyambut Aidilfitri kedua. Hal ini telah melakar nama Pasir Salak di dalam lipatan sejarah negara. Pembunuhan J.W.W Birch merupakan kemuncak kebangkitan dan penentangan orang Melayu terhadap penjajahan Inggeris di Perak.

Pada tahun 1875, Pasir Salak telah diserang dan dikuasai oleh angkatan tentera Inggeris. Serangan yang menyebabkan Pasir Salak dikuasai oleh inggeris ini dilakukan sebagai tindakbalas Inggeris terhadap Sultan dan pembesar-pembesar Melayu Perak bersabit dengan pembunuhan Residen Pertama Inggeris di Perak iaitu J.W.W. Birch. Melalui perjanjian Pangkor yang telah ditandatangani oleh Sultan Abdullah dengan Gabenor Negeri-negeri Selat iaitu Sir Andrew Clarke, pada 20 Januari 1847, negeri Perak terpaksa menerima seorang Residen Inggeris. Fungsi Residen Inggeris tersebut adalah sebagai penasihat kepada semua perkara pentadbiran negeri itu kecuali berkenaan dengan hal-hal berkaitan dengan ha--ehwah agama Islam dan adat istiadat Melayu Perak. Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris di Singapura J.W.W. Birch telah dilantik menjadi Residen Inggeris yang pertama bagi negeri Perak. Perlantikan Birch

sebenarnya tidak diperkenankan oleh Sultan Abdullah memandangkan Birch tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu, jahil mengenai adat istiadat Melayu dan sikapnya yang sering memandang rendah akan keboleha sultan dan pembesar-pembesar tempatan untuk mentadbir negeri. Sikap Birch ini telah menyinggunga perasaan sultan dan para pembesar negeri Perak.

Namun begitu, tindakan pertama yang dilakukan oleh Birch adalah dengan megubahsuaikan adat istiadat Melayu dan menjadikan negeri Perak seperti tanah-tanah jajahan Inggeris di Negeri-negeri selat yang mendatangkan banyak hasil kewangan bagi penjajahan Inggeris. Dalam usaha melaksanakan sistem pungutan cukai, Birch bersama rombongan mudik ke hilir Sungai Perak untuk mengisytiharkan bahawa pungutan cukai hanya boleh dijalankan oleh pemungut-pemungut yang dilantik oleh Residen Inggeris. Tindak yang dilaukan itu telah ditentang oleh Datuk Maharaja Lela di Pasir Salak dan juga daripada sultan sendiri. Pembesar-pembesar Negeri mula merasakan pengenalan sistem Residen yang telah menghakis kuasa Raja dan pembesar-pembesar Melayu ketika itu, Akibat daripada tentangan tersebut, pembesar-pembesar Pasir Salak telah mengadakan mensyuarat menyusun strategik untuk membunuh J.W.W Birch di Kampung Durian Sebatang dan beberapa pandangan telah dikemukakan untuk membunuh J.W.W. Birch.

Pada mensyuarat tersebut, Dato Maharaja Lela sebagai ketua untuk menjalankan pembunuhan terhadap J.W.W Birch telah bersetuju untuk melaksanakannya dan mengarahkan anak-anak buahnya iaitu Pandak Endut, Kulup Ali, Si Putum, Ngah Jabar dan Setuah untuk menjalankan tugas membunuh Birch. Akhirnya pada 2 November 1875, J.W.W. Birch telah berjaya dibunuh di Pasir Salak, Kampung Gajah ketika beliau sedang bermandi di Sungai Perak. Beliau telah direnjam dengan lembing di bahagian kepala dan terjatuh di dalam

sungai. Apabila J.W.W Birch timbul dan cuba untuk menaik balik ketempat mandinya, Si Puntum telah menetak kepalanya dengan sebilah pedang yang panjang dan ditikam berkali-kali oleh Si Puntum ibarat melepaskan geram yang terbuku dalam hati dan mayat J.W.W Birch telah pun jatuh dan hanyut di dalam Sungai Perak. Namun, kerani J.W.W Birch iaitu Mat Arshad yang telah bersama-sama dengan J.W.W Birch ketika itu juga turut dibunuh dalam peristiwa tersebut. Daripada peristiwa tersebut, satu perbicaraan telah diadakan di Bandar Baru, Perak ke atas Si Puntum, Che Gondah dan Ngah Ahmad yang dituduh membunuh Residen British di Pasir Salak iaitu J.W.W. Birch. Ketiga-tiga orang yang tertuduh itu telah dibicarakan di hadapan Raja Deris yang dilantik oleh Sultan Abdullah untuk menghakamkan perbicaraan itu. Dalam perbicaraan tersebut telah menjatuhkan kepada tiga orang tertuduh iaitu Si Puntum dihukum gantung sampai mati, manakala Che Gondah dan Ngah Ahmad dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Si Puntum telah dihukum gantung pada 20 Mei 1876 di Bandar Baru.

Daripada peristiwa tersebut maka dapat dilihat betapa hebatnya perjuangan orang terdahulu telah sanggup bergadai nyawa demi bangsa, agama dan negara daripada terus dijajah dan dipengaruhi daripada penjajah luar. Oleh itu, nama Pasir Salak telah termasyur di seluruh pelusuk negara dan untuk mengenangkan apa yang terjadi di Pasir Salak, terdapat dua orang artis Malaysia yang terkenal pada zaman 90-an terdahulu iaitu M. Shariff dan Noraniza Idris telah menghasilkan lagu berkenaan dengan peristiwa yang berlaku di Pasir Salak. Antara lirik lagu tersebut adalah seperti berikut :

Pasir Salak - M. Shariff

*Pasir Salak aduh keramat namanya*



*Terjadinya peristiwa sungguh bersejarah*

*Sungai Perak sungai membawa kenangan*

*Air mata yang berlinang menahan derita*

*Kicau burung hembus bayu tiada irama*

*Semuanya jadi lagu lambang perjuangan*

*Pasir salak kini tinggalah kenangan*

*Darah merah yang mengalir menjadi pusaka*

*Pasir Salak - Noraniza Idris*

*Langit terbentang menjadi saksi*

*Dendam lama tak mungkin terpadam*

*Sedih terasa di dalam hati*

*Bila mengenang derita silam*

*Tika janji semakin luka*

*Demi maruah rela berkorban*

*Terkujur tubuh rakyat jelata*

*Rebah mereka dalam tangisan*

*Pasir salak bumi bertuah*

*Tetap bersemi dalam sejarah*

*Semangat bangsa megah terjulang*

*Maharaja Lela terus dikenang*

*Indah tebingmu bermandi darah*


*Pahlawan sejati pantang menyerah*

*Kisah duka di Negeri Perak*

*Darah mengalir di Pasir Salak.*

(Sumber : Internet)

#### 4.3.7 Asal Usul Nama Kampung Biak



**Rajah 4.9 : Peta Kawasan Kampung Biak (Sumber : Google Map)**

Rajah 4.9 menunjukkan peta bagi kawasan Kampung Biak. Kampung Biak terdapat dua kawasan iaitu Kampung Biak Darat dan Biak Baroh. Kampung Biak merupakan kawasan perkampungan di dalam mukim Pasir Salak. Bagi cerita asal usul nama Kampung Biak ini telah diterangkan juga oleh Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali, 43 iaitu Pegawai Kurator Kompleks Sejarah Pasir Salak. Menurut Encik Mohd Fauzi, asal usul nama Kampung Biak adalah berasal daripada seponon pokok biak atau lebih dikenali sebagai pokok ketum.




**Rajah 4.10 : Contoh Pokok Daun Biak (Sumber : Internet)**

Rajah 4.10 menunjukkan contoh pokok daun ketum. Pokok ketum atau pokok biak ini mempunyai nama saintifnya iaitu *Mitragyna Speciosa* adalah sejenis tumbuh-tumbuhan daripada keluarga *Rubiaceae* yang banyak terdapat di negeri-negeri sebelah utara dan juga negeri pantai timur bagi Semenanjung Malaysia. Pokok biak ini hidup subur di kawasan bertanah lembap yang mempunyai kandungan humus yang tinggi. Kebanyakannya ditemui tumbuh secara liar di kawasan-kawasan hutan dan persekitaran kampung. Daun biak telah digunakan secara tradisional untuk mengeluarkan angin dalam badan dan meningkatkan tenaga untuk melakukan pekerjaan berat. Namun begitu, air daun biak tersebut juga dikatakan telah digunakan sebagai ubat tradisional untuk merawat penyakit tertentu seperti sakit belakang, demam, batuk, dan penyakit cacing serta juga dijadikan sebagai penawar diabetes, darah tinggi dan lain-lain kegunaannya lagi untuk kebaikannya. Oleh itu, ada juga sesetengah orang telah menyalahgunakan khasiat air biak ini antaranya penagih dadah kerana iainya mengandungi bahan-bahan *psikoaktif mitagynine* yang memberikan kesan *stimulan*, *sidatif* dan *euphoria* yang menyebabkan penagihan dan penghayalan.

Disamping itu, daun biak ini juga mengandungi bahan aktif *mitragynien* iaitu sejenis *alkaloid psikoaktif* dan menyebabkan ia dikawal dibawah Akta Racun 1952 di bawah peraturan kawalan *psikotropik*. Terdapat juga 24 bahan lain yang terkandung didalam daun biak antaranya ialah *corynanthedine*, *mitaphylline*, *paynanthesine*, *speciophylin* dan *speciogynine*. (Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia).

Oleh hal sedemikian, di sebabkan daun biak atau ketum ini semakin membiak di kawasan itu sehingga lah penduduk di kawasan itu memanggil nama kawasan itu sebagai Kampung Biak. Menurut Encik Mohd Fauzi dalam temu bual yang dilakukan, beliau berkata Kampung Biak dibahagi kan kepada dua kawasan adalah disebabkan perpisahan jalan iaitu antara jalan dalam (jalan kampung) dengan jalan luar (jalan besar / jalan raya) di kawasan itu dan menyebabkan terbahagi kepada dua kawasan mengikut dialek kawasan situ. Namun begitu, penduduk kampung terdahulu menjalankan aktiviti bercucuk tanam adalah sumber utama dalam menyara kehidupan mereka. Maka itu, penanaman pokok Biak itu adalah satu sumber rezeki mereka untuk menyara keluarga kerana pokok tersebut mengandungi banyak khasiatnya jika diamalkan dengan betul.

#### 4.3.8 Asal Usul Nama Kampung Bandar Tua



**Rajah 4.11 : Peta Kawasan Kampung Bandar Tua (Sumber : Google  
Map)**

Kampung Bandar Tua terletak di dalam mukim Pasir Salak iaitu berada dengan jarak kurang daripada 1 kilometer daripada Kompleks Sejarah Pasir Salak. Kampung Bandar Tua juga terletak di tepi Sungai Perak dan ia juga merupakan kampung yang tertua dalam mukim Pasir Salak. Temu bual telah dijalankan bersama Pegawai Kurator Kompleks Sejarah Pasir Salak iaitu Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali, 43 yang turut berkongsi cerita mengenai cerita asal usul nama Kampung Bandar Tua. Menurut daripada temu bual tersebut, beliau menyatakan bahawa Kampung Bandar Tua telah tercatat dalam sejarah Perang Perak 1875 semasa tentera Inggeris yang dipimpin oleh Kapten Innes dan kapten Abbot yang telah menyerang Datuk Maharaja Lela di Pasir Salak ketika dahulu. Pertempuran yang hebat antara pihak British dan orang Melayu terjadi di Bandar Tua. Kisah pertempuran ini telah diceritakan dalam novel Pahlawan Pasir Salak karya Ismail Sarbini. Di samping itu, beliau menceritakan bahawa asal usul nama Kampung Bandar Tua adalah daripada kawasan yang membangun dengan meletakkan istilah bandar. Menurut beliau lagi istilah bandar dahulu bukanlah gambaran bandar seperti sekarang ianya jauh berbeza bandar dahulu dan bandar sekarang.

Bandar merupakan kawasan, tempat, atau pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan yang dijalankan. Bandar mempunyai status penting yang dapat membezakannya dari pekan. Berdasarkan kenyataan daripada Melvin dan Thomas (Beaujeau-Detwiler dan Marcus, 1985:4) mentakrifkan sesebuah bandar adalah kawasan yang meliputi elemen-elemen

semulajadi, sosial, dan buatan manusia dalam sesuatu kawasan yang mempunyai ramai penduduk dan mempunyai nilai budaya yang tinggi. Namun terdapat lagi pandangan daripada beberapa sarjana antaranya ialah Yahya (1995) yang berpendapat bahawa bandar melibatkan struktur ekonomi dan pekerjaan berasaskan sektor. Sebagai contoh, sektor utama atau pertanian yang beralih kepada bidang pekerjaan yang berbentuk pemasaran, pembuatan, industri, dan penyebaran. Bagi Konox (2005) pula berpendapat bahawa bandar wujud apabila terdapatnya fenomena pertumbuhan penduduk, migrasi dan perkembangan ruang bandar.

Menurut Encik Fauzi, beliau menyatakan bahawa kawasan bandar dahulu sangatlah berbeza daripada kawasan bandan yang sekarang. Menurut beliau lagi kawasan Kampung Bandar Tua adalah penduduk yang melibatkan diri dengan sektor perlombongan dan pertanian khususnya. Berdasarkan cerita yang diturunkan kepada beliau daripada Professor Madya Fauzi Basir, sejarah kesultanan Pek menyatakan bahawa populasi masyarakat di kawasan Bandar Tua hampir mencecah puluhan ribu ketika itu. Namun sekarang kawasan tersebut telah menjadi kawasan perkampungan yang telah ditinggalkan. Disamping itu, pada ketika dahulu, kawasan Kampung Bandar Tua dikatakan sebagai kawasan tumpuan orang ramai dan mendiami kawasan tersebut. Oleh itu, terdapat beberapa keturunan yang terdapat dalam kawasan tersebut antaranya adalah keturunan Bugis, Mengeleng, dan beberapa lagi keturunan yang ada dalam kawasan tersebut.

Di dalam kawasan Kampung Bandar Tua juga mempunyai sejarah dan keunikannya antaranya ialah keunikan surau yang dipercayai tertua di Perak Tengah. Madrasah Bumbung Lima atau kini dikenali sebagai Surau Latiffiah yang telah berusia lebih tiga abad di Kampung Bandar Tua pernah menjadi sebahagian sejarah perkembangan Islam di daerah Perak Tengah. Surau lama ini telah


diasaskan oleh seorang individu bernama Alang Abd Latif yang dibina pada abad ke-18 itu dikatakan pernah dikunjungi oleh Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putr Al-Haj ketika usaha kempen Kemerdekaan negara pada tahun 1956. Di samping itu, surau tersebut telah menjadi pusat pengajian agama Madrasah Tinggi Bandar Tua secara rasmi pada 1926 dengan mempunyai ratusan pelajar dan melahirkan ramai guru agama antaranya adalah Tuan Guru Mahmuddin Abdul Somad dan Tuan Guru Zahidi Abdul Rahman. Keunikkan pada surau tersebut adalah dibina dengan kayu balak yang dibawa gajah menyeberangi Sungai Perak. Selain itu, reka bentuk bumbung berbucu lima telah menjadi simbol Rukun Islam.



**Rajah 4.12 : Madrasah Bumbung Lima (Sumber : Internet)**

Rajah 4.12, menunjukkan seorang waris kepada pengasas Madrasah Bumbung Lima di Kampung Bandar Tua iaitu waris kepada Alang Abd Latif yang dikatakan sebagai surau tertua dalam Perak Tengah yang mempengaruhi sejarah perkembangan Islam.

#### **4.3.9 Asal Usul Nama Kampung Pasir Garam**



**Rajah 4.13 : Peta Kawasan Kampung Pasir Garam (Sumber : Google Map)**

Rajah 4.13, menunjukkan peta kawasan bagi kampung Pasir Garam. Di dalam daerah kecil Kampung Gajah terdapat sebuah kampung yang agak unik nama kampungnya. Kampung tersebut adalah Kampung Pasir Garam. Kampung Pasir Garam terletak di tebing kiri Sungai Perak dan berhampiran dengan Kampung Pulau Tiga Kiri. Temu bual telah dijalankan dengan seorang penduduk asal Kampung Pasir Garam iaitu Puan Azizah Binti Zamzuri, 52. Beliau merupakan seorang penduduk Kampung Pasir Garam yang merupakan penduduk tetap di kawasan itu dan beliau juga tahu serba sedikit mengenai sejarah asal usul Kampung Pasir Garam yang telah diceritakan oleh nenek moyangnya. Daripada hasil cerita itu, beliau sering menceritakan kembali kepada anak-anaknya. Menurut beliau, di kawasan Kampung Pasir Garam tersebut adalah kawasan pulau air tawar (sungai) yang dikelilingi dengan pasir. Asal nama Kampung Pasir Garam adalah daripada berlakunya peristiwa atau eksiden yang berlaku di perairan kawasan tersebut.




Menurut Puan Azizah, kawasan perairan di kawasan tersebut merupakan laluan kapal tongkang yang membawa garam. Oleh itu berlakunya eksiden dimana kapal tongkang tersebut terbalik di sungai tersebut. Kapal tongkang merupakan sebuah kapal pengangkutan kargo yang membawa barangan berat seperti tar, garam, pasir, dan lain-lain lagi di kawasan sungai dan terus ke kawasan laut. Kapal tongkang ini seperti sebentuk kotak yang terdampar ditengah-tengah perairan dan tidak mempunyai pendorang sendiri dan perlu ditunda dengan bot tunda.

Puan Azizah berkata, daripada eksiden berlakunya kapal tongkang terbalik dan tidak tahu puncanya dari apa, maka Polis Malaysia ingin membuat siasatan terhadap kapal tongkang yang telah terbalik di kawasan tersebut. Namun apabila ingin membuat kertas siasatan, pihak polis ingin mengetahui peristiwa itu berlaku di kawasan nama ingin mengetahui nama kawasan tersebut. Daripada kertas siasatan yang ingin dilakukan, maka pihak polis bertanya kepada beberapa orang penduduk kampung untuk mendapat nama tempat yang mereka diami. Maka penduduk-penduduk kampung pun mengatakan kawasan tersebut belum diberi nama. Tanpa berfikir panjang, pihak polis telah menamakan kawasan tersebut sebagai Kampung Pasir Garam atas peristiwa yang berlaku pada ketika itu. Hal ini, adalah cara untuk memudahkan urusan pihak polis melakukan siasatan terhadap eksiden tersebut. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kecekapan orang terdahulu menamakan nama-nama kampung tersebut dengan peristiwa yang berlaku di hadapan mata mereka sehingga ianya termasyur sehingga hari ini.

#### **4.3.10 Asal Usul Nama Kampung Pulau Tiga**

Dalam daerah kecil Kampung Gajah terdapat satu nama kampung yang unik dan mempunyai pelbagai kisah yang menarik. Kampung tersebut adalah Kampung Pulau Tiga Kiri dan Kampung Pulau Tiga Kanan yang terletak diantara kiri dan kanan sungai Perak. Temu bual telah dilakukan salah seorang daripada penduduk tetap Kampung Pulau Tiga Kiri iaitu Puan Nor Azizah Binti Zamzuri, 52. Menurut daripada kisah yang disampaikan oleh beliau adalah cerita yang telah diperturunkan daripada nenek moyang beliau. Puan Nor Azizah berkata, Asal usul nama Kampung Pulau Tiga ini adalah asalnya daripada bentuk sebuah pulau yang terdapat dalam kawasan tersebut. Pulau tersebut dikatakan mempunyai tiga cabang kepala dan satu badan belakangnya. Pada zaman dahulu sebelum Kampung Pulau Tiga diduduki oleh orang-orang kampung, pulau tersebut jelas kelihatan mempunyai tiga cabang kepala. Namun kini hanya tinggal satu lekukkan yang jelas pulau dalam kawasan tersebut.



**Rajah 4.14 : Peta Keseluruhan Kawasan Kampung Pulau Tiga Kiri dan Pulau Tiga Kanan. (Sumber : Google Map)**

Rajah 4.14, menunjukkan peta bagi keseluruhan kawasan Kampung Pulau Tiga Kiri dan Kampung Pulau Tiga Kanan. Dapat dilihat dari peta yang

ditunjukkan itu bahawa kampung tersebut dibahagikan kepada dua kawasan dan ditengah-tengahnya adalah aliran air sungai Perak yang membahagikan kawasan Pulau Tiga Kanan dan Pulau Tiga Kiri. Kawasan Kampung Pulau Tiga pernah menjadi pusat pemerintahan bebrapa Sultan Perak sejak yang pertama iaitu Sultan Iskandar Zulkarnain Sultan Perak yang ke 15. Pada zaman baginda, pusat pentadbiran Perak adalah dinamakan sebagai Cempaka Sari dan kemudian digelar sebagai Indera Sakti. Di samping itu, Kampung Pulau Tiga ini mempunyai sejarah yang belum diketahui oleh orang ramai. Di Kampung Pulau Tiga ini mempunyai sejarah dimana terdapat dua buah Quran yang ditulis dengan tangan paling tertua di Malaysia dari Kampung Pulau Tiga. Dipercayai terdapat dua buah Quran yang ditulis dengan tangan masing-masing berumur 414 dan 184 tahun yang disimpan lama oleh penduduk Kampung Pulau Tiga.



**Rajah 4.15 : Keratan Akbar Mengenai Quran Tertua Di Kampung Pulau Tiga (Sumber : Internet)**

Rajah 4.15 menunjukkan keratan akbar yang menyatakan bahawa Kampung Pulau Tiga mempunyai sejarah mengenai Quran Tertua yang ditulis tiga orang para

ualamak. Berdasarkan dari anggaran umur Quran tersebut, berkemungkinan ia ditulis sejak tahun 1603 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Mukaddam Shah iaitu Sultan Perak yang ke 6 manakala Quran yang satu lagi ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Perak yang ke 21 iaitu Sultan Shahabuddin Riayat Shah pada tahun 1833. Menurut Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di Parit pada tahun 1983, Quran yang dipercayai berumur 380 tahun pada ketika itu, dikenali sebagai nama Quran Semut Gatal oleh Penduduk Kampung Pulau Tiga. Hal ini kerana dikatakan bahawa Quran tersebut telah ditulis oleh 3 orang ahli agama yang tinggal di Pulau Tiga tersebut. Nama penulis pertama dan kedua tidak diketahui tetapi penulis yang ketiga dikenali sebagai nama Tok Mancalang iaitu merupakan seorang penyair, ahli pantun dan perseloka yang amat terkemuka di Pulau Tiga pada waktu itu. Namun bagi Quran yang berumur 184 tahun itu pula ditulis oleh Sheikh Hussein Al Yamani. Beliau adalah seorang pendakwah Arab yang datang tinggal di Pulau Tiga pada sekitar tahun 1860.

Sheikh Hussien Al Yamani merupakan seorang individu yang sangat warak dalam agama Islam dan gigih menyebarkan ajaran agama Islam di serata kawasan yang berhampiran dengan kawasan Pulau Tiga. Namun, penduduk sekitar kawasan Kampung Pulau Tiga mengatakan bahawa beliau meninggal dunia setelah habis menulis Quran tersebut dan telah dikebumikan di Pulau Tiga. Menurut cerita penduduk tempatan secara lisan dan turun-temurun sejak dari dahulu lagi berkenaan dengan Quran Semut Gatal ini ada mempunyai cerita dan peristiwanya. Quran Semut Gatal ini, barang siapa yang bersumpah dengan menjunjung Quran Semut Gatal ini dan jika sumpahan adalah palsu, maka dengan izin Allah seluruh badan mereka yang bersumpah akan terkena sumpahan iaitu gatal seumpama digigit semut gatal dengan banyak. Oleh itu, kedua-dua Quran tersebut telah diambil oleh Jabatan Perpustakaan Negara untuk diawetkan semula

dan menyelamatkan ia daripada musnah pada 19 Oktober 1983. Hal ini kerana keadaan Quran 184 tahun yang disimpan di Balai Penghulu dan Quran Semut Gatal 414 tahun di Madrasah Ekhsaniah didapati sedang mereput dan dimakan anai-anai.

#### **4.4 Kepercayaan dan pemikiran penduduk Kg Gajah mengenai cerita asal usul dengan menggunakan Pendekatan Kajian Budaya.**

Kepercayaan merupakan satu rentetan kehidupan masyarakat Melayu Tradisi ketika dahulu mengenai kehidupan yang berlaku dalam diri mereka. Kepercayaan boleh dikatakan sebagai satu konotasi makna sebagai sesuatu yang dipercayai. Namun begitu kepercayaan memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah hubungan antara manusia dengan penciptanya dan manusia dengan sesuatu perkara yang lain. Lewicky dan Wiethoff (2002), menyatakan bahawa kepercayaan merupakan keyakinan individu dengan kemampuan untuk bertindak atas dasar kata-kata, tindakan dan keputusan orang lain. Oleh itu ia merupakan sebagai satu harapan yang positif, asumsi atau keyakinan kongitif dalam kehidupan seseorang.

Dari kepercayaan maka terwujudnya cara pemikiran seseorang itu berfikir dalam pelbagai situasi. Menurut Habibah Alias (1990:86), pemikiran merupakan satu proses untuk manusia memanipulasikan perkara di persekitarannya dan proses yang terlibat dalam pemikiran adalah proses kognitif. Oleh itu, dalam aspek pemikiran, seseorang individu itu akan menggunakan pengamatan untuk melihat perkaitan rangsangan untuk meneruskan tujuannya. Namun pemikiran ini terbahagia kepada dua, iaitu pemikiran yang diarahkan dan pemikiran yang tidak diarahkan. Pemikiran yang diarahkan mempunyai maklumat dan ia selalu berlaku

dan terjadi dalam proses penaakulan pemikiran kritikan dan kreativiti. manakala bagi pemikiran yang tidak diarahkan pula ialah yang tidak mempunyai matlamat atau lebih kepada berangan-angan sahaja.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kajian budaya yang telah ditelusuri oleh Chris barker. Berdasarkan Chris Barker (2003), dalam buku beliau '*Cultural Studies : Theory and Practical*' telah mengemukakan lapan konsep pendekatan budaya melalui bukunya. Lapan konsep pendekatan tersebut adalah budaya dan penandaan amalan, perlambangan, materilisme, pengucapan, kuasa, budaya popular, teks dan khayalak serta subjektif dan identiti. Dalam kajian ini, pengkaji menfokuskan kepada subjektif dan identiti. Subjektif dan identiti merupakan antara kosep pendekatan kajian budaya daripada Chris Barker yang merujuk kepada hala tuju yang akan melibatkan manusia sebagai perilaku manakala identiti pula telah menjadi asas utama dalam kajian budaya. Chris Barker (2003,p. 10), telah menyatakan bahawa pendekatan subjektif dan identiti dalam kajian budaya adalah satu ilmu yang cuba menjawab kepada persoalan-persoalan yang berkaitan proses pembentukan identiti manusia seperti seseorang itu dibentuk, bagaimana seseorang itu membentuk dirinya sebagai subjek, bagaimana seseorang itu mengenal pasti melalui emosi bahawa dari segi gender lelaki atau perempuan, hitam atau putih serta muda atau tua. Berdasarkan pendekatan subjektif dan identiti yang dibawa dalam naratif lisan dalam kajian ini, terdapat tiga perkara yang dilihat iaitu naratif lisan sebacerita turun-temurun, naratif lisan sebagai perlambangan sesuatu budaya dan identiti bangsa serta naratif lisan sebagai identiti kebijaksanaan orang terdahulu.

#### **4.4.1 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Naratif Lisan Sebagai Sebuah Cerita Turun Temurun**

Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan melihat mengenai kepercayaan dan pemikiran penduduk terhadap naratif lisan ini sebagai sebuah cerita yang dikatakan secara turun temurun. Naratif lisan merupakan antara karya sastera yang disampaikan secara bertutur iaitu cerita yang disampaikan mulut ke mulut dengan cara turun-temurun daripada generasi ke generasi. Namun begitu, sebelum terwujudnya sistem aksara, naratif lisan merupakan karya yang paling penting dalam dunia kesusasteraan kerana ia dihidupkan dengan cara penyampaian tanpa penulisan karya. Oleh itu, kebanyakan sastera lisan pada zaman dahulu hanya disampaikan dan disebarkan dengan cara bertutur oleh si tukang pencerita. Si tukang cerita lebih dikenali sebagai penglipur lara oleh masyarakat kerana sifatnya yang suka bercerita dan menjadi seorang penghibur di hati penduduk sebelum terciptanya karya berunsurkan tulisan. Penceritaan yang di sampaikan bukanlah secara formal dan ianya hanyalah di sampaikan secara bersahaja. Hal ini boleh dilihat sebagai contoh dalam cerita rakyat iaitu mengenai cerita Pembukaan Kota Melaka. Cerita ini sebelum diwartakan dalam bentuk penulisan, ia merupakan satu cerita rakyat yang berbentuk lisan dengan disampaikan dan disebarkan daripada mulut ke mulut. Hal ini boleh dilihat kepada sejarah pembukaan Kota Melaka sebagai contoh cerita asal usul sebelum diwartakan dalam bentuk penulisan. Oleh hal sedemikian, berdasarkan cerita rakyat ini dapat dilihat bahawa kepercayaan orang Melayu berdasarkan kepada cerita rakyat ini adalah cerita turun temurun.

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, turun-temurun juga merupakan sesuatu penyampaian zaman dahulu iaitu daripada nenek moyang terdahulu

kepada generasi cucu cicit yang seterusnya sehinggalah generasi yang akan datang. Hal ini adalah ia menjadi satu perkara yang harus diperturunkan. Turun-temurun bukan sahaja perbuatan ataupun sejenis barang yang boleh dilihat ataupun disentuh, ia juga boleh dikategorikan daripada perkara yang tidak boleh dipegang mahupun disentuh seperti cerita-cerita rakyat atau naratif lisan yang hanya cerita disampaikan secara mulut ke mulut tanpa ada sebarang catatan yang direkodkan sebagai bahan bacaan.

Rentetan daripada itu, pengkaji akan membuat analisis mengenai kepercayaan dan pemikiran penduduk di Kawasan Kampung Gajah mengenai cerita asal usul di sepuluh perkampungan lama di sepanjang tepian Sungai Perak di daerah kecil Kampung Gajah. Sepuluh kampung tersebut telah dipilih oleh pengkaji mengikut berdasarkan keistimewaan sejarah cerita asal-usul nama kampung-kampung tersebut. Berdasarkan temu bual yang dilakukan bersama-sama penduduk kampung, didapati bahawa hampir keseluruhan cerita yang diceritakan oleh penduduk kampung mengenai cerita asal usul nama kampung tersebut adalah cerita yang dipercayai secara turun-temurun. Oleh hal yang sedemikian, responden yang telah ditemuramah menyatakan bahawa cerita asal usul yang mereka ketahui ini adalah daripada orang tua terdahulu. Kebanyakan orang tua terdahulu mempunyai cerita rakyat yang menarik kerana pada zaman dahulu sebelum adanya sistem penulisan, ia merupakan satu hiburan dalam kalangan penduduk setempat. Hal ini juga dapat memberikan kepercayaan kepada masyarakat untuk lebih mengetahui dan mengambil berat mengenai naratif lisan ini. Oleh itu, ia menjuruskan kepada masyarakat Melayu dalam pemikiran yang lebih luar biasa.



#### **4.4.1.1 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Gajah Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Merujuk kepada objektif pertama **4.2.1 Cerita Asal Usul Nama Kampung Gajah**, didapati bahawa kepercayaan masyarakat di kawasan ini didapati bahawa cerita asal usul nama Kampung Gajah ini adalah cerita yang dikatakan sebagai cerita turun-temurun tanpa ada sebarang penulisan yang berbentuk dalam sistem tulisan. Kepercayaan yang dibawa oleh penduduk Kampung Gajah mengenai cerita asal usul Kampung Gajah membawa pemikiran masyarakat setempat kepada naratif lisan yang bersifat turun-temurun. Berdasarkan responden A yang telah ditemu-bual oleh pengkaji, menyatakan bahawa cerita asal-usul Kampung Gajah didapati daripada orang-orang tua terdahulu di Kampung Gajah. Cerita asal usul Kampung Gajah dipercayai oleh orang kampung bahawa kawasan tersebut pada zaman dahulu adalah kawasan perkampungan sekumpulan gajah yang berhijrah daripada bukit tunggal ke kawasan tersebut sehingga menjadi satu kampung yang dinamakan sebagai Sekampung Gajah sebelum dijadikan Kampung Gajah. Peristiwa yang berlaku di kawasan tersebut memuatkan pemikiran orang terdahulu untuk menentukan nama tempat tersebut berasarkan peristiwa yang berlaku. Hal ini menunjukkan bahawa kepercayaan penduduk dalam Kampung Gajah membawa kepada pemikiran yang membentuk identiti setempat.

#### **4.4.1.2 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Selat Pulau Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.2 Asal Usul Nama Kampung Selat Pulau**, cerita yang didapati adalah berdasarkan penceritaan orang terdahulu yang mengetahui bahawa asal usul Kampung Selat Pulau adalah berdasarkan dari sebuah pulau yang terbentuk di kawasan tersebut. Penceritaan itu telah disebar oleh orang-orang terdahulu kepada responden B tersebut. Namun, hal ini didapati bahawa penceritaan ini diberikan kepercayaan kepada penduduk dalam kawasan tersebut bahawa cerita asal usul Kampung Selat Pulau adalah satu penceritaan yang betul kerana berdasarkan penceritaan itu didapati bahawa kawasan yang dikatakan mempunyai sebuah pulau itu memang terlihat ditepian Sungai Perak. Berdasarkan kepercayaan penduduk daripada peristiwa yang terjadi di kawasan itu dan mensasarkan kepada pemikiran penduduk di sekitar kawasan tersebut.

#### **4.4.1.3 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Kepala Pulau Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.3 Asal Usul Nama Kampung Kepala Pulau** dipercayai bahawa cerita tersebut adalah cerita yang bersifat turun-temurun. Hal ini dapat dilihat daripada kenyataan yang nyatakan oleh responden B. Berdasarkan temu bual yang dilakukan oleh responden B ini menyatakan bahawa cerita asal usul Kampung Kepla Pulau juga diceritakan oleh orang-orang terdahulu kepada beliau. Oleh hal sedemikian dapat dinyatakan bahawa kepercayaan yang ada dalam masyarakat Kampung Kepala Pulau juga menjurus kepada sebuah naratif lisan yang disebar secara turun temurun. Hal ini dapat dilihat dalam konteks penceritaan yang dicerita oleh responden yang mengisahkan asal usul nama Kampung Kepala Pulau yang

mempunyai kaitan dengan Kampung Selat Pulau. Di samping itu, berdasarkan asal usul Kampung Kepala Pulau juga mewujudkan pemikiran dan kepercayaan yang amat tinggi dalam konsep naratif lisan.

#### **4.4.1.4 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Kota Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.4 Asal Usul Nama Kampung Kota**, merupakan sebuah naratif lisan yang bersifat turun-temurun yang disampaikan dan disebarkan secara mulut ke mulut. Di dalam penceritaan ini, dapat dilihat bahawa penduduk kawasan itu mempercayai bahawa asal usul Kampung Kota berasal dari sebuah kota tempat perlindungan pembesar yang dikelilingi oleh kubu pertahanan. Hal ini kerana bukti bagi cerita tersebut didapati di dalam kawasan tersebut iaitu terdapat peninggalan kubu pertahanan di tengah-tengah kampung oleh orang terdahulu. Kepercayaan orang kampung ini menjurus kepada pemikiran masyarakat di kawasan itu kepada peristiwa yang berlaku di kawasan tersebut. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kesan daripada peristiwa yang berlaku mampu membangunkan sesuatu perkara hasil daripada peristiwa tersebut.

#### **4.4.1.5 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Geronggong Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.5 Asal Usul Nama Kampung Geronggong**, yang mengisahkan sebuah kampung di dalam daerah kecil Kampung Gajah yang dikatakan cerita asal usul kampung tersebut diambil daripada kejadian

binatang yang mengeluarkan bunyi seperti anjing akan tetapi ia bukanlah binatang seperti anjing. Daripada kejadian itu, sampai sekarang masih menjadi perbualan orang kampung atas peristiwa yang berlaku di kampung tersebut. Merujuk kepada responden D, menyatakan bahawa cerita asal usul mengenai kampung tersebut telah didapati daripada orang-orang terdahulu yang gemar menceritakan sejarah yang berlaku di dalam kampung tersebut. Dalam pada itu, ketika beliau mendengarkan cerita tersebut daripada orang-orang kampung terdahulu beliau tidak melepaskan peluang untuk bercerita kepada anak, cucu dan cicitnya untuk menjadikan ia sebagai bahan hiburan kepada keluarganya ketika masa lapang. Berdasarkan dari penyampaian beliau terhadap cerita asal usul Kampung Geronggong ini, dapat dilihat bahawa beliau percaya terhadap peristiwa yang berlaku di kampung tersebut sehingga timbulnya pemikiran masyarakat dahulu untuk menamakan kawasan tersebut daripada seekor binatang yang tanpa mengetahui akan kewujudannya. Hal ini, dapat dilihat bahawa kepercayaan masyarakat terdahulu mempunyai pemikiran yang menjurus kepada kemudahan masyarakat.

#### **4.4.1.6 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Pasir Salak Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.6 Asal Usul Nama Kampung Pasir Salak**, ia merupakan sebuah naratif lisan yang bersifat cerita yang di sampaikan secara turun-temurun. Kampung Pasir Salak merupakan sebuah kawasan yang menjadi satu tarikan pelancongan kerana ia merupakan kawasan yang mempunyai sejarah yang memahsyurkan Tanah Melayu ketika dahulu. Dalam

kajian ini, pengkaji telah mendapatkan cerita asal usul nama Kampung Pasir Salak ini dengan membuat temu bual dengan salah seorang responden yang memberikan maklum balas mengenai sejarah asal usul Kampung Pasir Salak. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, responden E menyatakan bahawa cerita yang disampaikan oleh beliau adalah cerita yang didapati daripada penduduk di kawasan tersebut. Beliau telah menceritakan dua versi cerita yang berbeza berkenaan asal usul Kampung Pasir Salak. Dua versi tersebut dikatakan melalui cerita yang di sampaikan dari mulut ke mulut oleh orang kampung. Namun begitu, bagi versi pertama asal usul Pasir Salak yang menyatakan bahawa nama Pasir Salak diambil daripada buah Salak yang dijumpai kulitnya oleh penduduk Kampung di tepian sungai Perak sehingga kawasan itu dinamakan Pasir Salak. Hal ini sebelum adanya penulisan di dalam internet berkenaan asal usul Pasir Salak, ia merupakan satu naratif lisan di kawasan tersebut. Manaka bagi versi kedua pula adalah daripada penceritaan orang-orang kampung terdahulu di kawasan situ dimana ia merujuk kepada nama asalnya 'pasir selak' iaitu tempat membuang air besar ketika musim kemarau. Berdasarkan kedua-dua versi cerita asal usul nama Kampung Pasir Salak ini, dapat dilihat bahawa kepercayaan orang terdahulu mengenai cerita asal usul adalah berdasarkan cerita yang dibawa daripada generasi dahulu atau lebih kepada cerita turun-temurun dan membawa kepada pemikiran masyarakat terdahulu ke arah pemikiran mengenai cerita rakyat.

#### **4.4.1.7 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Biak Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.7 Asal Usul Nama Kampung Biak**, adalah sebuah naratif lisan sastera lisan yang mempunyai di sampaikan dan disebarkan secara temurun. Daripada temu bual yang dijalankan di kawasan tersebut, pengkaji telah menemu ramah salah seorang yang tahu mengenai cerita asal usul bagi Kampung Biak. Cerita yang disampaikan oleh responden tersebut merupakan sebuah cerita turun-temurun kerana dalam cerita asal usul Kampung Biak ini, responden mendapati cerita tersebut daripada salah seorang penduduk di kawasan tersebut. Penduduk tersebut juga dikatakan orang-orang lama yang mengetahui kisah asal usul kampung tersebut. Oleh itu, berdasarkan daripada penceritaan tersebut, di dapati bahawa kepercayaan penduduk disitu mengenai sebuah naratif lisan itu amat tinggi kerana hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati bahawa sebuah nama perkampungan diberikan nama daripada pokok yang menjadi tarikan penagih iaitu pokok ketum atau pokok biak. Hal ini adalah satu kepercayaan orang terdahulu yang memebentuk sesuatu itu daripada sesebuah perkara contohnya daripa asal usul nama Kampung Biak iaitu daripada daun pokok menjadi satu nama tempat yang mempunyai penduduk.

#### **4.4.1.8 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Bandar Tua Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.8 Asal Usul Nama Kampung Bandar Tua**, merupakan satu naratif lisan yang mengandungi cerita asal usul dan ia sebagai naratif lisan yang bersifat turun-temurun berdasarkan kepercayaan dan pemikiran masyarakat setempat mengenai cerita asal usul ini. Hal ini telah dinyatakan daripada seorang responden E yang memberikan penerangan terhadap cerita

asal usul bagi Kampung Bandar Tua. Berdasarkan penceritaan bagi asal usul Kampung Bandar Tua ini, responden turut menyatakan bahawa cerita tersebut bukanlah direka oleh beliau, malah beliau menyatakan bahawa cerita tersebut adalah daripada kalangan penduduk setempat yang telah menceritakan kepada beliau. Kepercayaan dan pemikiran penduduk berdasarkan cerita asal usul Kampung Bandar tua ini dapat dilihat dari aspek peristiwa yang berlaku di kawasan tersebut. Dalam cerita asal usul Kampung Bandar Tua ini, penduduk percaya bahawa cerita tersebut adalah peristiwa daripada pembukaan pembukaan bandar di daerah tersebut dan ia merupakan satu bandar tertua di kawasan tersebut yang terdiri daripada tempat perdagangan dan perlabuhan ketika zaman tersebut.

#### **4.4.1.9 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Pasir Garam Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.9 Asal Usul Nama Kampung Pasir Garam**, merupakan sebuah naratif lisan yang dipercayai sebagai sastera rakyat yang disampaikan secara turun temurun. Kepercayaan yang mendukung kepada pemikiran penduduk dalam menyatakan bahawa penceritaan asal usul Kampung Pasir garam ini adalah cerita turun-temurun berdasarkan daripada responden yang menceritakan hal ini. Dalam temu bual yang dilakukan, responden menyatakan bahawa cerita dan sejarah mengenai asal usul Kampung Pasir garam adalah daripada cerita orang dulu-dulu yang menceritakan bahawa asal usul nama Kampung Pasir Garam berlaku daripada peristiwa kapal tongkang yang membawa garam lalu terbalik di hadapan sebuah perkampungan orang Melayu. Daripada peristiwa tersebut, penduduk

di kawasan tersebut digesa oleh naggota polis ketika itu untuk menamkan tempat tersebut sebagai Pasir Garam dengan peristiwa yang berlaku kerana hal ini untuk memudahkan polis membuat kertas siasatan insiden yang berlaku di kawasan tersebut. Berdasarkan cerita yang disampaikan dapat membentuk kepercayaan dan pemikiran masyarakat ketika itu terdapat naratif lisan bagi cerita asal usul sesebuah penempatan.

#### **4.4.1.10 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Cerita Asal Usul Kampung Pulau Tiga Sebagai Cerita Turun-Temurun.**

Berdasarkan **4.2.10 Asal Usul Nama Kampung Pulau Tiga**, merupakan sebuah cerita asal usul yang dipercayai sebuah cerita turun temurun. Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji telah membuat satu sesi temu bual bersama dengan seorang responden dan dipercayai ia adalah seorang penduduk di kawasan tersebut. Menurut temu bual yang dilakukan bersama responden E tersebut, asal usul Kampung Pulau Tiga adalah penceritaan orang terdahulu kepadanya. Asal usul Kampung Pulau Tiga berasal daripada pembentukan sebuah pulau yang mempunyai tiga cabang kepada dan dinamakan oleh penduduk di kawasan tersebut sebagai Kampung Pulau Tiga. Cerita dan sejarah asal usul nama Kampung Pulau Tiga bukan terhenti setakat situ sahaja malah ianya menjadi satu cerita yang disebarkan secara turun-temurun oleh penduduk di sekitar kawasan tersebut. Oleh itu, dapat ditakrifkan bahawa asal usul Kampung Pulau Tiga juga merupakan satu kepercayaan penduduk di kawasan tersebut dengan menilai sesebuah cerita itu sebagai satu cerita naratif lisan yang bersifat turun-temurun.



#### 4.4.2 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Naratif Lisan Sebagai Perlambangan Sesuatu Budaya dan Bangsa

Berdasarkan kajian ini juga, dalam kepercayaan dan pemikiran penduduk mengenai cerita asal usul sepuluh perkampungan di dalam daerah kecil Kampung Gajah, pengkaji juga akan melihat naratif lisan ini sebagai perlambangan sesuatu budaya dan bangsa. Budaya dapat didefinisikan sebagai perkara-perkara yang berkaitan dengan akal dan budi. Istilah budi membawa maksud asli, pertama, sejati dan dipandang sempurna manakala bagi daya pula dimaksudkan sebagai akal, jalan fikiran dan ciptaan bagi sesuatu (Rohana Yusif, 20120: 75). Namun begitu, istilah budi juga dapat dimaksudkan sebagai sesuatu kecergasan fikiran dan akal seseorang manusia dalam usaha mengatasi permasalahan dengan mencari jalan penyelesaiannya. Namun istilah daya merujuk kepada kekuatan tenaga dan kuasa yang dapat digunakan untuk membantu menjana pemikiran bagi menangani sesuatu permasalahan. Jika penyelesaian yang diambil daripada hasil pemikiran tersebut diterima dan dapat dijadikan amalam bersama dan ianya diterima sebagai budaya dalam kehidupan (Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Maskon, 2020: 1-2).

Dalam sesuatu budaya, budaya boleh dibahagikan kepada dua lapangan besar iaitu budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan. Budaya kebendaan adalah merujuk kepada peralatan dan kelengkapan hidup seperti rumah, kereta, senjata dan sebagainya yang boleh disentuh dan dimiliki. Antara contoh budaya kebendaan adalah orang Melayu yang mempunyai rumah yang berbeza dengan orang Inggeris atau orang Eskimo yang mendirikan rumah mereka mengikut budaya dan keadaan di kawasan tersebut dengan mengikut kepada musim dan budaya masing-masing. Manakala bagi budaya bukan kebendaan pula ialah

mengenai kepercayaan, adat istiadat dan undang-undang. Ia merujuk kepada perkara yang tidak disentuh tapi dapat dimiliki masyarakat yang mengamalkannya. Antara contoh mengenai budaya bukan kebendaan adalah dengan setiap masyarakat yang mempunyai adat istiadat dan kepercayaan yang berbeza-beza dalam menjalani kehidupan seperti perkahwinan masyarakat Melayu yang mana pihak lelaki yang memberi hantaran kepada masyarakat Melayu yang mana pihak lelaki yang memberikan hantaran kepada pihak perempuan manakala, bagi masyarakat India pula, hantaran (dowri) perkahwinan diberi oleh pihak perempuan kepada pihak lelaki. Dalam masyarakat Melayu, hal ini menjadikan faktor agama yang paling penting kerana agamalah dasar kepada tanggapan terhadap alam sekitar dari segi sosial dan fizikal. Bahasa juga menjadi perkara sebagai alat komunikasi dan adat resam yang terpenting sebagai petunjuk jalan bagi seseorang dalam mengendalikan hidupnya bermasyarakat dan berbudaya.

Namun sesuatu budaya juga dapat membawa kepada kepercayaan serta mampu menjadikan ia sebagai sesuatu perlambangan dalam sesuatu masyarakat. Namun begitu, naratif lisan ini adalah sebahagian budaya yang tidak dikecualikan sebagai sesuatu budaya dalam masyarakat Melayu yang harus diterapkan sebagai kepercayaan yang ada dalam masyarakat Melayu. Sesuatu perlambangan bagi sesebuah budaya memiliki kepercayaan yang berbeza dari pelbagai sudut yang berlainan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap sepuluh kampung di daerah Kampung Gajah mengenai cerita asal usul didapati bahawa penceritaan tersebut memberikan kepercayaan dan pemikiran masyarakat Melayu yang menjurus kepada naratif lisan sebagai perlambangan bagi sesuatu budaya dalam kalangan masyarakat di Kampung Gajah. Budaya yang diterapkan mampu menggambarkan identiti bangsa yang kaya dengan pelbagai budaya terutamanya budaya dalam cerita rakyat yang dimiliki bersama masyarakat setempat.

#### **4.4.3 Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Terhadap Naratif Lisan Sebagai Kebijaksanaan Orang Terdahulu.**

Naratif lisan merupakan sastera lisan yang disampaikan secara bertutur dan disebarkan dari mulut ke mulut tanpa sebarang rekod yang di simpankan dalam bentuk karya penulisan kecuali apabila ia diwartakan sebagai karya penulisan. Di samping itu, naratif lisan ini kebanyakannya ia adalah sebagai satu perlambangan kepada pemikiran masyarakat Melayu terdahulu menyampaikan sesuatu karya sastera itu dengan hanya menggunakan lisan sahaja tanpa sebarang karya yang berbentuk tulisan. Pada ketika karya sastera berkembang di Tanah Melayu ini, naratif lisan merupakan medium utama dalam penghasilan karya sastera yang berbentuk lisan sebelum adanya sistem askara diperkenalkan di Tanah Melayu. Hal ini dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu terdahulu merupakan masyarakat yang bijak dalam penyusunan cerita rakyat. Dalam kajian ini juga, pengkaji akan melihat kepercayaan dan pemikiran masyarakat Melayu terhadap naratif lisan sebagai kebijaksanaan orang terdahulu.

Orang Melayu terdahulu atau lebih sinonim disebut 'orang tua-tua' dalam konteks budaya orang Melayu mempunyai dan mewariskan kebijaksanaan yang tidak ternilai harganya. Kebijaksanaan orang terdahulu berkait rapat dengan perihal hidup, sarat dengan nasihat serta peringatan. Namun apa yang dapat dibanggakan daripada orang terdahulu adalah individu yang menitipkan warisan kebijaksanaan silam kepada generasi hari ini. Namun begitu, kebijaksanaan yang mereka cakupi pastinya bukanlah di dalam kalangan yang bertaraf sarjana mahupun kalangan cerdik pandai yang dikenali ramai. Walaubagaimanapun, kecerdikan dan kebijaksanaan mereka tetap relevan dengan semua zaman, biarpun

masyarakat sekarang dengan angkuhnya berkata ‘kami hidup dalam dunia pasca-modern’.

Oleh itu, hal ini berkait dengan kajian di mana kepercayaan dan pemikiran masyarakat Melayu di daerah kecil Kampung Gajah terhadap naratif lisan sebagai kebijaksanaan orang terdahulu adalah apabila masyarakat terdahulu cuba untuk menamakan sesuatu kawasan atau penempatan tersebut berdasarkan peristiwa yang berlaku tanpa adanya halangan daripada pelbagai pihak dan ia merupakan salah satu pemikiran yang bijak dilakukan oleh orang terdahulu dalam merealisasikan sesuatu tempat tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam sepuluh perkampungan lama di sepanjang pinggir Sungai Perak yang dijadikan sebagai skop kajian ini.

Berdasarkan cerita asal usul Kampung Gajah yang mempunyai tiga versi cerita dapat dilihat bahawa orang Melayu ketika dahulu mempunyai kepercayaan yang luar biasa terhadap sesuatu yang berlaku dalam kalangan masyarakat sejangkit. Namun apabila adanya kepercayaan tersebut, maka terwujudlah cara pemikiran orang terdahulu dalam menamakan sesuatu kawasan tersebut. Dalam naratif lisan mengenai asal usul Kampung Gajah, dapat dilihat bahawa kebijaksanaan orang terdahulu menamakan kawasan Kampung Gajah tersebut berdasarkan tiga peristiwa yang berlaku iaitu perkampungan sekelompok gajah ke kawasan tersebut, penyakit untut yang dihadapi oleh penduduk dan sumpahan Sang Kelembai terhadap gajah sehingga menjadi batu yang memberikan cara pemikiran orang terdahulu menjurus kepada kebijaksanaan dalam menamakan Kampung Gajah.

Selain itu, berdasarkan penceritaan mengenai cerita asal usul Kampung Selat Pulau pula, dilihat kebijaksanaan orang terdahulu menamakan Kampung Selat Pulau berdasarkan sebuah pulau terpencil di kawasan tersebut yang

lama-kelamaan timbulnya sebuah selat si pulau tersebut dan hasil daripada itu memberikan inspirasi penduduk kawasan itu menamakan sekitar kawasan tersebut sebagai Kampung Selat Pulau.

Seterusnya dapat dilihat dari cerita asal usul Kampung Kepala Pulau iaitu penceritaannya yang berdasarkan sebuah pulau terpencil ditinggalkan oleh sebuah pulau sebelahnya sehingga penduduk kawasan itu menamakan kawasan tersebut sebagai Kampung Kepala Pulau sehinggalah harini kewujudannya masih ada dan terlihat. Hal ini dapat melihat bahawa orang dahulu bertindak menamakan sesuatu tempat tersebut berdasarkan kebijaksanaan yang tersendiri.

Disamping itu, penceritaan yang terdapat dalam cerita asal usul Kampung Kota, dapat dilihat bahawa orang terdahulu sangat bijak dalam menamakan sesuatu tempat. Kampung Kota di ambil daripada kubu pertahanan yang betul-betul ditinggalkan di tengah kawasan tersebut dan dinamakan kawasan tersebut sebagai Kampung Kota. Walaupun ia semudah yang kita bayangkan, namun ia memberikan pandangan yang sangat tinggi kepada masyarakat terdahulu dalam menamakan sesuatu tempat berdasarkan peristiwa dan sesuatu peninggalan yang telah ditinggalkan sebagai tatapan umum.

Asal usul nama Kampung Geronggong menggambarkan kebijaksanaan kepada masyarakat pada ketika itu dengan menamakan Kampung Geronggong berdasarkan daripada bunyi binatang yang seakan-akan bunyi anjing tetapi ia bukan sejenis anjing yang dianggapkan oleh penduduk kawasan itu. Hasil daripada pemikiran masyarakat tersebut maka terwujudlah sebuah kampung yang unik akan namanya dan terletak di pinggir sungai iaitu Kampung Geronggong.

Masyarakat ketika dahulu dikatakan sebagai masyarakat yang bijak kerana dengan peristiwa yang berlaku di depan mata boleh dijadikan sebagai satu penamaan bagi sesuatu tempat. Pasir Salak atau Pasir Selak merupakan dua nama

yang berbeza dari segi penyebutan dan ejaan. Namun ia memberikan makna yang sama. Dalam konteks ini, masyarakat di kawasan tersebut menampakkan kebijaksanaan dalam menamakan kawasan tersebut. Walaupun ia mempunyai dua versi cerita mampu menunjukkan kebijaksanaan masyarakat terdahulu dalam menamakan kawasan tersebut sebagai Pasir Salak.

Kebijaksanaan orang terdahulu juga dapat dilihat dalam asal usul Kampung Biak yang dinamakan sempurna daripada pokok biak atau lebih dikenali sebagai pokok ketum. Walaupun ia merupakan satu pohon ketum yang hanya dapat dinilai sebagai daun perubatan tradisional namun ia juga dijadikan sebagai nama kawasan dan perkampungan oleh masyarakat di kawasan itu.

Berdasarkan cerita asal usul Kampung Bandar Tua, dapat dilihat kebijaksanaan orang terdahulu dalam menamakan Kampung Bandar Tua itu berdasarkan sebuah bandar yang begitu lama di kawasan tersebut. Pemikiran masyarakat terdahulu untuk menamakan kawasan tersebut adalah berdasarkan kepercayaan dan kebijaksanaan orang terdahulu.

Cerita asal usul Kampung Pasir Garam menunjukkan kebijaksanaan masyarakat terdahulu dalam menamakan kawasan tersebut sebagai Kampung Pasir Garam atas insiden yang berlaku di kawasan tersebut dimana berlakunya kapal tongkang yang membawa garam terbalik di kawasan tersebut sehingga masyarakat tersebut menamakan kawasan tersebut Kampung Pasir Garam. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat terdahulu sangat bijak dalam menamakan sesuatu kawasan berdasarkan peristiwa yang berlaku.

Kampung Pulau Tiga adalah nama yang diberikan oleh masyarakat terdahulu berdasarkan pembentukannya sebuah pulau yang bercabang tiga kepala. Pulau yang didapati itu memberikan pemikiran masyarakat tersebut untuk menamakan kawasan tersebut sebagai Kampung Pulau Tiga. Apabila masyarakat pada ketika

itu melihat sesuatu yang aneh berlaku dalam kawasan tersebut, terus sahaja menjadikan kawasan tersebut dan menamakan kawasan tersebut berdasarkan apa yang dilihat oleh masyarakat tersebut. Hal ini kebijaksanaan orang terdahulu tidak dapat tandingi oleh pemikiran masyarakat sekarang.

#### **4.5 Impak Yang Mempengaruhi Masyarakat Kampung Gajah Mengenai Cerita Asal Usul**

Dalam kajian ini, pengkaji juga akan melihat impak atau kesan yang dapat mempengaruhi Masyarakat Kampung Gajah mengenai cerita asal usul. Berdasarkan cerita asal usul mengenai sepuluh kampung di sepanjang tepian sungai Perak di dalam daerah Kampung Gajah ini, akan memberikan beberapa impak kepada masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu dalam kawasan Kampung Gajah tersebut. Impak yang diberikan dilihat sama ada kesan yang ketara atau pun tidak ketara. Namun impak tersebut mempengaruhi beberapa faktor seperti berikut.

##### **4.5.1 Impak Kepada Individu**

Dalam masyarakat Melayu, apabila menyatakan hal berkenaan dengan kesusasteraan, ia merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dipisahkan dengan manusia dan masyarakat. Sastera hidup kerana adanya hubungan antara manusia dan kesusasteraan memberi erti kepada kehidupan manusia dengan melihat dua sudut pandangan, iaitu sudut pandangan yang lama dan sudut pandangan yang baharu. Hal ini sesuai dengan hakikat sastera itu sendiri yang berkembang dari segi bentuk fungsi dan jenisnya. Sastera

berkembang mengikut perubahan zaman dan tuntutananya. Keadaan ini juga memberi kesan kepada individu yang berjaya untuk meningkatkan satu perubahan dalam naratif lisan masyarakat sejagat.

Oleh itu, naratif lisan mengenai cerita asal usul dalam masyarakat Kampung Gajah memberi kesan yang sangat besar kepada individu yang mengetahui kisah dan sejarah mengenai sastera rakyat terutamanya dalam naratif lisan cerita asal usul sesuatu tempat. Melihat daripada kajian yang dijalankan terhadap cerita asal usul sepuluh kampung lama di sepanjang pinggir Sungai Perak, pengkaji mendapati bahawa responden ataupun penduduk yang mengetahui cerita rakyat ini adalah individu yang mampu meningkatkan bidang kesusasteraan dalam naratif lisan. Hal ini kerana bukan mudah untuk mencari individu yang mahir dalam pengetahuan cerita rakyat dahulu kala kerana ia memainkan peranan yang sangat tinggi untuk mendengar, memahami dan mengingati semula kisah yang telah berlaku pada ratusan terdahulu.

Tuntasnya, dalam kajian mengenai naratif lisan bagi cerita asal usul dalam masyarakat Kampung Gajah ini memberikan impak dan kesan yang baik kepada individu terutamanya yang mahir dalam bercerita atau seorang penglipur lara. Namun begitu, ia juga dapat menyumbangkan diri dalam meningkatkan sastera rakyat yang kini makin dilupa dan ditelan zaman.

#### **4.5.2 Impak Kepada Masyarakat Setempat**

Dalam masyarakat pasca-modern yang berasaskan sains dan teknologi seperti yang berlaku dalam Malaysia, kehadiran bidang kesusasteraan sangat bermakna kerana tanpa adanya sastera, masyarakat pasca-modern akan



kehilangan unsur budaya yang terpenting dalam kehidupan. Sastera juga merupakan perlambangan sesuatu budaya dalam masyarakat yang harus ditahan dan dimajukan mengikut peredaran zaman supaya ianya tidak lumpuh dalam masyarakat. Dalam kehidupan masyarakat di Kampung Gajah, cerita rakyat ini memberikan impak yang sangat tinggi kepada peradaban budaya masyarakat sejagat di Kampung Gajah. Hal ini dapat menonjolkan bahawa masyarakat Kampung Gajah ini mempunyai sejarah dan kisah yang menarik tanpa pengetahuan orang luar berkenaan dengan naratii lisan cerita asal usul.

#### **4.5.3 Impak Kepada Institut Pendidikan**

Dalam kajian ini juga, kesan daripada naratif lisan cerita asal usul dalam masyarakat Kampung Gajah memberikan impak dan kesan kepada Institut Pendidikan yang berhampiran dan luar daripada kawasan tersebut. Hal ini kerana naratif lisan cerita asal usul boleh dijadikan sebagai bahan pengetahuan bagi sekolah-sekolah di kawasan tersebut supaya para pelajar mengetahui asal usul penempatan yang mereka diami. Selain itu, ia boleh dijadikan sebagai silibus pembelajaran kepada sekolah yang berdekatan. Namun begitu, bagi isntitisi pengajian tinggi juga boleh dijadikan sebagai satu bahan kajian mengenai sastera rakyat dan cuba memperkembangkan ia ke kawasan yang lain terutamanya di kawasan pempandaran. Hal ini bukan sahaja memberi pengetahuan yang luas kepada sektor pendidikan malah ia juga memberikan kesan yang baik kepada pendidik-pendidik untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kesusasteraan.

#### **4.5.4 Impak Kepada Sektor Perlancongan**

Naratif lisan mengenai cerita asal usul juga memberikan kesan kepada sektor perlancongan di kawasan tersebut. Walaupun ia sebagai cerita yang berunsurkan lisan iaitu disampaikan mulut ke mulut namun ia boleh dijadikan sektor perlancongan dalam bidang sejarah dan kesusasteraan masyarakat setempat. Hal ini boleh diambil sebagai contoh seperti Bukit Tunggul yang menjadi tonggak utama dalam industri perlancongan di Kampung Gajah. Bukit Tunggul kini merupakan bukit yang digemari masyarakat setempat dan menjadi tarikan pendatang luar kawasan yang cuba untuk jadikan Bukit Tunggul tempat menadaki bukit bagi individu yang mengemari aktiviti mendaki. Hal ini memberikan kesan yang baik bagi meningkatkan sektor perlancongan dalam kawasan Kampung Gajah. Selain itu dapat dilihat di Kampung Pasir Salak yang menjadi tarikan pelancong luar untuk melihat sejarah yang berlaku di kawasan tersebut. Namun apa yang perlu ditambah baik untuk meningkatkan lagi sektor perlancongan di kawasan tersebut adalah dengan membuat satu sejarah mengenai cerita asal usul bagi kawasan yang berdekatan supaya memberikan satu cabang kepada pengetahuan.

#### **4.5.5 Impak Kepada Badan Yang Berkaitan**

Selain itu, ia memberikan impak kepada badan-badan yang berkenaan untuk meningkatkan bidang kesusasteraan bagi naratif lisan mengenai cerita asal usul sesuatu tempat. Di samping itu memberikan nama baik kepada badan berkenaan untuk meningkatkan lagi naratif lisan dan mampu menjadikan ia sebagai peringatan kepada budaya lain

#### 4.6 Penutup

Natijahnya dari bab ini, dapat dilihat bahawa analisis yang telah dibuat oleh pengkaji mengenai nartif lisan cerita asal usul di Kampung Gajah. Melalui kaedah yang digunakan iaitu kaedah kajian lapangan dan menemu ramah dengan orang kampung dan hasil daripada itu, pengkaji telah menemui sepuluh buah kampung lama yang terletak dipinggiran Sungai Perak di dalam daerah kecil Kampung Gajah. Kesepuluh-puluh kampung tersebut mempunyai cerita asal usul yang menarik boleh dijadikan sebagai sebahagian kajian naratif lisan untuk dikaji. Di samping itu, dalam analisis yang dibuat bagi kesepuluh kampung tersebut bukan sahaja mempunyai keistimewaan penceritaan cerita asal usul, malah terdapat juga kampung-kampung yang mempunyai sejarah yang kurang diketahui oleh orang ramai. Oleh itu, melalui kajian yang dilakukan ini, dapat membongkarkan mengenai asal usul kampung-kampung dan sejarah yang ada di kawasan tersebut.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN KAJIAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian yang dilakukan ini. Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan kesemua mengenai kajian yang dilakukan secara ringkas mengenai perbincangan dan dapatan kajian berdasarkan bab-bab sebelum ini. Namun begitu, berdasarkan bab-bab dalam kajian sebelum ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang seharusnya diutarakan sebagai refleksi atau tindakbalas yang baik kepada keseluruhan kajian ini.

#### 5.2 Ringkasan Dapatan Kajian

Kajian ini berasaskan kepada naratif lisan yang terdapat dalam bidang kesusasteraan Melayu Tradisional. Naratif lisan atau sastera rakyat ini merupakan konsep pertama dalam membentuk kesusasteraan tradisional dengan mengemukakan beberapa lagi konsep di bawahnya. Dalam kajian ini juga tertumpu kepada naratif lisan yang berbentuk cerita asal usul dan ia merupakan antara sastera rakyat yang tertua dalam naratif lisan. Namun begitu, pengkaji telah melakukan analisis mengenai cerita asal usul perkampung di daerah kecil Kampung Gajah, Perak dengan melihat kepercayaan penduduk kawasan itu mengenai cerita asal usul yang berlaku di kawasan situ. Oleh itu, untuk mengecilkan skop kajian, pengkaji telah memilih sepuluh perkampungan lama di

sepanjang pinggir Sungai Perak di dalam daerah kecil Kampung Gajah. Oleh itu, pengkaji telah mengemukakan tiga objektif untuk mencapai matlamat kajian. Ringkasan dapatan kajian berdasarkan tiga objektif adalah seperti berikut :

### **5.2.1 Dapatan Analisis Objektif 1 : Mengenalpasti Jenis dan Versi Cerita Asal Usul dalam Masyarakat Kampung Gajah**

Berdasarkan dapatan kajian bagi analisis objektif 1 iaitu dengan mengenalpasti jenis dan versi cerita asal usul dalam masyarakat Kampung Gajah adalah dengan mengenalpasti sepuluh kampung di dalam kawasan daerah kecil Kampung Gajah. Kampung-kampung tersebut adalah kampung lama yang terletak di sepanjang pinggir Sungai Perak. Namun begitu, pengkaji telah turun lapangan dengan menemukan beberapa orang kampung untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Temu ramah telah dijalankan di kawasan tersebut dan pengkaji telah menemuramah seramai 5 orang penduduk kampung yang sudi menjadi responden dalam kajian tersebut. Oleh itu, pengkaji telah mengumpulkan data-data berdasarkan temu ramah yang dijalankan. Kampung-kampung tersebut adalah Kampung Gajah, Kampung Selat Pulau, Kampung Kepala Pulau, Kampung Kota, Kampung Geronggong, Kampung Pasir Salak, Kampung Biak, Kampung Bandar Tua, Kampung Pasir Garam, dan Kampung Pulau Tiga. Cerita asal usul berdasarkan sepuluh kampung ini telah diceritakan oleh penduduk yang mahir dalam pengetahuan tentang cerita-cerita rakyat di kawasan tersebut.

### **5.2.2 Dapatan Analisis Objektif 2 : Menganalisis Kepercayaan dan Pemikiran Penduduk Kampung Gajah Mengenai Cerita Asal Usul di kawasan tersebut.**

Berdasarkan dapatan kajian daripada analisis objektif kedua, adalah dengan menganalisis tentang kepercayaan dan pemikiran penduduk kampung gajah mengenai cerita asal usul yang terdiri daripada sepuluh perkampungan lama di sepanjang tepian Sungai Perak yang terdapat di dalam objektif pertama kajian. Dalam objektif kedua ini juga, pengkaji telah menggunakan Teori Sastera Budaya iaitu Kajian Budaya dari Chris Barker. Dalam teori tersebut, pengkaji menggunakan pendekatan kajian budaya iaitu subjektif dan identiti untuk melihat kepercayaan dan pemikiran penduduk kampung mengenai naratif lisan berdasarkan cerita asal usul mengenai sepuluh kampung tersebut.

Oleh itu, berdasarkan objektif kedua ini pengkaji telah mengeluarkan tiga intipati melalui objektif tersebut. Intipati tersebut adalah dengan melihat naratif lisan sebagai sebuah cerita turun-temurun. Berdasarkan intipati tersebut, pengkaji telah melihat bahawa kepercayaan dan pemikiran penduduk melihat sebuah naratif lisan dalam cerita asal usul adalah sebagai sebuah cerita yang disampaikan secara turun-temurun dan disebarkan melalui mulut ke mulut. Berdasarkan data yang diperolehi dari responden yang telah di temu ramah didapati bahawa cerita asal usul kesepuluh kampung tersebut adalah cerita yang diterima secara turun-temurun kerana ia didapati apabila kesemua cerita dari orang yang lebih tua daripada responden.

Seterusnya adalah mengenai naratif lisan sebagai perlambangan sesuatu bangsa dan budaya dengan melihat dari kepercayaan dan pemikiran

masyarakat di kawasan tersebut terhadap cerita asal usul. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa berdasarkan sepuluh kampung tersebut membentuk perlambangan sesuatu bangsa dan budaya dengan mengaplikasikan pendekatan kajian budaya tersebut. Oleh itu dalam membentuk perlambangan sesuatu bangsa dan budaya adalah dengan melihat identiti sesuatu bangsa tersebut yang telah dinyatakan dalam pendekatan kajian budaya iaitu subjektif dan identiti.

Seterusnya adalah intipati terhadap naratif lisan sebagai kebijaksanaan masyarakat Melayu terdahulu. Berdasarkan dapatan yang dikumpulkan melalui temuramah, dapat dirumuskan bahawa sebuah naratif lisan adalah satu gambaran orang terdahulu adalah masyarakat yang bijaksana. Ia dapat dilihat dari peristiwa yang berlaku di dalam kawasan tersebut dengan cerita yang disampaikan oleh responden dalam temuramah yang dijalankan.

### **5.2.3 Dapatan Analisis Objektif 3 : Menghuraikan Impak Cerita Asal Usul Terhadap Penduduk di Kampung Gajah**

Berdasarkan dapatan kajian daripada objektif 3, dapat dirumuskan bahawa pengkaji telah mengeluarkan beberapa impak terhadap penduduk di Kampung Gajah antaranya adalah impak kepada individu, impak kepada masyarakat setempat, impak kepada institusi pendidikan, impak kepada sektor perlancongan, dan impak kepada badan yang berkaitan. Impak-impak yang dinyatakan dalam kajian tersebut adalah untuk menunjukkan bahawa sesebuah cerita asal usul memberikan makna dan nilai kepada masyarakat khususnya bagi penduduk di kawasan Kampung Gajah. Hal ini memberikan

satu permaknaan kepada masyarakat betapa hebat dan pentingnya dalam memelihara warisan tidak ketara seperti cerita rakyat ini.

### **5.3 Rumusan**

Dapat dirumuskan bahawa dalam kajian ini terdapat lima bahagian yang menjadi tunjang kepada kajian yang dilakukan. Lima bahagian tersebut terdiri daripada pengenalan mengenai kajian yang ingin dilakukan, kajian literatur yang digunakan sepanjang menjalankan kajian, metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan data yang sahih, analisi dan dapatan kajian serta rumusan bagi kesemua kajian yang dilakukan.

Namun begitu, hasil daripada analisis kajian yang dilakukan majoriti daripada responden adalah terdiri daripada penduduk tetap bagi kawasan kampung di daerah kecil Kampung Gajah. Responden yang terlibat seramai enam orang daripada 10 kampung yang menjadi skop kajian pengkaji. Hasil dari temuramah itu juga, didapati usia responden dari 48 tahun sehingga 87 tahun. Hal ini kerana mereka adalah penduduk kampung yang mempunyai cerita lama dan mereka juga mempunyai ingatan yang baik mengetahui tentang asal-usul kewujudan nama kawasan tersebut.

Daripada hasil dapatan temu bual yang dilakukan berdasarkan sepuluh kampung di sepanjang Sungai Perak di dalam dalam daerah kecil Kampung Gajah berkenaan asal usul nama kampung tersebut, didapati bahawa asal usul nama-nama kampung itu berasal daripada peristiwa yang berlaku di dalam kawasan tersebut. Berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam kawasan kampung tersebut, penduduk mengambil nama daripada peristiwa tersebut untuk menjadikan ia sebagai peringatan yang berlaku di kawasan tersebut. Namun hasil daripada



penelitian yang dibuat, ada beberapa kampung di namakan secara tidak sengaja atau lebih kepada spontan. Hal ini boleh dilihat berdasarkan 4.2.9 Asal Usul Nama Kampung Pasir Garam yang dikatakan asal usul nama tersebut diambil secara spontan oleh penduduk kampung berdasarkan peristiwa yang berlaku. Ini dapat disimpulkan bahawa responden yang ditemu ramah ini mempunyai persepsi yang baik terhadap asal-usul nama kampung di dalam daerah kecil Kampung Gajah.

Selain itu dari segi kepercayaan dan pemikiran penduduk di kawasan itu mengenai asal-usul nama kampung tersebut, hasil analisis yang dilakukan ianya didapati bahawa kesemua responden yang ditemu ramah menyatakan bahawa kepercayaan mereka kepada cerita itu adalah cerita turun-temurun yang didapati daripada orang-orang lama. Oleh hal yang demikian, ia adalah kerana kesepuluh cerita asal usul kampung tersebut adalah daripada orang terdahulu yang mengetahui kisah sebenar yang berlaku di kawasan tersebut. Ini ternyata bahawa naratif lisan adalah sebuah cerita rakyat yang dikonsepskan sebagai sebuah cerita yang diperturunkan daripada generasi ke generasi dengan menyebarkannya secara mulut ke mulut.

Sementara itu, hasil daripada analisis yang dilakukan berdasarkan kepercayaan dan pemikiran penduduk terhadap naratif lisan sebagai perlambangan sesuatu budaya dan bangsa adalah dengan melihat bahawa naratif lisan adalah membentuk sesuatu budaya dan bangsa terutamanya dalam masyarakat Melayu. Sesebuah naratif lisan dapat membentuk sesebuah budaya dan bangsa mengikut cara penyampaiannya. Hasil daripada pembentukan budaya dan bangsa ini dapat membentuk subjektif dan identiti yang dinyatakan dalam kajian Chris Barker sebagai teori dalam menjalankan kajian ini.

Di samping itu, berdasarkan analisis yang dilakukan berdasarkan kepercayaan dan pemikiran penduduk berdasarkan naratif sebagai kebijaksanaan orang terdahulu dapat dirumuskan bahawa orang-orang terdahulu mempunyai daya pemikiran yang luar biasa sehingga melakukan perkara yang di luar jangka hal ini kerana pada zaman terdahulu pemikiran mereka tidak dikawal oleh teknologi semoden teknologi kini. Pemikiran mereka masih terjaga dan tidak terpelosot le arah keburukkan. Oleh it berdasarkan kepercayaan dan pemikiran masyarakat di kawasan itu diyakini bahawa naratif lisan ini dapat melihat kebijaksanaan orang terdahulu dalam menamakan sesebuah kawasan berdasarkan peristiwa yang berlaku di hadapan mereka.

Namun begitu, setiap naratif lisan yang mempengaruhi kepercayaan dan pemikiran memberikan impak kepada masyarakat yang berdekatan. Oleh itu, berdasarkan penelitian yang dibuat, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa impak yang diberikan dalam kajian tersebut berdasarkan cerita asal usul sepuluh kampung di dalam daerah kecil Kampung Gajah. Impak yang dikesan itu adalah berdasarkan penelitian yang dibuat daripada temu ramah yang dijalankan bersama-sama dengan responden.

#### **5.4 Cadangan**

Berdasarkan daripada hasil kajian yang dijalankan, pengkaji mengharapkan ada penambahbaikkan daripada pengkaji-pengkaji akan datang mengenai kajian naratif lisan yang kini semakin dilupakan oleh masyarakat sekarang terutamanya dalam masyarakat Melayu. Walaubagaimanapun, kajian mengenai kepercayaan masyarakat terhadap cerita asal usul ini masih menarik untuk dijadikan bahan kajian yang profesional dan perlu diteruskan dari semasa ke semasa dengan

penambahkan dari pelbagai bidang. Oleh itu terdapat beberapa cadangan yang akan dikemukakan oleh pengkaji untuk menambah baik kajian yang akan dilakukan untuk kajian yang akan datang. Antara cadangan tersebut adalah dengan menilai cerita asal usul Melayu dalam sudut pandangan yang berbeza, menggalakan golongan muda meminati dan menghargai segala nilai warisan yang ada dalam cerita rakyat melayu melalui institusi pendidikan serta peranan dalam media massa.

#### **5.4.1 Menilai Cerita Asal Usul Masyarakat Melayu Dalam Sudut Pandangan Yang Berbeza**

Cerita asal usul dalam masyarakat Melayu merupakan satu naratif lisan yang wujud dalam perkembangan dunia keusasteraan tradisional ketika dahulu. Oleh itu, bagi melanjutkan kajian yang lebih bermakna dalam dunia kesusasteraan, pengkaji mencadangkan untuk menilai cerita asal usul masyarakat Melayu dalam sudut pandangan yang berbeza. Setiap cerita yang terkandung mempunyai nilai dan pengajaran yang harus diambil untuk dijadikan ikhtibar kepada semua masyarakat kerana ia mengandungi sejarah yang ternilai dalam sesebuah bangsa terutamanya dalam masyarakat Melayu. Menilai cerita asal usul dalam sudut pandangan yang berbeza ini adalah dimana cerita ini diletakkan bahawa penerimaan seseorang itu di dalam mempercayai yang berlaku di dalam setiap cerita yang ungkapkan. Namun, cadangan ini adalah untuk menegakkan cerita asal usul ini bukanlah satu cerita yang perlu tahu, tapi ia merupakan satu cerita yang wajib diketahui sama ada ianya sahih ataupun tidak. Oleh itu, ia memberikan keyakinan pada

pengkaji-pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian mengenai cerita asal usul ini tanpa ada rasa ragu.

#### **5.4.2 Menggalakan Golongan Muda Meminati dan Menghayati Segala Nilai Warisan Yang Ada Dalam Cerita Asal Usul Masyarakat Melayu Melalui Institusi Pendidikan.**

Cadangan yang seterusnya adalah menggalakan golongan muda untuk meminati dan menghayati segala nilai warisan yang ada dalam cerita asal usul masyarakat Melayu melalui institusi pendidikan. Golongan muda merupakan harapan negara untuk merajui warisan negara dan ia tidak dikecualikan dalam bidang kesusasteraan yang memerlukan golongan muda untuk meminati dan menghayati segala nilai warisan yang terkandung dalam cerita asal usul. Oleh itu, yang memainkan peranan yang sangat tinggi adalah dengan memberikan penekanan kepada pelajar berkenaan hal tersebut. Namun begitu, perkara yang boleh dilakukan adalah dengan meletakkan bidang kesusasteraan sebagai subjek teras dalam sesi pembelajaran harian. Selain itu, untuk memupuk lagi minat pelajar untuk menghayati bidang kesusasteraan ini, adalah menyediakan cara yang berkesan selain mengajar menggunakan buku teks. Anataranya adalah menggunakan cara kesusasteraan dalam digital. Ia bukan sahaja memberi minat pada institut pendidikan rendah sahaja malah ia memberi minat kepada institut pengajian tinggi untuk melakukan kajian atau penyelidikan terhadap naratif lisan.

#### **5.4.3 Peranan Media Massa**

Cadangan yang seterusnya adalah peranan media massa. Dunia globalisasi masa kini penuh dengan teknologi yang sangat moden. Teknologi yang berkembang bergerak seisi dengan peredaran masa sekarang. Hal ini mampu memberikan cadangan untuk menjadikan ia satu cara pengetahuan mengenai cerita asal usul yang mungkin sebelum ini menjadi satu perkara yang kurang diketahui oleh orang ramai. Antara cara yang boleh dilakukan adalah mengadakan satu penulisan artikel mengenai cerita asal usul kawasan yang unik atau mendalam dan dikongsikan dalam platform *blogger*, *Instagram*, *Facebook*, *Twitter* dan lain-lain lagi. Cerita asal usul bukan sahaja cerita kewujudan nama tempat, malah perkara yang lain juga boleh dinyatakan dalam cerita asal usul. Penulisan artikel itu bukanlah penulisan artikel berbentuk ilmiah, malah ia merupakan satu penulisan yang merujuk kepada pengetahuan yang diketahui dan dapat berkongsi bersama. Hal ini memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat setempat dan luar serta memberi tarikan minat kepada dunia kesusasteraan khususnya.

## 5.5 Penutup

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa setiap kajian yang dilakukan memberi nilai pendidikan dan harapan yang bermakna dalam kehidupan seseorang pengkaji. Oleh itu berdasarkan keseluruhan kajian, pengkaji mengharapkan bahawa kajian yang dilakukan ini memberikan pengetahuan yang sangat mendalam dalam bidang kesusasteraan tradisional dan ia menjadi satu penghargaan kepada diri pengkaji sekiranya kajian yang dilakukan berjaya di sampaikan. Namun begitu, pengharapan yang tinggi dalam kajian ini adalah untuk melihat masyarakat

khususnya masyarakat Melayu untuk memprestasikan sebuah cerita rakyat itu sebagai satu kejayaan dalam bidang kesusasteraan.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Dr. Haji Syed Abdullah Bin Syed Sulaiman. (2020) Tradisi Lisan : Satu Penilaian Semula. Uiversiti Malaysia Kelantan.  
<http://umkeprints.umk.edu.my/187/1/Paper%201.pdf>
- Dr. Huzili Hussin (2019). Besar Sungguh Nilai Kepercayaan. 19 Februari 2019. Sinar Harian Online.  
[https://www.sinarharian.com.my/article/11814/KOLUMNIS/nilai-kepercayaa\\_n](https://www.sinarharian.com.my/article/11814/KOLUMNIS/nilai-kepercayaa_n)
- Fatimah Hassan dan Hamid Mohd. Isa.(2014). Mitos dan Lagenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes Lembah Lenggong. UKM Journal Article Respository. <http://journalarticle.ukm.my/7872/>
- Hajah Maiza Haji Ali, Awang Azman Pawi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali .(2013). Kepercayaan Rakyat Dalam Budaya Material : Tinjaun Etmologi Sodio-Budaya Melayu Brunei. Docplayer.  
<https://docplayer.info/193812282-Kepercayaan-rakyat-dalam-budaya-material-tinjaun-etnografi-sodio-budaya-melayu-brunei.html>
- Haji Abdul Karim Bin Haji Abdul Rahman.(2016). *Sejarah Pengasasan Asal Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan / Haji Abdul Karim Haji Abdul Rahman*. PHD Tesis. Malaysian Thesis Online.  
<http://myto.upm.edu.my/find/Record/um.u1041343>
- Hamzah Hd. (2008). Sejarah Kubu di Malaysia dan perkembangannya. Majalah Perajurid Edisi Januari. 4 Ogos 2008. Blogspot.com.  
<http://min-def.blogspot.com/2008/08/sejarah-kubu-di-malaysia-dan.html>
- Helmi Bin Hussin (2007), Dikir Laba : Konsep, Asal Usul, Sejarah Perkembangan dan Falsafah. Semantic Scholar.

<http://www.malrep.uum.edu.my/rep/Record/oai:ir.upsi.edu.my:497/Description>

- Jasman Bin Bandar (2015). Konsep Mentera Dalam Budaya Bajau Kampung. Mapan-mapan, Pitas, Sabah. Universiti Malaysia Sabah Institutional Repository. <http://eprints.ums.edu.my/id/eprint/17382/>
- Jelani, Harun, (2011). Umpama Sebuah Bahtera : Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak. Arkib Negara Malaysia. <https://www.worldcat.org/title/umpama-sebuah-bahtera-kajian-naskhah-melayu-sejarah-kesultanan-negeri-perak/oclc/831363723>
- Leyna Demay Ak Joseph Machine (2007). Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Iban di Sarawak. Universiti Malaysia Sarawak. <https://ir.unimas.my/id/eprint/23772/1/Kajian%20Cerita%20Rakyat%20Masyarakat%20Iban%2024pgs.pdf>
- Madiawati Mamat@Mustafa, Arbaie Sujud, (2009). Transformasi Medium Tradisi Lisan, Teks Dan Bentuk Multimedia Dalam Cerita Unggas. Jurnal Pengajian Melayu. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9679/6828>
- Maruan Mohd Yusoff (2003). *Nur Muhammad* : Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan. University of Malaya Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/227/>
- Mohd Fahmi Ismail.(2017). Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Termiar di Gua Musang Kelantan. Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68423/>
- Muhammad Irfan Nyia Bin Abdullah.(2013). Budaya Dalam Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh : Kajian Teori Sastera Budaya. Universiti Sains Malaysia.



<http://eprints.usm.my/43842/1/Muhammad%20Irfan%20Nyia%20Bin%20Abdullah24.pdf>

- Nick Zamry, (2011). Kesusasteraan Melayu Tradisional STPM. 5 Ogos 2011. Blogspot.com.  
<http://kmtppuintan.blogspot.com/2011/08/sastera-rakyat-sastera-lisan-sastera05.html>
- Norazimah Zakaria, Rusniyati Mahiyuddin, Siti Nor Amira Baharudin.(2016), Cerita Mitos Dua Dunia. Jurnal Peradaban Melayu UPSI Press.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3230>
- Nor Baiti Binti Mustaf.(2013). Tradisi dan Kepercayaan Orang Asli Jah Hut di Kampung Penderas, Temerloh. UNIMAS Institutional Repository.  
<https://ir.unimas.my/id/eprint/15625/>
- Normadiah Nassir (2016). Mitos dan Lagenda Murut Tahol Dalam Konteks Perubatan Tradisional. Universiti Malaysia Sabah Institutional Repository.  
<https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/17875/>
- Noor Ainon Mohamed, (2021). Surai Dipercayai Tertua di Perak Tengah. 1 Oktober 2021. Sinar harian Online  
<https://www.sinarharian.com.my/article/164470/EDISI/Surau-dipercayai-tertua-di-Perak-Tengah-terbiar-reput>
- Norsuhaila Sulaiman, Asmiaty Amat (2019). Analisis Kepercayaan Etnik Kadazandusun Sabah Dalam Antologi. ResearchGate.  
[https://www.researchgate.net/publication/345050936\\_Analisis\\_Kepercayaan\\_Kadazandusun\\_dalam\\_Tangon](https://www.researchgate.net/publication/345050936_Analisis_Kepercayaan_Kadazandusun_dalam_Tangon)
- Novita Sari Siregar.(2018). Ritual Kepercayaan Masyarakat Melayu Terhadap Cerita Rakyat Nek Saripah di Desa Hinai kanan Kecamatan Hinai Kabudaten Langkat : Kajian Antropologi Sastra. Repositori Institusi Universitas Sumatera Utara. <https://repositori.usu.ac.id/handle/123456789/3750>

- Sarah Sabir Ahmad, Syatirah Abu Bakar, Syakirah Mohammed, Nur Irinah Mohd Sirat.(2015). Kisah Disebalik Asal Usul Nama Kampung Di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai. UiTM Journal Article Respository.  
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35752/1/35752.pdf>
- Tessa Dwi Leonu, Wahyu Indrayatti (2018). Folklor Kepercayaan Rakyat Masyarakat Melayu di Kabupaten Bintan. Jurnal Kiprah.  
<https://ojs.umrah.ac.id/index.php/kiprah/article/view/859>
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob.(2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan : Satu Penelitian Kemasyarakatan. Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature UPSI.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/4411>
- Zainab Binti Ishak (2013). Pengaruh Peradaban Islam ke Atas Peradaban Melayu Dari Adat Resam dan Kepercayaan Masyarakat Melayu di Malaysia. Repositori Khazanah Melayu UiTM.  
<https://melayu.library.uitm.edu.my/2367/>

## LAMPIRAN

### Transkripsi Temu Ramah

**Responden 1 : Encik Hassan Bin Pandak Ismail**

**Umur : 70 Tahun**

**Asal : Kampung Gajah, Perak**

ERIEYANA	RESPONDEN 1
<p><b>KAMPUNG GAJAH</b> Assalamualaikum, boleh saya tahu pakcik ini penduduk asal Kampung Gajah ke?</p>	<p>Walaikumsalam, ya pakcik penduduk asal dalam daerah Kampung Gajah ini.</p>
<p>Boleh saya tahu siapa nama dan berapakah umur pakcik ?</p>	<p>Nama pakcik Hassan bin Pandak Ismail. Orang-orang kampung panggil pakcik Hassan JPJ sebab pakcik persara JPJ. Umur pakcik dalam lingkungan 70 tahun, tahun ini.</p>
<p>Saya pelajar tahun akhir kos pengajian warisan dalam elektif sastera warisan. Jadinya saya buat kajian mengenai cerita asal usul nama kampung. Boleh tak pak cik ceritakan sedikit mengenai asal usul nama Kampung Gajah?</p>	<p>Pak cik tak tahu sangat cerita asal usul nama Kampung Gajah ni, tapi pakcik boleh la tolong cerita sikit-sikit yang pakcik tahu. Ini pon pakcik dengar daripada orang dulu-dulu bercerita. Dulu-dulu mane ade benda-benda nak dirakam kan. Lain le ghope zaman sekarang ni boleh rakam. Dapat le info yang banyak. Tapi itu le pakcik x boleh nak kabo cerita ini beno ke idak sebab memang dapat cerita ni pon dari mulut orang kampung dulu-dulu je</p>
<p>Tak apa pak cik, cerita je apa yang pakcik tahu tentang asal usul nama Kampung Gajah.</p>	<p>Asal kampung Gajah ni ade le beberapa cerita yang kampung Gajah ni dapat nama. Orang-orang dulu le kabo. Kampung gajah ni dulu x de ghope ni. Semua pukai hutan. Tak ade le bangunan ghope sekarang ni. Dulu Kampung Gajah ni bukan name Kampung Gajah, dulu oghang panggil Kampung Gajah ni Sekampung Gajah sebabnya dulu Kampung Gajah ini penuh dengan sekumpulan gajah yang berkampung kat sini. Gajah-gajah tu datang daripada bukit tunggal depan sane tu. Bukit Tunggal tu orang panggil bukit tunggal sebab memang situ je satu bukit yang de kat situ. Sebab tu orang panggil bukit tunggal dulu. Dengo cerita orang dulu, gajah-gajah tu datang daripada bukit tunggal sebab kat sane tak ade makanan jadinya deme</p>

	<p>mengelilo (merayau) le cari makanan sampai le deme jumpa kampung ni. Orang-orang dulu kan suke nanam pisang, buah kan, jadinya deme datang le habis dimakannya orang-orang kampung punye tanaman. Tapi orang kampung tak marah sebab deme kesian kat gajah tu. Jadinya gajah tu dah jinak dibaginye makan, ate orang kampung pon bela le gajah tu. Deme buatnya gajah tu bawak barang-barang. Dulu mane ade kete moto ghope sekarang ni. Ape yang ade depan mate deme gune. Lame lepas tu gajah-gajah tu pon mogok (merajuk) sampai le bawak diri ntah kemana. Tapi denago jugak deme kabo gajah tu pegi ke Batu Gajah sane nuh. Wallahu'alam le. Pakcik pon tak berani nak cakap lebih.</p>
<p>Jadinya itu la yang dikatakan Kampung Gajah yang sebelumnya dipanggil Sekampung Gajah ye Pakcik.</p>	<p>Yee, itu orang dulu-dulu cerite le. Tapi ade juga yang pakcik denago asal Kampung Gajah ni daripada orang yang berkaki untut. Untut tu yang kaki beso. Kat sini ramai orang-orang dulu berkaki untut. Sekarang pon ade tapi tak ramai macam dulu. Bile kaki dah untut jadinya tak ade le kasut yang sesuai dengan deme. Jadinya tepi-tepi tebing dulu nak buang ayor beso, deme berjalan kaki x pakai nya kasut. Lepas tu nampak le kesan-kesan kaki orang kampung yang kene untut tu. Uдах le deme kabo itu kaki gajah. Habis merate kampung gajah ni heboh kabo ade gajah kat situ. Padahalnya kaki orang untut.</p>
	<p>Lepas itu, ade le cerita lain pasal Kampung Gajah ni. Dari bukit tunggal tu ade le sang kelembai. Sang kelembai tu dia bukan binatang tapi mcm makhluk ghaib le orang kabo. Sape je lalu depan dia semuanya disumpahnya. Dulu dia diam kat bukit tunggal tapi ade jugak pakcik denago dia duduk kat bukit changkat lada sane tu. Nak jadikan cerita dulu kat bukit tunggal tu, ade gajah yang duduk situ lepas tu kene tegur dengan sang kelembai. Sang kelembai pon sumpahnya gajah tu jadi batu. Jadinya orang-orang kampung sini panggil le kawan ini sebagi</p>

	Kampung Gajah.
Kalau saya tanya kat pakcik, pakcik percaya ke apa yang orang dulu ceritakan kisah asal usul kampung gajah ini kepada pakcik.	Susah pakcik nak cakap. Apa yang orang kampung dulu cakap boleh dipercayai dan jugak ade yang tak boleh dipercayai. Dia ikut kepada bukti peninggalan yang ade. Macam bukit tunggal tu memang beno ade batu menyerupai gajah. Changkat lada pon ade boleh nampak dari jalan beso. Tapi kalau nak kabo percaya atau tak percaya tu memang susah nak cakap. Itu le pakcik kabo dari awal tadi memang pakcik dapat cerita pon dari orang dulu. Tak tahu le cerita tu beno ke idak.
Ok baik pakcik. Terima kasih atas cerita yang pakcik sampaikan. Sangat menarik.	Sama-sama. Semoga berjaya dunia dan diakhirat.

**Responden 2 : Tuan Haji Zakaria Bin Mahmad**

**Umur : 87 Tahun**

**Asal : Kampung Selat Pulau, Perak**

ERIEYANA	RESPONDEN 2
<b>KAMPUNG SELAT PULAU</b> Assalamualaikum, boleh saya tahu pakcik ini penduduk asal Kampung Selat Pulau ke?	Walaikumsalam, panggil tok je. Tok memang asal orang Selat Pulau. Atok nenek dulu memang orang sini. Tok lahir je memang dah ade kat sini.
Boleh saya tahu siapa nama dan berapakah umur tok ?	Nama penuh Tuan Haji Zakaria Bin Mahmad berumur 87 tahun. Orang sini panggil Tok Sidang Tuek. Tapi tok dah tak jadi tok sidang dah. Dah pencen orang kabo.
Saya pelajar tahun akhir kos pengajian warisan dalam elektif sastera warisan. Jadinya saya buat kajian mengenai cerita asal usul nama kampung. Boleh tak atok ceritakan sedikit mengenai asal usul nama Kampung Selat Pulau ni?	Selat Pulau ni dulu pulau kecil yang betul-betul di tepi tebing sungai perak ini. Dulu Selat Pulau tempat orang Cina berdagang dari Teluk Intan. Deme pakai sampan penambang datang sini berniaga. Selat pulau ni dulu penuh dengan orang cina. Semua sekutu deme pukai ade kat sini. Lepas tu berlakunya perang Sungai Manik kat sini orang melayu semua berpakat nak halau orang cina dari sini sebab diorang ni tak ade adab kurang ajor. Tahu kan Chin Peng, tu lee keterunan deme. Deme mana nak bagi orang Melayu ni aman. Lepas tu, lama kelamaan pulau ni jadi

	<p>kecik lepas tu ade le selat depan tu. Kome boleh tengok selat kat depan sungai sane tu. Tapi bahaya sane tu riso ulor. Ayor tengah naik tu. Jadi le Selat Pulau. Rasenya Selat Pulau ni dah ade pada tahun 1980 lagi.</p>
<p>Atok tahu cerita asal usul Selat Pulau ni daripada siapa tu tok?</p>	<p>Daripada opah, tok nenek moyang dulu. Orang dulu rajin bercerita dengan anak cucu cicit deme. Bior deme tahu asal usul kampung ni ghope mana.</p>
<p>Selain itu tok, ade tak cerita-cerita lain yang tok tahu tentang asal usul Kampung Selat Pulau ni?</p>	<p>Setakat ni itu je yang tok tahu daripada cerita-cerita orang dulu. Payah sekarang ni nak denago orang dulu bercerita. Dulu pon sebab tok selalu ikut ayah tok pegi kedai makan, kawan-kawan ayah tok pon bercerita le. Daripada situ le tok dapat tahu daripada orang dulu tentang sejarah Selat Pulau ni.</p>
	<p>Kampung Kepala Pulau sana tu penyampung kepada Selat Pualau ni. Ade kaitan le antara dua kampung ni. Kepala Pulau ni pulau yang ditinggalkan dengan pulau yang ade dalam selat pulau ni. Bila orang luar datang tanya ninkampung mane, orang kampung x de le nama nak manggilnya. Jadi orang kampung pakat le namakan Kampung Kepala Pulau. Kat situ le deme buat jambatan dato sagor tu. Tapi kawasan tepi tebing tu memang kawasan tempat orang-orang nak menyeberang sane. Orang nak pegi teluk intan pon lalu depan sane menyeberang. Tak banyak le kisah Kampung Kepala Pulau tu. Yang tok tahu itu le orang lame-lame bercecite.</p>
<p>Baik Tok. Tak ape, kat sini saya dah dapat info tentang dua kampung sini. Jadinya tok, saya nak tanya berdasarkan cerita yang tok cerita ini, tok percaya ke pasal cerita asal usul kampung-kampung ni?</p>	<p>Kalau katakan percaya kepada semuanya tak ade le. Kadang-kadang deme cerita sebab dulu xde gadget macam sekarang ni. Jadinya cerita-cerita dulu deme jadikan satu bende yang dapat penuhkan masa-masa deme. Sebabnya deme pon bercerita kat kedai kopi.</p>

**Responden 3 : Puan Enon Binti Umar**  
**Umur : 78 Tahun**  
**Asal : Kampung Kota, Perak**

ERIEYANA	RESPONDEN 3
<p><b>KAMPUNG KOTA</b> Assalamualaikum, boleh saya tahu opah ini penduduk asal Kampung Kota ke?</p>	<p>Walaikumsalam, yee opah memang orang sini. Lahir pon kat sini, membesar pon kat sini.</p>
<p>Boleh saya tahu nama dan umur opah berapa?</p>	<p>Nama opah Enon Bin Umar. Umur opah 78 tahun.</p>
<p>Saya dapat tahu yang opah ni tahu cerita asal usul Kampung Kota ni? Betul ke?</p>	<p>Opah tak tahu sangat ceritanya. Tapi opah tahu le sikit-sikit sebab memang orang sini kan. Opah pon dapat tahu daripada ayah opah. Lagi-lagi opah ni dekat ngan kubu kota ni.</p>
<p>Kalau begitu, boleh ke kalau saya nak tahu asal-usul kampung Kota ni opah?</p>	<p>Opah cerita apa yang opah tahu ye. Sebab cerita ni pon opah dapat tahu daripada ayah opah sebab ayah opah ni suka bercerita dulu-dulu. Maklum le orang-orang dulu suke bercerita. Tengah makan pon deme suka bercerita. Asal nama kampung Kota ni sebenarnya daripada kota ni (sambil menunjukkan jari ke arah kubu yang berhampiran sebelah rumahnya). Ini kubu ni. Kubu tanah orang dulu. Ayah opah cerita tengah-tengah kubu ni ade kota. Kota tu dulu deme dirikan dia macam istana tapi dia bukan istana dia macam satu tempat untuk orang-orang besar dulu berlindung. Lepas itu sekelilingnya dengan kubu. Kubu ni beso Nana daripada sini sampai le ke sekolah Selat Pulau belakang ghomah kamu tu. Dulu deme perang jadinya dulu orang-orang besar duduk le dalam kota tu. Luar tu dijaga le asakra-askar dulu. Nak dirikan kubu kota ni bukannya dulu ade cangkul ke ape. Deme guna batang nibong deme ambik tanah dari sungai lepas tu deme bawak kesini dijadikan kubu. Sebab tu le orang-orang dulu kuat. Buat kubu guna batang nibong tak ade dah teknologi-teknologi ni. Kubu deme buat ni nak lindungi orang besar dari berperang. Dulu belakang rumah opah ni ade sungai. Kapak-kapak perang dulu singgah belakang ni le. Sekarang dah tak ade dah le. Kubu ni dulu bukan tinggi mcam ni. Dia tinggi lagi daripa yang ni. Lebih kurang 10 kaki ke atas. Ini dah beratus tahu kat sini dia habis mendap jatuh ke bawah tanah-tanahnya.</p>

	<p>Dulu masa Ramli Ngah Talib kubu ni pernah deme nak jadikan tapak sejarah. Ramai yang datang naik kete beso macam menteri datang jenguk kubu ni. Opah ade le bagi deme minum. Ini kalau buat tempat bersejarah pon dah ok dah. Ade le cerita yang boleh dibawakkan ke cucu-cucu nanti. Kalau deme tanya ni tempat ape boleh le diceritakan. Sekarang niramai orang tak tahu tengah-tengah kampung kota ni ade kubu.</p>
<p>Opah tahu kubu ni ade bile opah?</p>	<p>Lame le oprah tahu. Opah tahu daripada opah kecik memang dah ade kubu ni. Dulu sebelum Pak Mat tanam pokok sawit ni memang kosong tanah ni. Penuh macam hutan. Ini bila dah Pak Mat tanam sawit sini nampak le sikit tempat ni tersusun.</p>
<p>Opah saya nak tanye kan opah kabo tadi ade kota kan yang macam istana tapi bukan istana kan tengah-tengah ni, jadinya kota tu dimana sekarang. Ade ke lagi tapaknya?</p>	<p>Ayah opah dulu ade le cerita tapak kota tu ade kalau kamu berani masuk ke dalam tu ikut pintu tengah-tengah tu kamu boleh nampak tapak kota tu, tapi opah tak tahu le ade ke tak ade sebab ye le dah jadi kebu sawit takut deme dah ratakan tapak tu nak tanam sawit. Tapi cube kamu tengok kalau berani le. Tapi kamu tengok ade lubang-lubang kat bawah tu kan, ha tu tempat deme letak meroyam. Dulu ade meroyam situ tapi tak tahu le mana peginya. Opah pon jarang nak jenguk situ.</p>
<p>Oooo ok opah. Itu je yang saya nak tahu. Saya pun baru tahu yang sini ade kubu. Kalau saya tak buat kajian mengenai kampung ni mungkin sampai ke sudah saya tak tahu.</p>	<p>Itu lee. Ramai je orang -orang kampung sini yang tak tahu ade kubu sini. Yee lee biasa orang tengok kubu ni macam bentuk yang macam empat segi semua tu. Tapi yang ni kubu orang tentera melayu buat. Kalau orang luar buat mungkin le lawo sikit yang macam ade kat Melake tu kan.</p>
<p>Baiklah opah. Kiranya itu le kisah Kampung Kota mendapat nama.</p>	<p>Yee itu le nama Kampung Kota. Tapi nak tahu lebih tepat kamu kene pegi jumpe orang lagi tua dalam kampung ni. Tapi memang susah nak cari orang tua sekarang sebab ramai yang meninggal dah.</p>
<p>Betul tu opah memang susah nak cari. Ni saya jumpa opah pon dah bersyukur rasanya. Terima kasih opah atas cerita yang opah sampaikan kat saya. Semoga saya dapat jalankan kajian ini dengan</p>	<p>inshaAllah sama-sama.</p>



baiknya.	
----------	--

**Responden 4 : Encik Abdul Aziz Bin Ngah Abdullah**

**Umur : 81 Tahun**

**Asal : Kampung Geronggong, Perak.**

ERIEYANA	RESPONDEN 4
<b>KAMPUNG GERONGGONG</b> Assalamualaikum, boleh saya tahu pakcik ini penduduk asal Kampung Geronggong ke?	Walaikumsalam, ya saya orang Kampung Geronggong. Dah menetap sini 81 tahun.
Boleh saya tahu nama dan umur pakcik berape?	Nama Abdul Aziz Bin Ngah Abdullah dan berumur 81 tahun.
Pakcik tahu tak asal usul nama Kampung Geronggong ini dapat daripada mana?	Kampung Geronggong ini dulu bukan kat sini. Kampung Geronggong ade kat seberang sungai sane. Orang-orang tua dulu kabo asal nama geroenggong ni dulu ade seekor binatang yang kluarkan bunyi kuat. Sampai mengganggu orang-orang kampung. Bunyi macam anjing tapi bukan anjing. jenuh orang kampung mencari apa binatang tu. Rasanya sampai sekarang orang tak tahu binatang tu ape. Binatang tu dulu asalnya daripada kampung seberang sungai sane tu. Lepas tu dia aku alor sungai sane tu datang ke sini. Uдах le dia keluarkan bunyi macam anjing yakamat kuat. Lepas tu heboh sapai ke kampung-kampung lain. Orang-orang dulu kan bile ade je benda yang pelik terus deme tetapkan tempat tu atas nama yang pelik tu. Sebab itu le kampung geronggong pelik namanya.
Ade ke lagi binatang tu pak cik?	Mandang dah (tak ada). Pak cik pon x tahu jugak wujud ke idak binatang tu. Sebabnya masa tu pakcik x de lagi. Ate pakcik dapat tahu pun daridada orang tua. Orang tua yang tahu cerita sebenor pon udah tak ade meninggal. Dulu ade lee Pak Midi orang kampung belakang ni, die tahu lee cerite-cerite semua ni. Dia pon dah meninggal.
Baik Pak Cik. Saya cuba nak tanyakan asal-usul Kampung Geronggong ni jee. Terima Kasih banyak-banyak ye pakcik sebab sudi layan saya.	Same-same

**Responden 5 :Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali**

**Umur : 48 Tahun**

**Asal : Kuala Kangsar (Pegawai Kuraktor Kompleks Sejarah Pasir Salak)**

ERIEYANA	RESPONDEN 5
<p><b>KAMPUNG PASIR SALAK</b> Assalamualaikum, saya Erieyana daripada pelajar jurusan Pengajian Warisan Kesusasteraan Warisan UMK, ingin membuat sesi temu ramah mengenai kajian yang saya lakukan. Jadi sebelum saya teruskan lagi, boleh saya tahu nama dan umur encik untuk saya dapatkan detail responden?</p>	<p>Walaikumsalam, saya Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali dan saya berumur 48 tahun. Saya kat sini sebagai pegawai kuraktor bagi Kompleks Sejarah Pasir Salak. Saya bekerja di sini daripada 2003 lagi sehingga lah sekarang. Jadinya apa yang boleh saya bantu? Kalau boleh saya bantu, saya bantu.</p>
<p>Macam ini, saya pelajar tahun akhir dan saya perlu buat Projek Tahun Akhi. Kajian saya mengenai cerita asal-usul. Jadinya saya datang ke sini untuk menemu ramah encik mengenai cerita asal usul Kampung Pasir Salak. Mungkin dalam pemikiran saya, kompleks ini dapat membantu saya menjayakan kajian saya ini.</p>	<p>Saya ini bukanlah orang sini, saya orang Kuala Kangsar tapi bekerja disini. Saya kurang tahu sangat mengenai asal-usul Kampung Pasir Salak tapi saya boleh le cerita sikit-sikit kat adik apa yang saya tahu daripada orang kampung sini. Kampung Pasir Salak ini saya dapat ada dua versi cerita. Jadinya versi pertama yang saya dapat ni memang dah sedia maklum ramai orang dah tahu. Orang kampung ke orang luar kampung ni ke memang dah ramai yang tahu. Mulanya asal nama pasir salak ni daripada kulit buah salak. Dulu sepanjang sungai ni sebelum orag tambah buat batu, tepi-tepi tu memang ada pasir yang berwarna putih ayor sungai dulu x de ghope ni orang kampung kata. Jadinya dulu banyak le pokok salak ni tumbuh mencanak-canak (banyak) di sepanjang kampung ni. Jadinya mula lee banyak kulit buah salak kat tepi-tepi sungai ini. Lepas orang kampung panggil le kawasan ini Kampung Pasir Salak. Tapi kalau ikutkan secara logik, pokok salak ini mana boleh tumbuh kat kawasan tanah berpasir. Dia hidup kat kawasan pamah. Tapi kalau dulu ornag tanam pokok salak ni kat tanah seberang belakang kampung ini lepas tu dibawak air bah (banjir) mungkin le kulit-kulit buah salak ni akan terkumpul kat tepi sungai. Boleh dipercayai le ceritanya. Itu versi cerita yang pertama. Cerita yang kedu pulak ini saya dapat tahu daripada seorang penduduk kampung Pasir Jenderih sane tu. Dah tua dah umur dia ada dalam 70 tahun macam tu. Dia ade cerita kat saya masa dia</p>

	<p>melawat kompleks sejarah ni. Dulu orang sini x panggil Pasir Salak, orang panggil Pasir Selak haa. Sebabnya orang panggil pasir selak ini istilah daripada waktu musim kemarau dulu air sungai kering jadinya jamban rakit dulu jadi payah deme nak ke tandas membuang. Orang dulu deme membuang kat sungai je. Deme dirikan jamban rakit tu tengah-tengah tebing. Bila jee musim panas datang ayor sungai kering jamban rakit x boleh guna timbul le benting-benting oasis kat tebing sungai tu. Jadinya benting-benting pasir tu lee jadi tempat pembuangan ayor beso. Deme korek lee pasir tu jadi lubang. Bila orang kampung tanya ‘nak pegi mane tu?’ deme yang dah nak membuang tu kabo lee ‘nak pegi pasir selak jap’ haa jadi laa lama kelamaan orang panggil pasir selak. Lepas tu bertukarlah la nama Pasir Salak. Begitu le ceritanya. Ini orang dulu orang kampung sini cerita. Saya pasti le betul ke idak. Sebab saya pon bukan orang sini cume saya suke dengao cerita-cerita orang sini je. Jadinya mana yang saya tahu, saya kongsikan.</p>
<p><b>KAMPUNG BIAK</b> Terima kasih encik atas cerita yang disampaikan. Jadinya kalau encik tahu lagi cerita asal-usul kampung-kampung lain yang berdekatan disini boleh la encik kongsikan sekali.</p>	<p>Saya ade jugak tahu cerita-cerita kampung lain macam kampung biak. Tahu kan kampung biak belah mana?. Kampung Biak dekat sini je. Ade dua Kampung Biak Darat dengan Kampung Biak Hilir. Kampung Biak ni asalnya daripada nama pokok biak. Orang sini panggil pokok biak tapi orang lain mungkin panggil pokok ketum. Pokok ketum ni duluorang panggil pokok biak sebab dia mudah nak hidup. Tambah-tambah di kawasan yang tanah lebabab tepi sungai macam ni. Jadinya mudah deme nak membiak. Orang dulu daun biak ni deme buat ubat kuat untuk sihatkan badan. Sekarang ni nie deme dah buat lain. Penagih suke lee daun biak ni. Tapi elok jee kalau kita guna dengan cara yang betul. Tapi kalau udah campur ini campur itu dah jadi benda lain. Kawasan kampung biak u memang banyak poko biak. Sekarang</p>

<p><b>KAMPUNG BANDAR TUA</b></p>	<p>ni pon ade tepi-tepi sungai. Tapi saya tak pasti lee kalau deme dah buang kan. Boleh mencari kalau nak tengok. Bila orang dulu tanya nak pegi mane kabo nak pegi ambik biak buat ayor. Jadinya ornag dulu bagi lee kawasan tu sebagai Kampung Biak.</p> <p>Lepas Kampung Biak ni Kampung Bandor Tua kan. Saya boleh cerita sedikit kisah Kampung Bandor Tua ni. Kampung Bandor Tua ni pernah tercatat dalam sejarah perang Perak 1875. Petempuran antara British dengan orang Melayu ketika itu terjadinya Bandar Tua. Kome jangan anggap bandar dulu macam bandar sekarang yang macam banda ipoh tu. Bandar dulu dan bandar sekarang tu beza sangat. Bandar dulu tempat tumpuan orang berdagang. Sini orang panggil Bandar Tua, seberang sane orang panggil Bandar Baru. Jadinya dalam daerah kecik Kampung Gajah ini ade dua Kampung Bandar yang tak ade bandar dalamnya cumanya deme ambik istilah badar sebab dia mebangun dengan penduduk.</p>
<p>Ooo, begitu ceritanta. Kiranya saya dah dapat tiga cerita asal usul daripada ENcik Fauzi. Terima Kasih encik sebab terima kunjngan saya yang secara mengejut ni.</p>	<p>Yaa sama-sama. Kira ini dah satu tanggungjawab saya dalam kerja saya. Sebab itu saya cakap, saya nak bantu mana yang boleh sahaja. Tapi cerita-cerita yang saya kongsikan ini bukannya saya reka, saya dapat daripada orang dulu.</p>
<p>Baik encik, lagipun ini adalah satu sastera lisan. Sastera lisan ni bukanlah cerita yang sahih tiada yang betul dan tiada yang salah.</p>	<p>Yup betul tu. Harapa apa yang saya kongsikan ini dapat membantu awak membuat kajian ini.</p>
<p>Terima kasih diucapkan sekali lagi.</p>	<p>Sama-sama</p>

**Responden 6 : Puan Azizah Binti Zamzuri**  
**Umur : 52 Tahun**  
**Asal : Kampung Pasir Garam**

ERIEYANA	RESPONDEN 6
<p>KAMPUNG PASIR GARAM                      Assalamualaikum puan, saya nak tahu puan orang Kampung Pasir Garam ke?</p>	<p>Walaikumsalam, ye saya, saya orang kampung sini. Mak ayah saya orang sini.</p>

<p>Boleh saya tahu nama puan dan umur puan berapa?</p>	<p>Nama saya Nor Azizah Binti Zamzuri dan berumur 52 tahun.</p>
<p>Saya nak jumpa Puan Azizah ni ade hajat. Saya pelajar UMK kene buat kajian mengenai asal-usul kampung-kampung lama kat sini. Saya dengar Puan Azizah tahu asal usul Kampung pasir Garam ini. Sebab itu saya nak jumpa dengan puan.</p>	<p>Yee, saya tahu sikit-sikit jee. Banyak cerita orang-orang dulu yang suka bercerita. Jadinya saya ini dah macam generasi baru yang dapat tahu hal ini. Asal Kampung Pasir Garam ini daripada kapal tongkang yang terbalik. Kampal tongkang ni dulu deme bawak garam. Jadinya deme pon terbalik le di tengah-tengah pulau sane. Tapi saya tak tahu le apa punca terbaliknya. Mungkin dilanngornye bendul tengah-tengah sungai tu. Dulu sungai depan ni bukannya kecil rope ini. Dulu beso luas. Ini kapal tongkang yang beso pon muat lalu kat situ. Nak dijaidkan cerita, satu haritu ade le kapal tongkang bawak garam lalu depan ini lepas tu terbalik. Jadinya masa polis nak buat siasatan polis nak tahu kejadian tu dimana. Jadinya orang kampung pon tahu apa nama tempat tu. Polis yang nak buat siasatan tu pon datang pergi tengok tempat tu. Masae tu bile polis nak buat siasatan polis kene tahu kat mana kapal tu terbalik. Jadinya nak dipendekkan cerita deme panggil lee situ Kampung Pasir Garam. Sampai sekarang le orang panggil Pasir Garam. Cerita ini orang-orang kampung semua tahu cerita nama Pasir Garam ini. Nenek moyang udah cerita kat deme mana dapat nama Pasir Garam ini.</p>
<p>Oo, baru saya tahu kat sini boleh muat kapal tongkang lalu. Ingatkan x muat.</p>	<p>Haah, yee memang muat. Sebab tu saya kabo sungai dulu tak sebeso dengan sungai sekarang.</p>
<p>Baiklah, puan ada tak lagi cerita yang puan tahu. Macam kampung-kampung lain ke?</p>	<p>Macam Kampung Pulau Tiga saya ade la tahu serba sedikit daripada apa yang opah saya bagitahu.</p>
<p>Kalau macam itu, boleh tak kalau saya nak puan cerita kan tentang asal-usul kampung tersebut.</p>	<p>Kampung Pulau Tiga ini ade dua bahagian Kampung Pulau Tiga Kiri dan Kampung Pulau Tiga kanan. Dia ade dua sebab tengah-tengah nya sungai Perak. Kampung Pulau Tiga ni asalnya daripada pulau yang bercabang tiga. Kirenya pulau tu ade tiga cabang kepala. Orang tua kabo dulu nampak le. Sekarang dan tak nampak pulau yang ade tiga cabang tu. Itu sebab le orang sini panggil Pulau Tiga</p>

Oo macam itu kisahnya. Terima kasih puan atas kerjasama yang puan beri kat saya.


Ok sama-sama.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN